

DN.29.7.1999

[Laporan Penyata Rasmi ini belum disemak]
[Senarai nama Ahli Parlimen dilampirkan]
[Kandungan dilampirkan pada muka surat terakhir]

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 29 Julai 1999

Mesyuarat di mulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Charern Intachat** minta Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan menyatakan jika kebudayaan Siam diterima sebagai sebahagian daripada Kebudayaan Kebangsaan, bolehkan kerajaan memberikan perhatian yang sewajarnya kepada pembangunan dan pemulihan Kebudayaan Siam Malaysia dengan memberikan ruang persembahan di TV sebagaimana ruang yang diberikan kepada seni budaya kaum lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menerima dan menetapkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan hendaklah berlandaskan kepada tiga perinsip iaitu:-

- (i) kebudayaan Malaysia hendaklah berteraskan kepada rakyat asal rantau ini;
- (ii) unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur-unsur kebudayaan kebangsaan;
- (iii) Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu.

Dari prinsip kedua itu bermakna bahawa unsur-unsur kebudayaan Siam yang sesuai dan wajar boleh diterapkan sebagai kebudayaan kebangsaan. Namun

begitu tahap penerapan dan bentuknya adalah berbeza. Kebudayaan kebangsaan dapat dilihat dari dua bentuk iaitu:

- (i) Bentuk amalan budaya peringkat rasmi yang dipakai dalam upacara-upacara rasmi negara.
- (ii) Bentuk amalan budaya tidak rasmi yang melambangkan corak dan nilai bangsa Malaysia keseluruhannya yang merentas unsur-unsur budaya suku kaum.

Dalam konteks ini mana-mana kebudayaan Siam yang sesuai dan wajar dikategorikan dalam bentuk amalan budaya yang melambangkan corak dan nilai bangsa Malaysia keseluruhannya.

Berhubung dengan ruang persembahan di televisyen ianya bolehlah dirunding dengan Kementerian Penerangan dan pada pandangan kementerian ini ianya merupakan satu langkah yang baik.

Dato Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Soalan tambahan. Apakah jenis kebudayaan Siam ataupun tarian Siam yang telah pun kita terima sebagai kebudayaan kebangsaan kita. Cuba namakan dalam dua, tiga supaya semua kita tahu. Terima kasih.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, suku kaum Siam adalah golongan minoriti yang terdapat di negara ini. Kebanyakan mereka terdapat di negeri yang bersempadan dengan Thailand seperti Kelantan, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang, Perak dan Terengganu.

Seperti juga kaum lain masyarakat Siam mempunyai kebudayaan dan keseniannya yang menjadi amalan mereka. Antaranya ialah seni bina dan seni ukir, seni textile, kraf, makanan dan seni persembahan. Sebahagian kesenian ini telah diterima oleh kaum lain seperti unsur teratai dalam seni bina, tenunan dan textile' sutera Thailand dan makanan seperti 'tomyam' dan pulut.

Begitu juga dengan persembahan kesenian yang dilibati oleh kaum lain seperti Menora di Kelantan dan Gendang Panjang di Perlis. Kaum lain dapat

menerima kebudayaan dan kesenian Siam ini sekiranya ia tidak bercanggah dengan amalan kaum itu seperti falsafah, adat resam, kepercayaan dan agama. Terdapat kesenian Siam yang telah dipelihara oleh kementerian melalui Pejabat Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan negeri-negeri. Antaranya Gendang Panjang di Perlis, kesenian ini diberi peluang mengadakan persembahan di majlis rasmi negeri seperti sempena Hari Kebangsaan dan sambutan Hari Keputeraan.

Malahan penyertaan juga dibuka kepada masyarakat lain untuk sama-sama mempelajari kesenian ini. Saya harap sedikit sebanyak dapat menerangkan keadaan.

2. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauhmanakah dasar ketelusan dan korporat governance dalam sistem kewangan dapat mengesan dan mengawasi kejadian penyelewengan dan jenayah komersial dalam syarikat awam dan swasta.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, krisis ekonomi yang berlaku mulai pertengahan tahun 1997 telah mencetuskan pelbagai analisa dan perdebatan. Terutamanya kepada isu-isu ekonomi makro, kestabilan sistemik, kawal selia pelaburan antarabangsa dan perlunya di peringkat pendedahan dan pentadbiran korporat yang baik.

Laporan pentadbiran korporat yang telah dikeluarkan pada 25 Mac 1999 telah memberikan penekanan kepada accountability korporat, pendedahan dan ketelusan supaya setiap keputusan yang diambil oleh sesebuah syarikat sentiasa mengambil kira semua pihak yang mempunyai kepentingan termasuk pemegang saham minoriti. Penekanan kepada ketelusan dan pentadbiran korporat yang baik merupakan sistem check and balance yang menyuarakan pelanggaran yang menyukarkan pelanggaran peraturan dan undang-undang di kalangan ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan pemegang-pemegang saham utama serta dapat meningkatkan accountability mereka terhadap pelaburan awam.

Walaupun pentadbiran korporat ditujukan khusus untuk syarikat tersenarai. Syarikat-syarikat sendirian berhad digalakkan untuk mencontohi dasar ketelusan tersebut sebagai persiapan awal sebelum syarikat-syarikat disenaraikan. Pematuhan kepada dasar ini pada peringkat awal lagi adalah satu amalan yang baik.

Pelaksanaan perakuan laporan pentadbiran korporat sedang giat dijalankan dan diawasi oleh Jawatankuasa Kewangan yang dipengerusikan oleh Kementerian Kewangan. Sebuah Pasukan Pelaksanaan Projek yang diketuai oleh Suruhanjaya Security bertanggungjawab untuk mengawasi dan melaporkan kepada Jawatankuasa Kewangan status pelaksanaan perakuan-perakuan tersebut.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Soalan tambahan. Baru-baru ini kita sering membaca dalam akhbar dan kita sendiri sedar bahawa syarikat-syarikat awam dan swasta terutama sekali termasuklah syarikat konsesi dan juga institusi bank yang mengalami kerugian yang besar dan pihak kerajaan terpaksa menubuhkan dana modal dan beberapa dana bagi memulihkan institusi kewangan ini untuk menyelamatkan wang rakyat dan juga wang negara. Jadi yang anehnya, pengurus-pengurus, orang-orang yang kita bagi tanggungjawab untuk menguruskan syarikat-syarikat ini masih senang-lenang, kaya-raya, syarikat rugi. Ini satu gambaran yang nampak seolah-olah sistem itu tidak berfungsi dan orang-orang ini tidak menerima hukuman yang sewajarnya. Jadi, apa pandangan kerajaan tentang masalah ini.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi bahawa kerajaan sentiasa telus dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan institusi-institusi kewangan khususnya dan juga pelaburan-pelaburan. Baru-baru ini, seorang orang besar di sebuah bank telah pun dihadapkan ke mahkamah dan yang lain-lain kalau didapati bersalah seperti yang baru-baru ini disiarkan ada empat orang yang telah dicari oleh KLSE dan Securities Commission dan mereka ini juga akan dihadapkan ke mahkamah.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sejauh manakah pihak kerajaan berjaya merealisasikan falsafah Bersih, Cekap dan Amanah dalam pengurusan pentadbiran?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan penguatkuasaan corporate governance ini, pihak penguatkuasa ataupun regulatory authorities, telah pun mengambil beberapa tindakan untuk memajukan corporate governance di Malaysia ini sejajar dengan kehendak kerajaan kita sendiri sebagai pusat kewangan terunggul di rantau ini dan di seluruh dunia.

Pihak penguatkuasa yang berkenaan terutama sekali seperti yang saya katakan tadi, Suruhanjaya Sekuriti, KLSE, Bank Negara, ROC dan LOFSA telah pun memasukkan perkara-perkara penting untuk mempertingkatkan lagi corporate governance dalam bidang masing-masing. Jadi, perkara-perkara penting yang ditonjolkan ialah Kod Etika Pengambilalihan dan Percantuman 1998 yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1999 untuk memastikan ketelusan dan mengambil kira kepentingan pemegang saham yang kecil.

Yang keduanya, memerlukan penubuhan Jawatankuasa Audit Dalam dalam kompeni-kompeni yang tersenarai dan yang ketiganya, untuk menghadkan directors kepada 25 appointments dan kalau listed companies hanya kepada 10, private companies hanya kepada 15 dan perlu juga quarterly performance announcement iaitu laporan-laporan berkala, quarterly by listed companies or registered companies kepada KLSE dan ini merupakan satu ketelusan.

Dan keempatnya, pemantauan yang tajam ataupun close monitoring kepada senior banks management oleh Bank Negara Malaysia dan juga perubahan undang-undang untuk mengimplimentasikan proses corporate governance dalam CDS. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Ghazi, tidak ada dah? Tidak merajuk ya?
[Ketawa]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua tidak nampak saya di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Pasal asyik tengok sebelah kiri sahaja.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat mengenai individu-individu yang menjadi Lembaga Pengarah kepada syarikat-syarikat. Kita dapati ada individu yang memegang banyak jawatan, mengisi banyak tempat sebagai Lembaga Pengarah dalam syarikat-syarikat di mana sesetengahnya beliau menjadi Chairman kepada satu syarikat dan menjadi ahli Lembaga Pengarah kepada anak-anak syarikat.

Ini saya rasa juga merupakan sesuatu yang tidak disenangi oleh banyak pihak kerana tidak mungkin seseorang akan dapat menumpukan perhatian, menjalankan tugas dalam berbagai-bagai syarikat dalam satu masa. Kerajaan telah membuat peraturan, kalau saya tidak silap, satu individu cuma boleh mengisi 15 tempat Lembaga Pengarah. Adakah perkara ini telah dilaksanakan dan jika tidak dilaksanakan, apakah halangan-halangnya dan bilakah kerajaan bercadang untuk melaksanakannya? Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, saya ada nota dalam bahasa Inggeris. Saya bacakan dalam bahasa Inggeris sebab bahasa Melayu tadi mungkin tidak terang. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *“Restriction on number of companies in which an individual can be appointed as Director up to 25 appointments where the limit of listed companies is 10 and for private companies is 15”*. Jadi, ini yang telah pun kita ambil kira dan kita maktubkan untuk kita tonjolkan dalam corporate governance. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii.

3. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapa buah projek pembangunan di Sarawak

yang ditangguhkan akibat kegawatan ekonomi telah diteruskan pelaksanaannya sekarang dan anggaran kosnya.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini tidak ada lagi projek Rancangan Malaysia Ke-7 di bawah Kementerian Kerja Raya di negeri Sarawak yang ditangguhkan pelaksanaannya akibat kegawatan ekonomi. Ini adalah selaras dengan arahan kerajaan supaya semua kementerian meneruskan projek-projek dan membelanjakan peruntukan yang diluluskan untuk membantu memulihkan ekonomi, terutamanya di sektor pembinaan.

Walau bagaimanapun, terdapat empat projek di negeri Sarawak yang ditangguhkan di atas permintaan kerajaan negeri Sarawak sendiri. Manakala sembilan lagi projek masih di peringkat kerja-kerja awalan dan belum dilancarkan dan kos projek keseluruhannya adalah RM340.45 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Abdul Aziz dahulu. Dia bangun lebih awal.
[Ketawa]

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk bertanya kepada pihak kerajaan terutamanya dengan kehadiran Yang Berhormat Menteri sendiri berkenaan dengan Lebuh Raya Pantai Timur. Baru-baru ini kita banyak mendengar cerita daripada surat khabar yang menunjukkan tergendalanya Lebuh Raya Pantai Timur ini daripada empat tahun, kemungkinannya lebih lagi sekarang ini kerana pertamanya, Yang Berhormat Menteri ada mengatakan, supaya kos yang ditaja pada peringkat awal iaitu RM4 bilion dikurangkan dan kita difahamkan, entah macam mana secara magic, dikurangkan kepada RM2.3 bilion.

Selepas itu pula kita membaca pula dalam surat khabar, wang RM200 juta disediakan oleh pihak kerajaan untuk mengambil alih tanah jalan raya ke Pantai Timur ini. Selepas itu, kita dengar pula dari negeri Pahang terutamanya, mengatakan tidak ada permohonan daripada pihak kerajaan untuk mengambil alih

tanah. Jadi, duit mungkin sudah sedia RM200 juta oleh pihak kerajaan kalau sekiranya MMC atau syarikat konsortium mempunyai RM600 juta internal fund nya, dengan izin, tetapi permohonan belum siap lagi dibuat. Jadi, saya hairan. Kalau sekiranya perkara ini berlaku, berapa lamakah lagi jangkanya projek ini boleh bermula.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini tidak ada kaitan dengan soalan asal tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lebih baik saya menjawab [*Ketawa*] [*Tepuk*] Tuan Yang di-Pertua, projek ini telah dilulus untuk MMC menjadi anchor concessionaire dalam pembinaan Lebuhraya Pantai Timur. Selepas itu, kita semua sedia maklum, negara kita telah menghadapi kegawatan ekonomi oleh kerana banyak bank telah menarik balik pinjaman dan juga perjanjian telah dibuat di antara MMC dengan bank itu.

Pada akhirnya, kerajaan telah menimbang semula untuk mengurangkan kos pembinaan. Pada mulanya, kita menjangka kos ini akan menelan belanja lebih kurang RM3 bilion. Pada akhirnya apabila kita dapat maklumat daripada syarikat itu menunjukkan ini akan mengambil perbelanjaan lebih dari RM4 bilion. Jadi, kita sedang mengadakan satu perbincangan dengan Malaysia-Thailand Development Corporation (MTD) dengan MMC dan juga Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk mengurangkan kos ini di mana apabila kita membina lebuhraya ini pengguna-pengguna juga boleh berminat untuk membayar dan menggunakan jalan ini. Ini arahan daripada Jemaah Menteri kepada Unit Perancang Ekonomi. Jadi, perbincangan antara ketiga-tiga pihak iaitu pihak EPU, MMC dan MTD sedang dijalankan. Saya percaya perkara ini boleh dapat diselesaikan dalam tempoh dua minggu akan datang.

Selain daripada itu berkenaan dengan pengambilan tanah, notis-notis telah dihantar kepada kedua-dua negeri iaitu negeri Terengganu dan juga negeri Pahang tetapi syarat telah dikenakan oleh Kerajaan Pusat iaitu jikalau MMC hendak memulakan projek mereka mesti menunjukkan mereka ada modal RM600 juta

sebelum kita beri surat niat untuk memulakan kerja. Jadi, setakat ini MMC tidak menunjukkan mereka mempunyai RM600 juta. Tanpa RM600 juta kerajaan tidak berminat untuk memberi surat kepada mereka.

Jadi, selepas itu ada juga beberapa perbincangan di antara kerajaan dengan MMC. Akhirnya dengan arahan daripada Jemaah Menteri ketiga-tiga pihak telah mengadakan perbincangan berkenaan pelaksanaannya. Selain daripada itu kerajaan berjanji untuk memberi pinjaman RM200 juta untuk kegunaan pengambilan tanah. Jadi kerja belum dimulakan, proses kontrak belum diselesaikan. Oleh itu kerajaan telah memberitahu kepada MMC apabila mereka menyelesaikan dengan pihak-pihak EPU dan MTD barulah kerajaan boleh membayar RM200 juta untuk mengambil tanah tetapi notis telah dihantar kepada kerajaan-kerajaan negeri.

Baru-baru ini dalam Majlis Menteri-menteri Besar, kedua-dua Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu telah berjanji apabila sahaja kita membayar wang pampasan itu kepada kerajaan negeri, mereka boleh menjalankan tugas itu dengan serta-merta. Itulah keterangan daripada Kementerian Kerja Raya, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit soalan tambahan sebab saya hendak berdiri nanti Tuan Yang di-Pertua ingat saya merajuk pula tidak berdiri.

Soalan saya seperti Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, saya menyokong penuh sebab perkara ini kami bawa di dalam Dewan ini beberapa kali tetapi saya yakin penuh kepada Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu. Jadi, oleh itu saya bimbang sedikit sahaja iaitu baru-baru ini saya difahamkan bahawa MMC ini hendak diambil alih oleh KUB pula. Jadi, ini memang nyata dalam surat khabar dan juga dalam *Investor* dan sebagainya, jadi kalaulah KUB ambil alih pula MMC, masalah timbul lagi.

Semalam saya bercakap dengan orang-orang politik daripada Pahang dan saya berjumpa semasa Belia 4B semalam, Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi ada bersama. Dia kata, "Apa ini Dato', apa ini Pahang – jalan Karak Highway tujuh tahun baru siap, kami ini cukup marah". Jadi, saya hendak jaminan daripada kerajaan bukannya tujuh tahun jalan akan siap tetapi dua atau tiga tahun sahaja. Sebab kita hendak menghadapi pilihan raya, Dato' Seri, jadi, perkara ini penting sangat kepada orang Pahang, orang Terengganu dan juga orang Kelantanlah. Saya membela orang Kelantan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, beberapa aliran telah diputuskan untuk memulakan kerja. Semua aturan-aturan dan juga schedule iaitu kerja-kerja mana yang kita mula. Kita mula di dua negeri iaitu daripada Karak ke Lancang jadi satu projek, kita mula dengan serta-merta apabila sahaja kita menandatangani dengan kontraktor iaitu MMC. Satu lagi dari Chendering. Jadi, kedua-dua projek atas permintaan dua kerajaan negeri. Apabila sahaja kita selesai perkara ini saya percaya kita boleh juga memulakan projek ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato', kerajaan mengambil tindakan ini oleh kerana tiap-tiap hari, pagi hingga petang, kita nampak tunjuk perasaan di sana sini, menggunakan jalan yang lebih licin tetapi guna jalan itu untuk tunjuk perasaan. Bukan dia guna jalan lain. Jalan yang kita bagi dia guna, dia berdiri di sana, dia tunjuk perasaan. Jadi ada juga kumpulan-kumpulan yang dilantik khas untuk menunjuk perasaan sahaja. Jadi, ini semua sudah jadi politik dalam negara kita, sudah tukar sedikitlah bukan macam dahulu. Dulu aman dan damai, sekarang ada sedikit kekacauan di atas jalan, tiap-tiap kali bila kita mula kerja, senyap sahaja, bila selesai kerja barulah dia mula tunjuk perasaan.

Jadi beberapa kerja yang telah kita selesaikan, banyak di antara ahli-ahli politik menyatakan kos ini yang paling tinggi, oleh kerana itulah kos tol pun naik. Jadi, mengambil kira semua tuduhan itu, kerajaan mengambil sedikit masa untuk

mengurangkan harga. Jadi, kita akan mengenakan satu tol yang berpatutan kepada pengguna-pengguna jalan. Itulah tujuan kerajaan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ambil peluang hendak bertanya kerana Yang Berhormat Menteri Kerja sendiri ada di sini, walaupun mungkin terkeluar, saya harap Yang Berhormat Menteri sudi menjawab.

Kelmarin, dalam kita membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ada peruntukan yang dipohon untuk pembayaran tol. Pada fahaman saya, pembayaran yang dipohon ini ialah untuk membayar perbezaan perjanjian konsesi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah ini benar apa yang dipohon itu ialah untuk membayar perbezaan perjanjian di mana sekarang ini tidak dikenakan caj kepada rakyat. Kalau hendak dikenakan kepada rakyat sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi, tunjuk perasaan sana, tunjuk perasaan sini. Saya pun kadang-kadang jumpa dengan pihak-pihak yang berpiket di tempat-tempat bayaran tol. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat menerangkan konsesi perjanjian ini sebenarnya, adakah lima tahun sekali dinaikkan ataupun tiga tahun sekali dinaikkan dan apakah tanggungjawab kerajaan dalam konsesi perjanjian kutipan tol ini? Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, konsesi asal yang kita menandatangani dengan United Engineers pada masa itu, kita ada juga beberapa peringkat untuk menaikkan tol. Pada masa itu Ketua Pembangkang datang ke pejabat saya untuk mendapat maklumat. Beliau berada di pejabat saya selama 8 jam. Kita telah menunjukkan semua dokumen yang telah ditandatangani dengan UE. Akhirnya beliau kata berpuas hati tetapi keluar dalam surat khabar, lain pula berita.

Jadi, ini semua satu sandiwara politik, kita pun tahulah, tidak payah kita bincang perkara itu. Walau bagaimanapun, kita mengikuti dengan keadaan

ekonomi yang kita sedia ada sekarang ini. Kerajaan telah berbincang iaitu Kementerian Kewangan telah berbincang dengan UE untuk menukar sedikit dalam perjanjian. Oleh kerana itu kerajaan kena bayar sedikit pampasan kepada mereka di mana UE boleh juga hidup, bukan dia balik ke rahmatullah, dia hidup. Pada akhirnya mereka boleh juga menjalankan tugas mereka dalam tempoh lebih dari 30 tahun, mereka juga boleh selesaikan masalah mereka dan akhirnya kita dapat syarikat yang menunaikan janji yang telah ditandatangani dengan kerajaan.

Saya ucap banyak terima kasih kepada Kementerian Kewangan yang telah mengadakan beberapa perbincangan dengan mereka. Jikalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, hari ini ada juga beberapa syarikat dari luar negeri yang ingin mengambil alih syarikat seperti UE. Jadi, jikalau kita menjual syarikat ini kepada mereka, ini bererti orang Malaysia jual maruah orang Malaysia kepada orang luar. Jadi, kita ambil kira, kita akan menjaga kepentingan kita, apa juga masalah yang kita hadapi, kita boleh menyelesaikan masalah itu melalui pucuk pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua:dan Yang Berhormat Dato' Samy Vellu. Yang Berhormat Puan Hajah Jamilah, maaf ya, Dato' Abdul Aziz dahulu pasal saya sudah tanda tadi.

4. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman minta Menteri Luar Negeri menyatakan pulau-pulau atau kawasan sempadan yang masih lagi belum selesai dari segi status hak miliknya dan apakah usaha dijalankan bagi menyelesaikan perkara ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya ketiga-tiga soalan daripada Yang Berhormat berikut dapat dijawab bersama memandangkan semua soalannya adalah berhubung kait. Soalan-soalan dari Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah binti Abas dan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, kedua-duanya

untuk dijawab pada 29 Julai 1999 hari ini dan soalan dari Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail dijawab pada 2 Ogos 1999.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia akan terus mengekalkan kedaulatan kita ke atas pulau-pulau yang dituntut yang dianggap sebagai Wilayah Malaysia. Namun demikian, Malaysia telah menyatakan kesediaan untuk menyelesaikan apa-apa perselisihan berkaitan dengan tuntutannya melalui perundingan. Malaysia akan terus berusaha untuk mencari penyelesaian kepada isu ini secara damai di antara pihak-pihak yang terlibat. Dalam hal ini, Malaysia akan mempertahankan serta menggalakkan pendirian Malaysia dan juga pendirian Asean selaras dengan Deklarasi Asean mengenai Laut China Selatan iaitu Deklarasi Manila 1992, supaya negara-negara yang terlibat tidak menggunakan kekerasan untuk mengukuhkan tuntutan masing-masing. Malaysia berpendapat bahawa buat masa ini adalah wajar sekiranya isu ini diselesaikan secara dua hala atau berbagai hala yang hanya melibatkan negara-negara yang menuntut wilayah di Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan terumbu siput dan terumbu peninjau, kehadiran negara kita Malaysia secara aman di terumbu-terumbu tersebut adalah untuk tujuan penyelidikan saintifik marin serta perlindungan dan pemuliharaan sumber-sumber marin dan alam sekitar. Malaysia membina kemudahan-kemudahan di atas terumbu-terumbu ini untuk kegunaan saintis dan penyelidikannya bagi menjalankan penyelidikan saintifik marin di dalam zon ekonomi eksklusif Malaysia. Kehadiran Malaysia sebagai hanya melaksanakan haknya ke atas terumbu-terumbu yang merupakan sebahagian daripada wilayahnya.

Selain daripada beberapa pulau di Laut China Selatan, pulau-pulau hak milik Malaysia yang masih dipertikaikan adalah Pulau Ligitan, Pulau Sipadan dan Pulau Batu Putih. Demi mencari penyelesaian yang muktamad dalam hal ini Malaysia mengutamakan rundingan dua hala secara diplomatik dengan negara

yang terlibat sebagai langkah permulaan. Kaedah membawa sesuatu pertikaian ke Mahkamah Pengadilan Antarabangsa (ICJ) di Hague untuk diputuskan merupakan satu langkah terakhir apabila perundingan diplomatik dua hala menghadapi kebuntuan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Dato' Aziz.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini di dalam mesyuarat antara Menteri-menteri Luar Negara-negara Asean perkara yang sama telah pun ditimbulkan berkenaan dengan cara mana penyelesaian dapat dibuat berasaskan kepada tuntutan negara-negara di dalam Asean. Tetapi saya ingin tahu apakah peranan Madam Albright, Setiausaha Negara Amerika Syarikat yang mungkin akan menimbulkan perkara ini dan apakah peranan beliau dalam hal ini kerana kita difahamkan seperti mana yang dinyatakan tadi perkara ini akan diselesaikan di antara negara dengan negara ataupun dari segi pelbagai negara. Apakah peranan Setiausaha Negara Amerika dalam hal ini?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Negara Amerika Syarikat telah menyatakan bahawa mereka bimbang mengenai perkara-perkara yang melibatkan tuntutan di Pulau Spratly ini tetapi Asean dan juga sahabat dialog Asean dalam Asean+3 dan telah bersetuju bahawa tuntutan-tuntutan ini harus diperundingkan di antara negara-negara yang membuat tuntutan sahaja, negara China dan Vietnam bersetuju menyokong Malaysia menyatakan bahawa ini harus diperundingkan dalam forum yang sedia ada dan tidak harus dibawa ke dalam forum ARF di mana ia hanya satu forum yang hanya melibatkan negara luar dari rantau Asean ini atau cuma untuk mengadakan perbincangan mengenai keselamatan dan sebagainya dari segi membangunkan confidence building atau keyakinan dari segi keselamatan di rantau ini.

Kita tidak ingin membawa agenda Spratly ini ke dalam forum ARF dan kita telah berjaya dan ia akan terus dijalankan menerusi Asean dan juga termasuk

Asean Pacific Dialog dan juga dengan cara workshop untuk managing potential conflict iaitu untuk memberikan wadah untuk negara-negara yang menuntut atas kepulauan Spratly ini dapat membina keyakinan supaya mereka tidak sentiasa mengikut Deklarasi Manila dan juga Hanoi Agreement.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Zainuddin.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan pertanyaan berhubung dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Dato' Aziz tadi iaitu berhubung dengan sikap yang telah ditegaskan oleh Asean tadi. Adakah ini bererti bahawa kita menolak percubaan Amerika untuk campur tangan dalam masalah di kawasan ini, masalah yang cuba ditimbulkan sebagai satu krisis besar yang bertentangan dengan Deklarasi Asean mengenai campur tangan atau zone of peace.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya memang begitulah usaha kita mempertahankan supaya kawasan ini adalah satu zone of peace, freedom and neutrality dan kita tidak memihak mana-mana pihak tetapi kita mewujudkan supaya kawasan ini juga jadi kawasan yang sentiasa aman dan cukup keyakinan dari segi security iaitu confidence building measures, dengan izinnya, di kawasan ini supaya pembangunan ekonomi serantau dapat diusahakan dan juga kesejahteraan rakyat tetap dijaga.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Haji Sairin.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapa nautikakah penentuan persempadanan atas sesebuah negara dan sehingga hari ini berapa kes tuntutan bertindih yang terpaksa kita bawa kepada mahkamah dunia? Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kita memang membuat sempadan mengikut zon ekonomi eksklusif yang telah ditentukan menerusi konvensyen antarabangsa yang disetujui di peringkat United Nation. Walau bagaimanapun, soalan yang kedua iaitu bahawa tuntutan seperti Sipadan

dan Ligitan itu kita telah maklumkan kepada International Court of Justice pada tahun 1998 mengenai hasrat kita bersama untuk menentukan isu Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan ini diputuskan oleh ICJ dan kedua-dua negara iaitu Indonesia dan negara kita telah setuju untuk membuat satu memoriam dan agreement supaya ia dikemukakan kepada ICJ. Bila kita mengemukakan mana-mana tuntutan ke ICJ ia perlukan persetujuan kedua-dua pihak.

Begitu juga Pulau Batu Putih, kedua-dua negara iaitu Singapura dan Malaysia telah mencapai persetujuan juga mengenai perjanjian khas atau special agreement untuk merujuk isu pertikaian ini ke ICJ juga dan tindakan lanjut akan diambil, kita semua sedang di peringkat masih perbincangan mengenai agreement itu sahaja. Terima kasih.

5. Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan apakah rasionalnya logo Petronas ditukarkan terutama dalam negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tan Sri Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Petronas sebenarnya menggunakan logo yang sama sejak tahun 1990. Logo tersebut masih digunakan sehingga hari ini. Bagi menghasilkan penampilan yang lebih komersial dan menarik, variasi kepada warna logo Petronas diperkenalkan. Pemilihan warna bagi logo tersebut adalah berdasarkan keputusan yang dibuat oleh pihak Petronas sendiri.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua, saya tertarik untuk mengemukakan soalan tambahan kerana wakil daripada PAS tanya pasal apa kerajaan tukar logo Petronas. Sebenarnya Petronas ini adalah hak kerajaan yang memerintah sekarang. Jadi apa hak mereka tanya nak tukar, tak tukar. Saya ingin mendapat penjelasan, masa dulu dalam surat khabar Petronas kata kalau nak tukar balik kepada yang lama, sebenarnya yang

lama tu memang dah kerajaan tetap. Tapi ada orang-orang yang tertentu dalam Petronas sendiri yang mengubah menjadikan warna putih. Dan mereka mengatakan mereka nak tukar balik melibatkan belanja RM7 juta. Jadi, sama ada pihak yang berkuasa menguruskan Petronas ini mengetahui kedudukan nak tukar daripada yang lama kepada yang baru yang melambangkan PAS itu melibatkan perbelanjaan yang sebegitu banyak. Adakah ini mendapat kelulusan daripada pihak Kerajaan. Dan sama ada kerajaan lulus perkara itu ditukar dan mengapa pula perbelanjaan untuk nak tukar balik itu disebutkan melibatkan perbelanjaan yang banyak. Sedangkan masa nak ubah daripada asal ke lambang yang seakan-akan PAS itu tak dikatakan melibatkan perbelanjaan.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tan Sri Yang di-Pertua, Petronas Dagangan Berhad ini ialah anak syarikat Petronas yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Dan sebarang keputusan yang dibuatnya adalah berasaskan kepada keputusan yang telah pun diberi kelulusan oleh pihak pengurusan Petronas induk. Jadi kes masalah keputusan untuk menukar variasi kepada warna dalam logo, kerana logo tak tukar, yang bertukar tu berasaskan kepada keperluan untuk membawa imej baru oleh Petronas Dagangan Berhad, anak syarikat dia tu yang duduk di stesyen-stesyen minyak. Jadi dalam usaha nak melancarkan program penukaran imej baru ini di stesyen-stesyen minyak tu, dengan tujuan supaya dapat memberi perkhidmatan yang lebih bermutu kepada pelanggan sebab persaingan tu dah hebat dengan syarikat-syarikat minyak yang lain.

Di kalangan pengguna ataupun pelanggan program ini sebenarnya dilancarkan pada tahun 1996 lagi. Kita sahaja yang tak perasan yang memperkenalkan variasi kepada logo Petronas di stesyen minyak supaya dapat menimbulkan warna logo yang telah diubahsuai. Jadi daripada warna hijau tu yang biasa dengan rimnya putih, dia buat kajian '*market study*' dan hasil daripada kajian penerimaan '*receptivity*' daripada pelanggan tu nampaknya lebih kepada

variasi warna putih yang rimnya tu hijau. Jadi dengan untuk nak mendapatkan lebih belian ataupun langganan dari kalangan pelanggan kerana berasaskan daripada '*market study*' tadi, ni saya ceritakan kes la ya. Jadi Petronas punya pengurusan itu berasaskan kepada kajian itu tadi '*receptivity*' daripada pelanggan tu kerana warna itu nampak cerah dalam keadaan walaupun cuaca ataupun '*environment*' yang agak '*dampen*' tu menggunakan yang demikianlah. Jadi berlakulah proses ubahsuai tu, variasi warna kepada logo itu.

Dan ini mengambil masa dalam lima tahun. Jadi dalam pada itu adalah kumpulan yang membuat tuntutan bahawa logo tu hak da lah, buat copyright kepada warna yang menimbulkan masalah. Jadi dengan demikian, sebagai satu syarikat hakmilik kerajaan yang prihatin kepada masalah-masalah yang tertentu, pihak Petronas sendiri telah mengubahsuaikan warna logo stesyen minyak ini supaya tidak dilihat sebagai ada kaitan. Ini kes macam pepatah 'lembu punya susu, sapi punya nama'. Itulah sahaja Yang Berhormat.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana sungguhpun isu ini dibawa dalam Dewan ini, semenjak ianya dibawa tak ditukar. Ianya hanya ditukar selepas isu yang sama dibawa dalam Perhimpunan Agung UMNO yang kebetulannya saya sendiri yang membawa isu ini. Saya ucapkan terima kasih kerana ianya ditukar. Tapi soalnya sekarang, macamana pula Menteri boleh memberitahu kita tak sedar yang logo ini ditukar. Secara mutlaknya Yang di-Pertua, kalau satu-satu logo nak ditukar oleh mana-mana syarikat, ianya dikeluarkan dalam surat khabar, diiklankan. Pada hari ini dan seterusnya logo syarikat Petronas Dagang yang mengeluarkan minyak ini akan ditukar kepada warna hijau kepada warna bulan yang seakan-akan dengan lambang parti PAS. Tapi tak pernah dibuat dalam surat khabar. Jadi tak terperanjatlah kita mengatakan kita tak sedar yang ini ditukar. Jadi saya nak tanya pihak kerajaan, kalau ianya tidak dibawa ke surat khabar, diberi iklan, diberikan pengetahuan

kepada umum bahawa pertukaran logo berlaku, kenapa benda ini berlaku, siapa yang bertanggungjawab di dalam pihak Petronas yang secara 'senyap-senyap' menukar logo. Dan pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, logo lama tak ditukar Kalau nak tukar koporat imej, selalunya daripada 581 stesyen yang ada ini patutnya ditukar semua. Ini tidak, yang lama dibiarkan yang hijau, yang baru lebih kurang 200 ditukarkan dengan yang putih.

Jadi adakah siasatan dibuat oleh pihak kerajaan nak mengetahui supaya benda ini tak berlaku dalam Tenaga atau dalam mana-mana institusi yang lain. Dan mengetahui cara macamana benda ini berlaku dan tindakan diambil kepada mereka yang melakukan secara senyap-senyap ini.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tan Sri Yang di-Pertua, pertamanya saya nak membuat pembetulan sekali lagi, buka logo yang berubah, variasi kepada warna dan seperti yang saya katakan tadi bahawa variasi kepada warna yang diangkatkan kepada pengurusan tertinggi Petronas itu telah diberi rasional bahawa variasi ini adalah yang paling menarik kepada pelanggan-pelanggan. Jadi kita telah ada penerangan sahaja, sebab ini keputusan yang dibuat oleh syarikat. Syarikat ini memang hakmilik kerajaan, mereka adalah '*sovereign*'. Saya ingin menafikan bahawa ada pihak-pihak yang mempunyai motif tersendiri, kalau dia dah buat masa 1996 itu, memang tidak dianggap sebagai satu tindakan komersial. Jadi sebab itu tidak berbangkit waktu itu, tetapi ada pihak pembangkang yang telah mengambil kesempatan untuk membuat claim. Jadi dengan itu telah menimbulkan empat masalah yang sensitif ini yang terus pihak pengurusan Petronas telah membuat tindakan supaya tidak dilihat sebagai terlibat dalam mana-mana parti. Itu keputusan.

6. Tuan Haji Abd. Malek bin Haji Abdul Ghani minta Menteri Kesihatan menyatakan nisbah seorang pegawai perubatan bagi penduduk negara ini sekarang dan nyatakan jumlah pegawai perubatan awam berbanding dengan pegawai perubatan swasta. Apakah langkah yang diambil bagi menambah bilangan Pegawai Perubatan Pakar bagi memenuhi keperluan semasa.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tan Sri Yang di-Pertua, nisbah di antara penduduk dengan setiap seorang pegawai perubatan adalah 1:1447 bagi tahun 1998. Jumlah pegawai perubatan awam pada tahun berkenaan adalah seramai 8,555 dan jumlah pegawai perubatan di sektor swasta pula adalah seramai 6,461. Ini menjadikan jumlah keseluruhannya adalah seramai 15,016 orang.

Pihak kementerian telah menambah pengambilan bagi kursus Sarjana Pegawai Perubatan yang sedang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa. Setakat ini terdapat seramai 1,397 orang pegawai perubatan yang sedang mengikuti latihan kepakaran di pelbagai bidang. Sementara itu anggaran yang akan menerima kelulusan kepakaran bagi tahun 1999 adalah seramai 150 orang, ini meningkat kepada 329 orang tahun 2000 dan kepada 396 orang pada tahun 2001 dan pada tahun 2002 ia dijangka meningkat kepada 467 orang. Dalam masa yang sama Kementerian juga telah mengambil seramai 118 orang pakar kontrak yang mana mereka ini kebanyakannya ditempatkan di Sabah, Sarawak dan kawasan pendalaman di Semenanjung Malaysia bagi menampung keperluan perkhidmatan kepakaran di tempat-tempat berkenaan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kebelakangan ini ramai sangat doktor pergi ke private practice dengan izin. Saya sudah beri kepada Yang Berhormat Datuk satu memorandum berkenaan dengan doktor-doktor dalam perubatan. Jadi, apakah langkah kerajaan untuk mengatasi ini? Saya difahamkan ada pakar doktor 10 tahun lebih dapat RM2000 lebih sahaja gaji tidak sampai RM3000. Jadi, saya rasa kalau pihak kerajaan hendak memegang dia orang ini, hendak mengikat dia orang ini mestilah beri gaji lebih sedikit patut dipertimbangkan. Kita tidak mahu pakar-pakar doktor yang telah pun belajar sampai 7- 8 tahun ini keluar untuk buat latihan sendiri Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, antara perkara yang sedang ditimbang adalah supaya doktor-doktor U3 yang tamat sahaja kontrak, secara automatik naik ke U2. Sekarang ini mereka perlu mengisi kenaikan pangkat ini sekiranya ada kekosongan. Inilah yang banyak dipohon oleh pihak doktor U3 supaya mereka dapat kekal lama dalam perkhidmatan kerajaan, perkara ini sedang dalam pertimbangan.

Manakala mereka yang berminat untuk pergi ke sektor swasta, sememangnya kerajaan tidak dapat menahan sekiranya mereka perlu untuk berkhidmat secara swasta kerana itu kerajaan mengadakan lebih banyak lagi pengambilan doktor-doktor baru bagi mengisi mereka yang meninggalkan perkhidmatan dalam kerajaan. Untuk sementara ini kita mengambil doktor-doktor daripada luar untuk mengisi secara kontrak. Bagaimanapun, kerajaan percaya dengan pengambilan bilangan doktor yang semakin ramai di pelbagai universiti dalam negeri dan luar negara yang kita akan ambil tidak kurang daripada 1000 orang pada setiap tahun, kita percaya bekalan doktor perubatan di dalam negara kita akan dapat memenuhi keperluan rakyat. Misalnya bagi Kementerian Kesihatan sendiri, sekarang ini kita mempunyai kekosongan U3 sebanyak 1077. Kita menjangka menjelang tahun 2000, kita dapat memenuhi semua kekosongan ini kerana kita juga mendapati pengeluaran doktor setahun lebih kurang 900 orang pada ketika ini dan ianya akan ditingkatkan kepada 1700 orang menjelang tahun 2020 daripada universiti dan kolej luar negara sahaja.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak kerana memberi peluang kepada saya dan begitu prihatin tentang soalan awal itu tadi. Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi angka-angka statistik yang amat menarik tadi.

Saya [*Ketawa*] Nampak juga. Ini persepsi. Saya buktikan bahawa bahasa persepsi ini kuat. Angka-angka nisbah tadi menarik tetapi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian bolehkah kita beri perangkaan yang di relate kan

dengan statistik dunia, supaya kita dapat melihat taraf pencapaian kita sampai tahun 2020 dibanding dengan negara-negara maju. Jadi kita tahu health standard kita as we go along dengan izin, untuk mencapai negara maju, negara industri tahun 2020? Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut negara yang boleh dikatakan ter advance sekali seperti United States, kedudukan mereka satu doktor empat ratus penduduk (1:400). Bagaimanapun banyak juga negara maju yang mempunyai jumlah yang sederhana, iaitu 800 penduduk (1:800), kerana itulah target kita pada tahun 2020 adalah - seorang doktor untuk 800 penduduk (1:800). Bagaimanapun kita telah mengunjurkan pengeluaran doktor pada tahun berkenaan sebanyak 43,797 orang yang kita jangka jumlah penduduk Malaysia adalah 33,855,000 pada tahun berkenaan. Ini bermakna sasaran kita akan lebih baik daripada yang kita target iaitu satu doktor kepada 733 penduduk (1:773). Dengan ini, kita boleh mengiktiraf negara kita sebagai negara maju kerana standardnya sama dengan beberapa negara di Eropah dan juga negara-negara maju yang lain di dunia.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana kaum ibu akan terus dengan produknya bagi melahirkan bayi, sejauh manakah Kementerian Kesihatan merancangkan supaya doktor wanita akan mencukupi tanggungjawab menyambut kedatangan bayi kepada ibu-ibu wanita Islam kerana ramai ibu prihatin dengan aurat mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Betulkah 'produk' itu. Perkataan produk itu betulkah Puan Jamilah? *[Ketawa]*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang cukup baik ini. Saya difahamkan PAS tidak suka doktor wanita dan juga bidan wanita kerana itu saya sedang belajar menjadi bidan untuk menyambut muslimat-muslimat PAS yang melahirkan anak. *[Ketawa]* Bagaimanapun kita akan tetap melahirkan ramai lagi doktor wanita dan juga jururawat kerana ini

tanggungjawab kita sebagai orang Islam, walaupun PAS tidak setuju tetapi kita akan teruskan dasar ini.

Jadi, Yang Berhormat jangan bimbanglah. Bilangan doktor wanita sentiasa bertambah dalam Kementerian Kesihatan, begitu juga jururawat. Daripada segi jururawat kita ada lebih kurang 40,000 orang. Jadi, saya fikir jururawat ini kesemua wanita, ada sedikit sahaja lelaki. Jadi, kalau kita berhentikan semua ini susahlah bagi muslimin PAS untuk melahirkan anak. Bagi doktor wanita kita sedang tambah lagi kerana kita pasti jika wanita bersalin, doktor wanita dapat menyambut adalah lebih baik daripada doktor lelaki. Bagaimanapun jumlah daripada segi kadar doktor wanita dengan doktor lelaki itu saya perlu beri secara bertulis.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih....

Tuan Yang di-Pertua: Banyak soalan ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan perkara penting Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Daripada penjelasan kerajaan tadi, jelas menunjukkan bahawa kerajaan terpaksa menanggung kos yang begitu tinggi untuk mengeluarkan doktor-doktor dengan menggunakan wang rakyat tetapi khidmat kepakaran ini nampaknya orang yang lebih mampu yang akan mendapat nikmat. Jadi, kalau kerajaan tidak mempunyai satu formula yang tertentu atau jalan supaya rakyat biasa, orang miskin boleh dapat perkhidmatan pakar di pihak swasta ini, saya percaya brain drain ini akan terus berlaku begitu sahaja.

Saya ingin mendapat penjelasan sama ada kerajaan mempunyai satu formula supaya membolehkan doktor-doktor yang mendapat latihan daripada pihak kerajaan dan menggunakan hospital ini sebagai tempat latihan untuk hendak melompat masuk ke swasta boleh berkhidmat terus di hospital, dalam masa yang sama boleh berkhidmat secara part time dengan pihak swasta ataupun memberi suatu kelonggaran kepada pesakit-pesakit yang kurang mampu dibolehkan

mendapat rawatan di hospital-hospital ataupun klinik swasta, dengan cara kerajaan memberi satu resit dan sebagainya. Dengan cara ini dia boleh selesai dua masalah. Kalau tidak, kita bimbang orang susah mendapat 2nd class ataupun 3rd class punya rawatan. Orang yang mampu, boleh mendapat rawatan yang sempurna di hospital swasta.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan kepakaran di hospital kerajaan dengan swasta adalah sama. Bahkan kita boleh katakan di hospital kerajaan lebih baik kerana banyak kes yang hospital swasta tidak dapat lakukan mereka refer balik ke hospital kerajaan. Seperti yang kita ketahui kebanyakan doktor-doktor pakar di hospital swasta adalah datangnya daripada hospital kerajaan. Oleh kerana itu jika mengatakan hospital swasta perkhidmatannya lebih baik daripada Kementerian Kesihatan adalah tidak tepat. Antara cara yang terbaik bagaimana orang miskin, pegawai kerajaan dan orang ramai yang boleh mendapat perkhidmatan kepakaran yang baik adalah dengan cara pengkorporatan Kementerian Kesihatan perkhidmatannya, yang telah pun dibincang semalam.

Saya suka mengambil contoh yang terbaik misalnya Institut Jantung Negara (IJN). Dahulu Institut Jantung Negara berada di dalam bidang kelolaan kementerian sebagai satu unit di hospital Kuala Lumpur. Tetapi setelah dikorporatkan, yang mana miliknya 100% dipunyai oleh Kementerian Kesihatan kita mendapati perkhidmatan IJN semakin bertambah baik dan hari ini IJN adalah merupakan Institut Jantung Negara yang terbaik sekali di dalam dunia. Standardnya sama dengan Amerika dan juga di Eropah. [*Tepuk*] Jika 100 orang pergi bedah hati dan jantung di sana, 99% akan berjaya, insya-Allah. Jumlah yang dibedah semakin ramai dan tempoh menunggu pun telah menurun. Kalau dahulu 6 bulan sekarang ini di IJN cuma perlu tunggu 2 bulan bagi kes-kes yang tidak serius. Bagi kes yang serius, pada hari yang sama operation akan dilakukan.

Ini menunjukkan bahawa pendekatan pengkorporatan yang sedang diperkatakan ketika ini adalah cara yang terbaik untuk memberi tahap kemudahan yang sempurna kepada orang miskin. Saya juga hendak menjelaskan, jika orang miskin pergi operasi di IJN, mereka boleh mendapatkan pengecualian daripada pembayaran dan pembayaran ini akan ditanggung oleh Kementerian Kesihatan. Sehingga kini, semenjak IJN ditubuhkan kerajaan telah membelanjakan lebih daripada RM300 juta untuk subsidi kepada rakyat miskin, pegawai kerajaan, keluarga mereka dan sebagainya. Tahun lepas sahaja kita telah membelanjakan RM70 juta untuk menampung keperluan rakyat miskin dan rakyat yang lain, yang tidak mampu mendapat kemudahan di IJN. Oleh kerana itu pengkorporatan adalah di antara cara yang terbaik untuk memberi peluang yang sama kepada orang-orang miskin, orang-orang kaya dan juga sesiapa sahaja.

7. Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan berapa banyakkah syarikat jualan langsung yang berlesen dan berapa banyak pula yang dalam proses permohonan lesen dan berapa banyak pula yang telah ditutup atau disaman kerana beroperasi tanpa lesen.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 Jun 1999, jumlah lesen yang telah dikeluarkan kepada syarikat jualan langsung di bawah Akta Jualan Langsung 1993 adalah sebanyak 702 lesen sementara 17 permohonan masih dalam proses.

Bagi tempoh 1 Januari 1999 hingga 16 April 1999, kementerian ini telah mengambil tindakan ke atas tiga buah syarikat jualan langsung yang mana telah disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta Jualan Langsung 1993 dengan melibatkan nilai kompaun sebanyak RM7,500.00. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Norjan binti Khan Bahadar.

8 Datuk Christine Vanhouten [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah rasional penubuhan sekretariat Rakan Muda di institusi pengajian tinggi tempatan dan apakah pendekatan yang digunakan untuk memastikan tidak wujudnya diskriminasi dalam pembahagian peruntukan kewangan Rakan Muda apabila sekretariat tersebut dikendalikan oleh para pelajar sendiri berdasarkan faktor wujudnya sentimen dan politik mahasiswa di kampus.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang Di Pertua, penubuhan sekretariat Rakan Muda di institut pengajian tinggi tempatan adalah bertujuan untuk melancarkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti Rakan Muda secara terancang dan menepati matlamat program. Ia memberi peluang dan pengalaman kepada para mahasiswa dalam mengendalikan program-program pembangunan belia sama seperti peranan pertubuhan-pertubuhan belia yang lain.

Tidak timbul soal diskriminasi dalam pembahagian peruntukan kewangan kerana setiap aktiviti program Rakan Muda dari pelbagai persatuan dipertimbangkan oleh kementerian berdasarkan objektif yang digariskan dalam kertas kerja projek. Pendekatan yang diambil adalah untuk menghindarkan mereka dari wujudnya pengaruh serta sentimen politik kampus yang berbentuk negatif dengan memberi penekanan kepada aspek perpaduan, pembangunan diri, kecergasan fizikal dan kemasyarakatan. Sekretariat ini dimantau secara terus oleh Urusetia Rakan Muda di peringkat kementerian.

9. Tuan Tee Thiong Hock minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) status kualiti air di sungai-sungai utama di negara kita, dan adakah perkara ini menjadi semakin baik atau sebaliknya; dan
- (b) jumlah nelayan tradisional yang telah dijejaskan akibat tangkapan mereka menurun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada 117 batang sungai di seluruh negara yang kualitinya dimantau oleh Jabatan Alam Sekitar pada tahun 1997, didapati hanya 24 sahaja yang masih bersih berbanding 42 pada tahun 1996. Dalam tempoh masayang sama, sungai-sungai yang sederhana tercemar adalah telah meningkat daripada 61 kepada 68 . manakala sungai-sungai yang tercemar meningkat dari 13 kepada 25. Peningkatan jumlah sungai yang tercemar ini adalah disebabkan oleh kurangnya hujan serta suhu yang tinggi akibat fenomena El-Nino yang dialami pada tahun 1997. Selain daripada itu, punca pencemaran sungai-sungai adalah dari industri-industri berasaskan pertanian, ladang ternakan serta aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pembuatan dan kumbahan. Dalam hubungan ini, pada tahun 1997 sebanyak 81 batang sungai didapati tercemar dengan tahap Biochemical Oxygen Demand (BOD) yang rendah manakala 93 batang sungai pula dicemari dengan Ammonical Nitrogen yang berpunca daripada aktiviti ternakan. Pada tahun yang sama sebanyak 36 batang sungai utama dicemari oleh pepejal terampai (suspended solids (SS)).
- (b) Pada masa ini dianggarkan terdapat lebih kurang 974 nelayan yang menangkap ikan di sungai. Sebahagian kecil sahaja dari nelayan ini mendapati tangkapan menurun, terutamanya di negeri yang terdapat banyak kilang seperti Selangor, Johor dan Perak. Keadaan masih terkawal.

10. Tuan Haji Gapar bin Gurrohu minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah beliau akan memikirkan cara yang lebih berkesan untuk bertindak membanteras kegiatan perjudian, pusat permainan video haram dan lain-lain kegiatan anti-sosial di bandar-bandar kerana kegagalan agensi penguatkuasa menangani perkara ini disebabkan kebocoran rahsia di kalangan mereka.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa meluluskan lesen perjudian adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan sementara untuk meluluskan lesen hiburan adalah tanggungjawab kerajaan-kerajaan negeri. Justeru itu sekiranya ada aktiviti-aktiviti yang tersebut dijalankan secara haram, maka adalah menjadi tanggungjawab pihak-pihak berkenaan untuk mengambil tindakan sewajarnya.

Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan selaku pihak yang menyelaraskan hal ehwal mengenai kerajaan tempatan dan kerajaan negeri senantiasa memberi perhatian untuk menentukan bahawa kegiatan-kegiatan yang tidak sihat tersebut dapat dibendung dan telah mengambil tindakan untuk menggubal satu Enakmen Hiburan yang seragam untuk diguna pakai untuk semua kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) di mana berkenaan. Dalam Enakmen Hiburan ini, skop bidang kuasa untuk menangani aktiviti-aktiviti yang tidak sihat tersebut digariskan dengan lebih jelas.

Mengenai kebocoran rahsia di kalangan agensi penguatkuasaan seperti yang dibangkitkan itu, kementerian dari masa ke semasa memberi nasihat dan peringatan kepada pihak berkuasa tempatan yang berkenaan supaya peka terhadap masalah tersebut serta mengambil tindakan terhadap kakitangan yang didapati melanggar peraturan dan tidak amanah di dalam menjalankan tugas-tugas mereka.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, bagaimana kementerian memantau supaya tidak berlaku kegiatan-kegiatan sosial yang tidak sihat di kawasan perumahan. Kita tahu keadaan di negara kita dan budaya kita di mana

masyarakat di luar bandar mengamalkan sikap mengambil tahu hal jiran dan juga satu pakatan yang tidak langsung telah pun wujud dan ini satu budaya yang baik, yang saya rasa dapat kita terapkan kepada budaya di bandar.

Adakah kementerian ini bercadang untuk mengkaji budaya ini dan mewujudkan satu sistem sama ada dalam bentuk jawatankuasa ataupun dalam bentuk-bentuk yang lain supaya masyarakat di luar bandar yang ditempatkan di perumahan-perumahan sama ada perumahan mewah ataupun perumahan-perumahan kos rendah supaya dapat budaya ini terus diamalkan di negara kita supaya masalah sosial ini dapat dibendung? Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini agak jauh sedikit daripada soalan asal, ia membabitkan mengenai soal masalah sosial di lingkungan perumahan-perumahan di seluruh negara. Kita memang memahami bahawa keadaan ini semakin meningkat, namun demikian yang penting ialah bukan hanya usaha kerajaan untuk cuba mengatasi. Pelbagai agensi kerajaan bukan hanya kementerian ini ingin menggubal dasar yang baru ini iaitu melahirkan satu enakmen yang baru untuk menghadkan supaya sektor hiburan ini akan dapat dikawal.

Di samping itu juga kementerian-kementerian yang lain akan cuba membantu agar masalah sosial khususnya di kalangan generasi muda ini akan dapat dibendung.

Di samping itu, yang penting ialah masyarakat setempat, di perumahan-perumahan harus mewujudkan berbagai-bagai kaedah perumahan, kegiatan-kegiatan yang boleh melibatkan masyarakat.

Maka dengan itu kerajaan, di peringkat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyediakan kemudahan-kemudahan perumahan yang akan datang ini, kalau dahulu hanya dua bilik, pada masa akan datang ini tiga bilik. Jadi, kemudahan prasarana ini sedikit sebanyak dapat memberi keselesaan kepada penduduk di persekitaran perumahan yang ada. Tidak cukup daripada itu,

penempatan-penempatan, orang-orang yang tinggal di kawasan-kawasan tertentu harus berganding bahu untuk mengadakan aktiviti-aktiviti yang lain seperti sukarela, badan-badan yang lain agar kegiatan-kegiatan sosial yang boleh menjejaskan masyarakat dan budaya anak-anak kita dapat dibendung di peringkat awal.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah habis, kita tangguh besoklah soalan ya. *[Ketawa]* Soalan tambahan besok pulalah. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah pun selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 67 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1999) 1999

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, 'Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. *[28 Julai 1999]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar hendak menyambung atau tidak?

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Ya.

Tuan Zainal bin Rampak: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia sambung daripada semalam.

11.12 pagi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan mengambil masa seberapa pendek yang boleh untuk membolehkan pihak menteri menjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin....

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi ramai orang bertepuk kerana bunyi 'pendek' itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Mungkin sindirlah tu. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Pengangkutan, yang mana ada beberapa perkara, yang belum sempat saya sentuh semalam iaitu di antaranya ialah masalah kesesakan yang berlaku di Tambak Johor. Walaupun kita terbaca di dalam akhbar ada pihak menteri, pihak kerajaan menjawab masalah kesesakan di Tambak Johor ini, kita sering mendengar melalui akhbar dan melalui TV, media elektronik sekalipun bahawa pihak Singapura menyalahkan pihak kerajaan Malaysia tentang berlakunya kesesakan di Tambak Johor ini.

Sebenarnya kita ada laluan kedua yang baru sahaja selesai dibina, yang memakan belanja yang agak banyak dan bila berlaku kesesakan di Tambak Johor ini, sudah tentulah ianya menimbulkan masalah terutamanya bagi rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura, yang sebelum ini tidak menghadapi masalah yang begitu banyak tetapi malangnya apabila buka sahaja laluan kedua, masalah kesesakan ini timbul semula dan kerajaan Singapura menyalahkan pihak kerajaan kita.

Saya ingin mendapat satu penjelasan daripada pihak kerajaan. Apakah punca sebenar yang berlaku menyebabkan kesesakan ini berterusan sehingga ke hari ini? Tidakkah kerajaan dengan kerjasama kerajaan Singapura atas semangat Asean dapat menyelesaikan masalah ini sekali gus memberi ruang kebebasan kepada rakyat di antara dua negara ini, Singapura dengan Malaysia. Kita telah

kata dahulu, kita cuba hendak wujudkan negara tanpa sempadan, maknanya di antara negara-negara ASEAN ini kalau boleh di dalam tempoh sekian, sekian – rakyat di antara negara ini boleh pergi balik, tanpa merasa takut dan masalah.

Kita tahu masalah yang berlaku, yang melanggar undang-undang itu adalah masalah yang terlibat dengan undang-undang. Kalau sekiranya mereka ini, rakyat Malaysia pergi ke Singapura melakukan kesalahan di Singapura, maka hak kerajaan Singapura untuk bertindak, begitu juga sebaliknya.

Jadi, kalau undang-undang ini sudah ada, maka mengapa sempadan itu yang menjadi masalah untuk orang pergi balik melalui sempadan di antara negara ini, kalau disahkan rakyat ini mempunyai pas, permit kerja, mempunyai identiti sesebuah negara itu, saya rasa boleh dirundingkan supaya perkara ini tidak menimbulkan masalah lalu lintas di Tambak Johor termasuklah sempadan dengan Indonesia dan juga di Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin mendapat penjelasan sama ada Kementerian Pengangkutan bercadang untuk merobohkan Tambak Johor yang lama, yang dibina semasa penjajah dahulu yang mana mungkin satu strategi pihak penjajah untuk menyekat laluan laut melalui Selat Tebrau itu. Jadi, kalau kita membuat laluan kedua yang membolehkan kapal-kapal lalu tetapi bila datang ke Tambak Johor yang lama menjadi satu sekatan.

Ini harus difikirkan supaya keadaan pembangunan, kegunaan kapal-kapal ini boleh dengan bebas dan dengan sendirinya meningkatkan perdagangan bagi pihak pelabuhan di Johor.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan kemudahan asas di stesen kereta api Kuala Lumpur. Saya tidak mahu sebut stesen kereta api tempat-tempat lain yang sudah tentu perlu diubah wajahnya, diubahsuai, diadakan bangunan-bangunan yang lebih sesuai dan memberi kemudahan-kemudahan yang memuaskan kepada pengguna-pengguna. Tetapi apa yang saya rasa kesal, saya pernah beberapa kali menggunakan perkhidmatan kereta api dan

saya sendiri sedar bahawa ada kelemahan-kelemahan yang harus diberi perhatian iaitu di stesen kereta api Kuala Lumpur ini, tempat laluan penumpang-penumpang antarabangsa, orang yang datang dari Singapura, bila datang dia berhenti di terminal itu.

Begitu juga melalui Thailand, pelancong-pelancong daripada luar melalui Thailand datang pun singgah di situ, malangnya di tempat ini ada kemudahan, macam TV, TV tidak berfungsi. Ada kemudahan bilik surau, ramai penumpang yang beragama Islam, bilik surau yang begitu sempit, saya hendak masuk pergi sembahyang pun busuk, bau yang tidak boleh tahan lama. Lepas itu yang aneh sekali ada kucing seekor beranak, anak itu mati lekat di carpet, jadi jijik. Sebelah itu pula ialah kiblat.

Jadi, kejadian seperti ini menunjukkan pengurusan di pihak KTM, di stesen itu tidak diberi perhatian langsung, tempat hendak mengambil wuduk pun cukup tidak selesa dan bilik itu amat sempit. Kalau boleh diadakan tempat sembahyang itu lebih luas lagi dan tempat orang ramai berehat, berhenti itu lebih banyak. Sekarang ini di tempat counter mengambil tiket, dahulu ada tempat duduk, sekarang ini telah dibuang semua, diubahkan ke sebelah kantin. Tempat itu sedikit, tidak cukup – kadang-kadang penumpang-penumpang terpaksa berlegar, berjalan ke sana, ke sini, sementara menunggu train berlepas ataupun tiba.

Jadi, ini tidak menunjukkan gambaran, seolah-olah kita beri perhatian kepada suatu sistem pengangkutan yang boleh kita katakan sudah meningkat tetapi perkhidmatan itu kurang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan perkhidmatan MAS. Kita memang akui sekarang ini, kesedaran rakyat termasuk semua kaum, termasuk semua jenis lapisan sama ada pegawai kerajaan, ahli korporat ataupun orang-orang biasa sudah mengetahui perbezaan di antara menggunakan kenderaan sendiri ataupun datang dengan kapal terbang, lebih kurang sama sahaja, hendak bayar harga minyak, dengan tol, dengan belanja bayar

tambang MAS ini. Oleh itu penggunaan perkhidmatan MAS sudah meningkat dan orang-orang biasa pun sudah pandai.

Apa yang saya hendak sebut di sini, kalau boleh perkhidmatan domestik ataupun dalaman tempatan ini, hendaklah diberi selain daripada minum orange jus itu sahaja, diberilah sedikit cake ataupun roti. Kadang-kadang kalau flight, pagi-pagi bukan orang sempat hendak mengambil breakfast, hendak sarapan pagi, tidak sempat. Jadi, eloklah difikirkan janganlah difikirkan hendak untung banyak sangat, lagi pun perkhidmatan ini diberi konsesi oleh kerajaan. Jadi, apa salahnya jikalau diberi keselesaan kepada penumpang-penumpang yang mengambil economy flight ini, yang business itu tetaplah dapat lebih istimewa. Jadi, biasanya orang business ini orang yang boleh claim daripada syarikat ataupun kerajaan, yang duduk di economy flight ini, dia belanja sendiri yang banyak. Ini pengalaman yang saya lalui.

Begitu juga soal akhbar. Saya dapati agihan belian, bekalan akhbar ini tidak seimbang. Tidak menggambarkan supaya sesuai dengan semangat negara kita, bila kita tanya, adakah edisi akhbar Bahasa Malaysia, sama ada *Utusan* ataupun *Berita Harian*, dia cakap habis. Pada hal kita tengok di dalam itu ada berapa sahaja. Ini tidak menggambarkan. Saya percaya penumpang-penumpang yang bukan Melayu pun sekarang dia juga berminat hendak membaca akhbar-akhbar Bahasa Malaysia, *Berita Harian* dan lain-lain. Yang banyak *Straits Times*, *Star*, *The Sun* dan yang lain-lain itu akhbar yang berbahasa Tionghua dan sebagainya, kita tidak kesahlah, tetapi biarlah jumlah akhbar Bahasa Malaysia itu mengikut kuota yang kita tetapkan, banyak sedikit daripada akhbar lain.

Ini menunjukkan identiti negara kita. Ini kapal terbang milik kita tiba-tiba dalam penerbangan tempatan pun akhbar-akhbar yang berbahasa Malaysia kurang. Ini perlu diberi perhatian dan kalau perkara ini dimaklumkan kepada pihak pengurusan MAS, saya percaya mereka akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Kemudian, masalah pengangkutan semasa kemuncak – peak time, dengan izin. Misalannya, waktu pelajar-pelajar universiti atau pusat-pusat pengajian tinggi ataupun musim cuti kita tengok selalu kecoh. Walaupun kerajaan membenarkan bas-bas pesiaran, bas-bas sekolah dan sebagainya menggunakan lesen sementara untuk memberi perkhidmatan kepada mereka ini, masih lagi timbul kekecohan. Jadi, sepatutnya kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan, sama ada perkhidmatan-perkhidmatan yang ada sekarang ini memikirkan satu jalan di mana rakyat ini tidak merasa gelisah, sampai kita sudah tahu dalam masa setahun itu, waktu mana yang kemuncak – waktu perayaan sama ada Hari Raya Puasa, Hari Raya Haji, Tahun Baru Cina dan sebagainya ataupun kita ada pesta di Kuala Lumpur ini ataupun musim-musim cuti, ini sahaja waktu yang menjadi waktu kemuncak yang perlu disediakan perkhidmatan yang mencukupi. Kita tidak mahu rakyat membayar wang tetapi ada kekecohan berlaku dan perkhidmatan itu tidak didapati secara yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan di luar bandar. Kita dapati pihak-pihak syarikat kurang berminat kepada perkhidmatan-perkhidmatan di luar bandar ini kerana tidak menguntungkan. Semua syarikat bas yang menggunakan perkhidmatan ekspres ataupun di dalam bandar, di tempat-tempat ini sahaja mereka boleh berfungsi. Walaupun demikian, masih ada syarikat-syarikat yang mengalami kerugian. Apa yang saya ingin ialah supaya pihak kerajaan mengambil perhatian sama ada melalui Kementerian Perusahaan Utama ataupun Kementerian Pengangkutan memberi lesen ataupun permit kepada pemilik-pemilik kenderaan di luar bandar ini supaya mereka ini dibenarkan memberikan perkhidmatan pengangkutan dengan cara mengambil sewa yang berpatutan. Jadi, kalau sekiranya pihak JPJ ataupun polis tidak membenarkan, masalah penduduk-penduduk di luar bandar, syarikat dia tidak akan beri servis sebab dia sudah buat kajian, berapa

orang yang minta perkhidmatan yang lalu di situ dia hendak kena bayar kos dan sebagainya. Jadi, susah! Kita tidak boleh salahkan mereka.

Oleh sebab itu, jalan keluarnya ialah pihak JPJ ataupun Kementerian Pengangkutan memberi lesen kepada pemilik-pemilik kenderaan, van, kereta dan sebagainya untuk membolehkan mereka memberi perkhidmatan pengangkutan di tempat masing-masing. Daripada situ keluar pergi ke bandar ataupun mana-mana. Kita tidak mahu bila ada yang bawa penumpang-penumpang ini dianggap sebagai pengusaha-pengusaha secara haram, selepas itu mereka ditangkap dan mereka terpaksa sampai berjumpa dengan pemimpin, orang politik untuk hendak cari jalan untuk dilepaskan balik kecuali kalau berlaku kesalahan macam kemalangan, tidak ada insurans dan sebagainya. Itu perkara biasalah tetapi mengeluarkan lesen sementara untuk memberikan perkhidmatan adalah penting bagi rakyat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya dapati di antara bidang tugas Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan Kementerian Pembangunan Usahawan, ada perkara-perkara yang boleh difikirkan semula supaya dapat digabung dan diselaraskan. Misalannya, bantuan kepada pengusaha-pengusaha kecil di peringkat kampung. Seolah-olah ada berlaku overlapping di antara satu dengan yang lain. Misalannya, Kementerian Pembangunan Usahawan mengadakan pelbagai tabung dan dalam masa yang sama ada Tabung Amanah Ikhtiar (AIM), Kementerian Pembangunan Luar Bandar pula beri bantuan untuk membuka kilang-kilang secara individu ataupun kumpulan. Kemudian, saya perhatikan seolah-olah ia bertindih-tindih. Ini menunjukkan satu sistem pengurusan yang tidak cekap yang perlu difikirkan semula sama ada digabungkan. Kalau tabung hendak membantu pengusaha-pengusaha kecil atau peniaga-peniaga kecil, diwujudkan suatu tabung, biar duduk dalam itu sahaja dan diuruskan oleh satu lembaga. Ini Tabung TEKUN ada, Tabung TUK ada, Tabung

Makanan ada. Apa salahnya fungsi atau tugas untuk mengeluarkan pinjaman ini tidak diberi kepada bermacam-macam bank tetapi diberi tugas kepada satu bank. Diwujudkan satu bank untuk memberi pinjaman kepada pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga kecil ini ataupun kita adakan bank yang ada sekarang ini, macam Bank Pembangunan ataupun Bank Pertanian, dijadikan bank ini sebagai tempat mengeluarkan pinjaman-pinjaman kecil ini. Tidak dikeluarkan mengikut agensi yang ada yang akhirnya hendak pungut balik pun susah. Hendak kawal pun susah, bila rugi pun kita tidak boleh kesan, lambat bukan tidak boleh, lambat! Jadi, ia berpecah-pecah. Jadi, perlu difikirkan supaya urusan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Pembangunan Usahawan dalam masalah hendak memberi pinjaman atau bantuan kepada pengusaha-pengusaha kecil dan penjaja-penjaja kecil, peniaga-peniaga ataupun orang-orang yang berminat ini diuruskan dengan lebih sistematik dan tersusun lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga, kita percaya selagi ada kerajaan, selagi ada rakyat, selagi keperluan untuk hendak meningkatkan suatu taraf di satu-satu tempat itu tentunya ada dan sekarang ini kita dapati daripada maklumat yang kerajaan sendiri beri, negeri-negeri yang peratus kemiskinannya tinggi adalah seperti Kelantan 19.2 peratus, Terengganu 17.3 peratus, Kedah 11.5 peratus, Perlis 10.7 peratus termasuklah Sabah dengan Sarawak yang lebih 10 peratus ke atas. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa peratus kemiskinan ini masih berlegar di negeri-negeri di mana penduduk luar bandarnya adalah orang-orang Melayu. Tidak dapat dinafikan, ini bukan kita reka-reka ataupun kita sebut begitu sahaja. Kalau demikian bermakna sektor penduduk-penduduk kumpulan orang-orang Melayu masih lagi dalam keadaan daif dan perlu diberi perhatian, bantuan dan apa juga bimbingan.

Sebab itu saya katakan tadi, kita hendak katakan kerajaan tidak ada peruntukan untuk membantu mereka ini tidak betul. Yang penting di sini, proses, cara mana kita uruskan bantuan itu. Mungkin kalau kita tanya berapa banyak

kerajaan belanja untuk hendak membasmi kemiskinan, hendak bantu rakyat luar bandar, mungkin kerajaan dapat memberi satu angka yang agak banyak tetapi yang pentingnya sejauhmana keberkesanan sumbangan dan bantuan itu telah dapat dimanfaatkan. Ini yang penting, bukan jumlah yang penting. Oleh sebab itu kerajaan perlu memberi perhatian dan mengkaji semula kedudukan ini dan apakah perancangan atau program yang lebih komprehensif yang harus dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan subsidi, kerajaan perlu mengkaji semula dan melihat di mana boleh diberikan subsidi dan kita tahu kerajaan sekarang sudah merancang melalui RISDA dan FELCRA untuk memberi gaji tetap kepada peneroka-peneroka dan penduduk-penduduk yang miskin ini yang gaji bulanan lebih kurang sebanyak RM250 satu keluarga. Kerajaan perlu menimbangkan dalam sektor-sektor lain sama supaya kaedah yang sama boleh dijalankan. Seperti yang saya sebut terdahulu, misalnya kalau kita swastakan segala bidang perkhidmatan dengan hak milik yang sedia ada itu, kita boleh work-out, dengan izin, bagaimana cara kita hendak tetapkan jumlah sumbangan ataupun sara hidup yang kita boleh beri kepada satu keluarga itu dan dengan cara ini bermakna kerajaan tidak akan rugi. Kerajaan akan menguruskan kehidupan rakyat di luar bandar ini dengan cara lebih tersusun lagi dan sekaligus boleh meneruskan pembangunan dengan lebih efisien dan tidak membazir.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kementerian Pembangunan Usahawan, saya sudah sebut tadi. Kita berharap kementerian ini walaupun diubahsuai dan baru diberi suntikan baru di mana Yang Berhormat Dato' Haji Mustapa bin Mohamed menjadi Menteri dan Timbalannya Dato' Idris bin Jusoh kita dapati peranan kementerian ini amat besar sekali dari segi hendak membantu penduduk-penduduk di kawasan luar bandar terutama sekali mereka yang mahu menceburkan diri dalam bidang usahawan.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya berkenaan dengan Kementerian Kerja Raya. Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Menteri Kerja Raya

kerana begitu prihatin – hadir sendiri di dalam Dewan ini pagi tadi dan telah menjawab beberapa soalan. Cuma yang saya masih merasa sedikit kemusykilan apabila tadi beliau menyebut pihak pembangkang ada berjumpa dengannya selama lapan jam. Selepas itu, dia beri pula butir-butir maklumat mengenai perjanjian konsesi dengan UEM ini, perjanjian tol dan sebagainya. Saya sendiri hendak mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan sama ada apabila sesiapa sahaja terutama sekali pembangkang berjumpa dengan kita meminta perkara-perkara ini, bukankah perkara-perkara ini dianggap sebagai ‘sulit dan rahsia’, bolehkah dengan tanpa persetujuan Kabinet kita release, keluarkannya? Kita tahu pihak pembangkang apabila mereka dapat ini, sebenarnya bukan untuk hendak bela rakyat tetapi untuk kepentingan politik mereka. Jadi oleh sebab itu, kita harus memikirkan semula sama ada boleh atau tidak seseorang Menteri yang mewakili kerajaan kadang-kadang mengeluarkan perkara-perkara yang menjadi rahsia yang akhirnya akan menampakkan di mana salah silapnya. Dia boleh timbulkan isu itu dan apabila kerajaan peka, sedar, sensitif mengenai desakan rakyat – kita ambil tindakan – rakyat nanti kata ini kerana parti pembangkang. Kita tidak mahu buat begitu. Siapa juga parti pemerintah, adalah hak dia untuk itu dan dalam masa yang sama kita bukan hendak menunjukkan sikap kata kita zalim, kita tidak mengamalkan demokrasi dan sebagainya. Biarlah parti pembangkang mengatakan asalkan rakyat berasa puas hati.

Jadi, kita tidak mahu dalam perjanjian konsesi yang kita buat, walaupun kita sudah beri masa, kita berikan kepada syarikat-syarikat yang berbeza-beza tetapi syarikat-syarikat ini mengalami sedikit kerugian akibat daripada kerana kita menjaga kepentingan rakyat, habis itu kerajaan terpaksa menampung. Kita harus ingat walaupun kerajaan membayar perbezaan itu, konsesi kerugian yang dikatakan oleh syarikat-syarikat itu wang ini juga adalah wang secara tidak langsungnya adalah daripada rakyat. Oleh sebab itu, kerajaan perlulah sensitif dari segi pengurusan. Kadang-kadang kita perhatikan penyelenggaraan lebuhraya

ini kadang-kadang agaknya seolah-olah macam agak secara yang sewenang-wenang begitu sahaja, setengah-setengah, bukan kesemua. Kadang-kadang tempat yang tidak perlu dibubuh cat semula dibuat ubahsuai. Jalan-jalan yang tidak perlu cat itu kadang-kadang kita tegok cat jalan itu masih terang lagi, sudah ada hendak cat semula. Jalan-jalan yang kurang rosak pun dia buang balik dan dia buat semula.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi, perbelanjaan cukup mewah dan dalam masa yang sama pegawai-pegawai yang bekerja dengan lebuhraya, yang berpangkat eksekutif ke atas ini mendapat kemudahan dan kemewahan yang cukup banyak. Lepas itu tuntutan suruh kerajaan tolong tampung, belanja mewah, belanja cukup banyak, rakyat terpaksa bayar tol. Kita dapat kemudahan itu kalau hendak bandingkan itu setakat ini okaylah tetapi kadang-kadang kita nampak bukanlah kata sempurna sangat tetapi mereka masih menuntut atas dasar katanya sudah tandatangan perjanjian, MoU dengan konsesi sekian-sekian lama itu. Jadi, perkara-perkara yang sebegini mesti diperhatikan supaya orang-orang yang diberi amanah menguruskan syarikat konsesi ini, orang-orang yang diberi tugas untuk bekerja dengan syarikat-syarikat ini tidak lepas tangan seperti yang saya sebut tadi, masa Dato' Dr. Haji Shafie menjawab soalan tadi ini, "kita ada ketelusan, kita ada corporate governance dan sebagainya", tetapi dalam masa yang sama orang-orang yang hipokrit, minta maaf, yang bekerja dalam hal ini mengambil kesempatan. Beri syarikat itu rugi, berlaku penyelewengan yang duit itu dia bawa pergi ke lain, dia beri tunjuk syarikat rugi tetapi dia mewah. Pegawai-pegawai eksekutif dalam itu cukup mewah, senang, kalau dia berhenti pun dia tidak susah tetapi syarikat menanggung kerugian, negara rugi, rakyat pun tumpang rasa susah. Ini

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta maaf, kalau boleh pendekkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Ya, ini dekat hendak habislah sudah fasal JKR, hak yang last ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana atas permintaan Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak cakap dalam keadaan terdesak ini tidak boleh juga, jadi saya berharap pihak kerajaan terutama Kementerian Kerja Raya memberi perhatian yang sewajarnya supaya perbelanjaan yang diperuntukkan di bawah kementerian ini dapat dibelanjakan untuk memberi kemudahan. Kita kena tahu beberapa perkara kemudahan asas yang perlu diberi kepada rakyat bukanlah satu perkara yang patut difikirkan secara komersial, secara keuntungan tetapi adalah sebagai keperluan oleh sebab itu kemudahan jalan raya, kemudahan-kemudahan yang patut JKR berikan perlu diberi perhatian.

Akhir sekali, masalah kontraktor-kontraktor bumiputera khususnya yang mendapat projek-projek JKR. Ini saya dapat maklum, progress payment, bayaran berperingkat yang diberi kepada kerja-kerja yang telah dibuat itu amat lambat sekali dan kadang-kadang terpaksa simpan deposit. Kontraktor-kontraktor itu begitu lama. Akhirnya, kita tahulah kontraktor-kontraktor bumiputera ini, mereka bukan ada cash sangat, harap hendak guna duit bank lepas itu dengan duit bayaran progress itu yang boleh menguruskan. Jadi, kadang-kadang hendak pergi ambil barang-barang dekat pembekal-pembekal ini, bukan mereka sanggup hendak beri pinjam dahulu, kalau beri cara hutang tentulah kosnya meningkat daripada harga, katakanlah RM500,000 akan naik sampai dekat RM1 juta kalau hendak bayar ikut progress. Oleh sebab itu, keuntungan yang bumiputera boleh dapat itu akhirnya lupus begitu sahaja. Lepas itu, apabila satu-satu projek itu siap walaupun ada undang-undang, ia ada masa tempoh sekian, sekian, baru dia boleh ambil balik duit deposit yang dia bayar kepada JKR itu. Jadi, kerajaan, kalau kita cakap corporate governance, ada ketelusan, dia mesti beri perhatian supaya semua projek yang siap mengikut peringkat itu mesti dibuat bayaran dengan segera dan membenarkan wang-wang pertaruhan yang dibuat dengan JKR itu boleh dikeluarkan dalam masa yang boleh dimanfaatkan kepada pemborong-pemborong.

Dengan kata-kata itu saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak.

11.35 pagi

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga berterima kasih kepada rakan-rakan saya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap lebih awal daripada saya dan telah membahaskan mengenai beberapa Butiran yang terkandung dalam rang undang-undang yang telah dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk menyambung dan berucap membahaskan beberapa perkara yang terkandung dalam rang undang-undang yang telah dibentangkan termasuk juga satu perkara daripada undang-undang ini, saya lihat tidak wujudnya isu tambahan belanjawan bagi Kementerian Sumber Manusia.

Saya ingin menyentuh perkara ini terlebih awal dengan izin, kerana saya telah melihat di antara beberapa kementerian dan jabatan yang telah memohon tambahan perbelanjaan tetapi Kementerian Sumber Manusia tidak kelihatan sama sekali. Saya pun tidak tahu mengapa dan apakah sebabnya? Sama ada peruntukan tersebut cukup ataupun sebaliknya. Tetapi dari segi prospektif, pandangan saya, kita tahu dalam kegawatan ekonomi yang melanda negara kita dan ramai pekerja yang telah ditamatkan perkhidmatan dan banyak suara yang dikeluarkan, betapa perlunya pekerja-pekerja di negara kita ini dilatih untuk menjadikan mereka pekerja mahir dan apakah tindakan yang kerajaan ambil?

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang kita ketahui, di bawah Kementerian Sumber Manusia banyak sekolah vokasional ditubuhkan di negara ini dan ada yang dalam proses dan separuhnya telah pun siap. Saya dapati kebanyakan sekolah ini, vocational school ini, dengan izin, mempunyai peralatan-peralatan yang lama, dengan izin, saya nyatakan out dated equipment, yang ada. Kadangkala mereka yang telah dilatih dalam sekolah latihan ini apabila mencari

pekerjaan di luar mereka tidak dapat menyesuaikan diri mereka dengan kelulusan yang telah diperolehi untuk bekerja dengan syarikat-syarikat, oleh kerana syarikat tersebut telah pun mengadakan jentera-jentera yang termoden, yang canggih, yang tidak dapat diadakan oleh sekolah yang berkenaan.

Jadi, saya merasa bingung mengapa Kementerian Sumber Manusia tidak memohon, meminta tambahan untuk memperlengkapkan vocational school yang didirikan di bawah jagaan kementerian dengan jentera-jentera moden yang lebih canggi,. terutama sekali dalam usaha kita menghadapi zaman IT dan sebagainya. Sekiranya tiada sesuatu tindakan yang positif diambil oleh kementerian, besar kemungkinan pekerja-pekerja di negara kita akan 'ketinggalan di belakang'.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama jika sekiranya pekerja ini dilatih dengan peralatan yang canggih dan sebagainya, sudah barang tentu pemodal-pemodal asing, pelabur asing (foreign investors), dengan izin, akan dapat masuk ke negara kita dan mendapat pekerja-pekerja yang terlatih bekerja di syarikat masing-masing. Jadi, saya memohon kepada kementerian berkenaan supaya membuat kajian, apakah sekolah-sekolah latihan yang berada di bawah kementerian berkenaan ataupun Kementerian Kewangan sendiri mengadakan perbincangan dengan kementerian berkenaan bagi mempertingkatkan peralatan ataupun jentera-jentera yang termoden, alat-alat yang lebih canggih disediakan di sekolah-sekolah vokasional berkenaan bagi melatih pekerja-pekerja di negara ini supaya menjadikan pekerja-pekerja negara ini sebagai pekerja yang terlatih.

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu perkara Kementerian Belia dan Sukan, saya hanya menyentuh beberapa kementerian dan jabatan, oleh kerana rakan saya Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail telah menyentuh panjang lebar daripada 'A' hingga 'Z'. Saya ingin menyentuh beberapa jabatan dan kementerian. Dalam Kementerian Belia dan Sukan, selain daripada usaha-usaha yang telah diambil oleh kementerian berkenaan seperti menubuhkan Rakan Muda dan menubuhkan beberapa padang sukan dan sebagainya, untuk menarik muda-

mudi kita berkecimpung dalam lapangan, aktiviti-aktiviti yang sedemikian bagi menghindarkan mereka terjerumus dalam satu gejala yang lebih buruk dan memusnahkan harapan mereka pada masa akan datang dan harapan negara dan masyarakat, saya ingin menarik perhatian kementerian yang berkenaan, seperti mana yang kita lihat di negara-negara luar – Yang Berhormat Menteri Luar Negeri pun ada bersama-sama kita pada pagi ini. Jadi, di luar negeri mereka telah mengadakan ‘national service’ ataupun ‘works bridged’ di negara-negara yang berkenaan bila mana lepasan sekolah menengah, ditentukan had umur masing-masing, mereka ini akan ditetapkan di bawah undang-undang memasuki ‘national service’. Dalam ‘national service’ mereka dilatih bukan sahaja dalam bidang ketenteraan tetapi juga dalam bidang kemahiran yang besar kemungkinan boleh dipilih oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, atas dua jurusan ini, saya fikir kita akan dapat menolong generasi-generasi muda kita ini dari dihinggapi penyakit lepak dan dari aktiviti berkumpul beramai-ramai di tempat-tempat sama ada di supermarket, department store dengan izin, dan sebagainya. Mereka akan diserapkan dalam ‘national service’ ataupun ‘works bridged’ dan mereka diberikan latihan jasmani dan diberikan latihan disiplin dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya bila mana mereka meninggalkan perkhidmatan ini, mereka akan menjadi rakyat yang setia, yang berguna, berdisiplin demi untuk bangsa dan negara kita akan datang.

Kita lihat seperti mana di negara Singapura dan di negara-negara yang lain, di mana saya sendiri melihat perkara ini berlaku. Saya sungguh tertarik hati melihat keadaan sedemikian kerana adanya perkhidmatan yang sedemikian, kita akan melatih mereka. Mereka tahu disiplin dan cintakan negara, bangsa, agama dan dengan ini mereka akan memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada negara kita dan kita akan berbangga dengan generasi muda yang akan datang, yang penuh dengan disiplin, tidak lepak dan sebagainya, tidak terjerumus dalam keadaan apa yang berlaku dalam negara sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita tahu penyakit dadah – mereka yang mengambil dadah, penglibatannya bukan berkurangan walaupun Kementerian Dalam Negeri telah mendirikan pusat-pusat yang sedemikian di merata-rata tempat. Namun demikian, kita tidak dapat mengurangkan terjerumusnya kalangan angkatan muda-mudi ini dalam kancah keadaan sosial yang menghancurkan harapan ibu bapa mereka dan negara ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya mencadangkan selain daripada tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan, Rakan Muda dan sebagainya, saya mencadangkan supaya kementerian berkenaan memikirkan mengadakan ‘national service’ atau ‘works bridged’. Dalam perkara ini saya ingin juga menyatakan kalau sekiranya kementerian tersebut bersetuju dengan cadangan yang telah saya kemukakan tadi dan ia seharusnya tidak mengira bulu, siapa juga. Sama ada dianya anak raja, anak orang bawahan, tiap-tiap daripada mereka dimestikan menyertai ‘national service’ dan ‘works bridged’ yang akan ditubuhkan oleh kerajaan.

Saya sungguh kagum melihat di negara Singapura sendiri, kadangkala mereka ini dengan spectacle, anak orang kaya dan sebagainya masuk ‘national service, well dicipline’ bertata tertib dan sebagainya. Walaupun kita – saya tidak yakin kita dapat 100% mengurangkan keadaan apa yang berlaku sekarang ini tetapi kita mungkin dapat mengurangkan gejala-gejala yang kurang sihat yang berlaku dalam angkatan muda, kalangan orang muda, bohsia dan sebagainya yang berlaku di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh atas tambahan perbelanjaan bagi Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Sebagai seorang pemimpin kesatuan sekerja, sudah semestinya saya selalu ingin melihat kepentingan kaum pekerja dijagai. Saya juga turut serta bersama ahli MTEN dan perbincangan MTEN dan kita tahu perkembangan ekonomi yang berlaku dalam negara ini. Saya cukup merasa bangga terhadap sumbangan yang telah ditunjukkan oleh kaum

pekerja sama ada daripada 'public sector' ataupun 'private sector' kedua-duanya dengan tidak ada tindakan perusuhan, dengan tidak ada keadaan yang kita anggap seperti mana berlaku di Korea, Thailand, Indonesia. Negara kita telah pun meningkat dan perkembangan ekonomi sungguh memberangsangkan dan saya yakin perkembangan ini akan terus berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama segala apa juga yang telah berlaku, kemajuan memberangsangkan ekonomi yang berlaku dalam negara kita tidak lain dan tidak bukan selain daripada usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerajaan sendiri tetapi juga sumbangan daripada kaum pekerja itu sendiri. Sumbangan daripada kaum pekerja seluruh peringkat sama ada dia datang daripada sektor awam ataupun sektor swasta.

Apabila keadaan ini wujud maka peningkatan ekonomi telah berlaku dan perkembangan sungguh mengagumkan dan menggalakkan serta memberangsangkan, maka saya ingin mencadangkan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan mengkaji soal imbuhan, kenaikan gaji kakitangan perkhidmatan awam dan dengan adanya kenaikan gaji, dengan adanya imbuhan, elaun dan sebagainya, mengembalikan semula isu-isu seperti bonus, walaupun kerajaan telah bersetuju untuk memberi elaun di kalangan 'supporting group' sebanyak RM600 bermula bulan Julai sehingga bulan Disember, sebanyak RM100 tiap-tiap bulan. Namun demikian, ianya hanyalah merupakan sekadar enam bulan sehingga bulan Disember dan saya memohon supaya perbincangan, perundingan hendaklah diadakan dengan kesatuan-kesatuan sekerja dalam perkhidmatan awam bagi memastikan kakitangan awam diberikan kenaikan gaji, diberikan imbuhan kerana segala apa juga perancangan yang dibuat oleh kerajaan, kita boleh merancang, kementerian boleh merancang, pemimpin negara termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh merancang tetapi pelaksanaannya adalah terletak kepada kakitangan awam itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya kakitangan awam tidak dapat menggerakkan jentera kerajaan, saya yakin besar kemungkinan kejayaannya tidak begitu menggalakkan. Jadi, dengan itu saya mencadangkan dan saya berharap pada pihak kerajaan supaya menimbangkan dengan serius kenaikan gaji kakitangan perkhidmatan awam. Saya menyokong penuh atas usaha-usaha ini dan mendesak sekali lagi supaya ianya dipertimbangkan dengan secara serius. Begitu juga bukan sahaja kakitangan perkhidmatan awam tetapi juga dari kalangan swasta sendiri.

Dalam satu mesyuarat MTEN yang lepas dan dalam satu jamuan makan tengah hari bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, wakil Persatuan Pengeluar-pengeluar Malaysia menyatakan kepada Perdana Menteri katanya, saya sungguh merasa bangga pertumbuhan ekonomi negara sungguh memberangsangkan dan pengeluar-pengeluar industri dapat menghantar dan menjual barang-barang mereka ke luar negeri. Saya kata sungguh bagus dan jika sekiranya keadaan yang sedemikian wujud, saya juga menyatakan kepada beliau sudah sampai masanya bagi majikan-majikan dalam negara ini menimbangkan semula pembayaran bonus, kenaikan gaji, mewujudkan semula perundingan bersama dengan kesatuan sekerja bagi memberangsangkan lagi ekonomi. Dengan adanya penambahan pendapatan yang diterima oleh kaum pekerja sudah barang tentu pekerja akan berbelanja dengan perbelanjaan ini, ianya juga akan melariskan penjualan pengeluaran barang-barang dalam negara ini sendiri dan ini akan dapat menolong lebih giat lagi memperkembangkan ekonomi dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama juga saya ingin mencadangkan, dahulu saya sudah mencadangkan, banyak kali saya sudah menjelaskan iaitu gaji kalangan angkatan tentera dan polis. Kedua-dua sektor ini adalah merupakan sektor yang paling penting kepada negara kita, perkhidmatan yang paling penting dalam negara kita. Apakah – saya tidak tahu sama ada polis dan angkatan tentera, gaji mereka masih lagi diletakkan di bawah Sistem SSB.

Saya mencadangkan supaya kedua-dua sektor ini, Angkatan Tentera dan Polis diasingkan daripada SSB. Dahulu saya mencadangkan dan saya terima banyak sokongan daripada kawan-kawan saya. Saya menyatakan bahawa SSB ini hendaklah dihapuskan. Ada cadangan pula mengatakan bahawa sistem SSB ini ditukar kepada sistem metrik. Cadangan ini telah dikemukakan. Tetapi pada saya, dua perkara. Pertama, penghapusan SSB ini kerana kita banyak dengar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat ada menyatakan sistem SSB ini kadangkala terletak kepada kemampuan individu untuk 'Sapu, Sapu Bos' dan sebagainya.

Perkara yang berlaku ini realiti. Kadangkala kuota untuk mendapatkan kenaikan melintang, menegak dan sebagainya hanya jumlah yang kecil. Seseorang itu bekerja keras tahun pertama, dia termasuk antara yang harus dapat kenaikan melintang. Oleh kerana kuota terlalu kecil dia tertinggal. Kemudian, dia cuba lagi setahun untuk memberikan khidmat yang penting, dia juga dimasukkan masih juga tertinggal. Akhirnya mereka akan jadi bosan dan ini menyebabkan pekerja tersebut menjadi malas, tidak dapat menumpukan perkhidmatan kepada kerja-kerja mereka.

Ini bukan satu tindakan yang baik dan tindakan yang bagus, ianya akan dapat menolong meninggikan produktiviti di kalangan kakitangan perkhidmatan awam. Saya mencadangkan SSB ini dihapuskan atau ditukar kepada sistem metrik yang diminta oleh Kesatuan Sekerja dan juga sistem SSB ini hendak diasingkan daripada Angkatan Tentera dan Polis kerana keduanya memberikan perkhidmatan yang penting kepada negara kita dan ianya dimestikan ada satu sistem yang lebih baik, yang lebih bagus untuk meyakinkan mereka yang menjaga keamanan negara, menjaga kedaulatan negara diberikan imbuhan yang begitu baik, dalam masa yang sama masa depan mereka juga harus dilihat dan dipandang dengan begitu serius bagi memastikan bila mana mereka bersara kelak seperti saya mencadangkan dahulu iaitu genap 60 tahun, complete 60, dengan izin, bila mereka masuk dalam lapangan yang baru mereka ada peluang untuk bekerja dalam sektor komersial dan

sebagainya dan meneruskan kerjaya mereka dan menanggung keluarga mereka di masa-masa yang akan datang .

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama juga saya ingin mengemukakan pandangan saya, tidak berapa lama dahulu kita mendengar transparansi wujud sekarang oleh kerana banyak orang minta transparency, accountability, kerajaan telah mengeluarkan kenyataan melalui MTEN. Banyak kementerian yang telah diberikan peruntukan oleh kerajaan tidak membelanjakan peruntukan-peruntukan tersebut seratus peratus. Ada kementerian secara terus terang menyatakan hanya membelanjakan sebanyak 10% sahaja daripada peruntukan yang telah diberikan. Saya pun tidak tahu apakah sebabnya. Apakah ada birokrat, adakah apa-apa halangan, bagaimana cara halangan ini harus diatasi kerana rakyat menunggu segala apa juga bentuk pertolongan, bantuan, kemajuan demi untuk kepentingan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira barangkali kajian-kajian yang terperinci, yang serius harus dibuat dan difikirkan tiap-tiap peruntukan yang diberikan kepada kementerian-kementerian hendaklah dibelanjakan dengan penuh dan dilaksanakan dengan penuh bagi meyakinkan rakyat bahawa kerajaan peka, kerajaan prihatin kepada nasib mereka. Pertama sekali Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pembangunan Usahawan dan juga Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan sebagainya ini merupakan perkhidmatan-perkhidmatan yang kritikal, perkhidmatan yang penting yang harus diambil kira dilaksanakan. Jika sekiranya terdapat halangan, tindakan-tindakan hendaklah diambil.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah mengadakan perbincangan dengan rakan-rakan saya dari Kesatuan Sekerja dalam perkhidmatan awam, saya hendak tahu daripada mereka apakah sebabnya berlaku keadaan sedemikian. Mengapa adanya segala belanjawan ini tidak dibelanjakan. Adakah halangan-halangan tertentu, adakah sebab birokrat dan sebagainya. Saya telah diberitahu oleh

setengah-setengah kawan-kawan saya daripada Kesatuan Sekerja dalam perkhidmatan awam kedapatan ada pegawai-pegawai kerajaan, saya bukan cakap yang bawah tetapi yang tinggi, yang mengendalikan jabatan daerah dan sebagainya dan pegawai pemungut hasil tanah, kadangkala setengah-setengah pegawai kekal dalam jawatan dalam daerah tersebut bertahun-tahun, ada yang 10 tahun, 15 tahun tinggal dalam daerah tersebut. There was no check and balance, dengan izin.

Jika sekiranya kita mengambil tindakan, there should be a limit, misalnya perkhidmatan luar negeri (foreign service) saya fikir the most, dengan izin, empat-lima tahun. Dalam foreign service lima tahun di sesebuah negeri dan ditukar ke tempat lain kecuali ada sebab-sebab yang tertentu. Kita juga harus memikirkan ini dalam perkhidmatan awam negara ini, pegawai-pegawai daerah dan sebagainya mereka yang mengendalikan jentera-jentera kerajaan yang mempunyai kuasa dari segi pelaksanaannya difikirkan sama ada patutkah mereka ini berkhidmat begitu lama atau kita had jangka perkhidmatan dalam satu-satu daerah tersebut lima tahun ataupun tujuh tahun ataupun kurang dari itu bagi membolehkan ia digantikan dengan orang lain dan kita boleh dapati check and balance sama ada rancangan ini dilaksanakan dan diusahakan atau inisiatif telah pun dibuat dan sebagainya. Kita akan dapat information ini dengan serta-merta. Jika keadaan sedemikian berlaku kementerian boleh mengatasinya bagi memperbaiki lagi jentera kerajaan supaya lebih berfungsi dan ia akan membawa faedah kepada negara.

Mereka lah pekerja negara kita, Tuan Yang di-Pertua. Pelaksanaan dasar adalah menteri-menteri kita, kerajaan kita. Kadangkala yang kena hentam, menteri dan timbalan menteri sendiri yang kena hentam. Tetapi dari segi ketelusan, kewibawaan, wujud perkara-perkara yang sedemikian berlaku. Saya tidak menyatakan kepada semua tetapi hanya segelintir bilangan yang kecil. Tetapi perlu diawasi sebelum ianya merebak menjadi besar kerana pandangan-pandangan

ini selalu dikemukakan oleh rakan-rakan saya kakitangan dalam perkhidmatan awam. Mereka telah menjelaskan kepada saya dan mereka tidak ada tempat untuk menyuarkan perkara ini. Seperti pertukaran dalam Jabatan Perkhidmatan Awam, kuasa yang ada pada kakitangan awam. Saya tahu satu kementerian - Kementerian Sumber Manusia saya hendak ceritakan, di Jabatan Perhubungan Perusahaan yang mengendalikan isu-isu kes Seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan, isu pembuangan kerja, penamatan perkhidmatan. Dalam kegawatan ekonomi jumlah angkanya telah berlipat kali ganda. Kalau dua tahun dahulu jumlah 1,600 kes. Bila kegawatan berlaku jumlahnya meningkat tiga kali ganda. Laporan dibuat kepada seksyen berkenaan dan kementerian berkenaan tetapi pegawainya tidak bertambah dan kerjanya bertimbun.

Kita tahu Kementerian Sumber Manusia memohon kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menambah kakitangan pegawai berkenaan. Tetapi permohonan mereka memakan masa begitu lama, sungguh lama sekali. Sehingga kegawatan telah pulih mereka belum dapat menambahkan pegawai bagi mengatasi perkara ini. Bila keadaan ini timbul, timbullah gelisah di kalangan mereka yang kena buang kerja. Kedapatan yang kena buang kerja kadangkala suami dan isteri. Both of them has been dismissed. Kes pending di Jabatan Perhubungan Perusahaan setahun dan juga di Mahkamah Perusahaan dua-tiga tahun. Kenapa ini tidak dikaji.

Saya mohon kepada Kementerian Sumber Manusia dan saya berharap Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan akan dapat menyampaikannya. Saya ingin untuk mendapat jawapan, oleh kerana saya telah menyatakan ini dalam surat khabar. Bila saya katakan ini, surat khabar tidak mahu tulis. Begitu juga Dato' Zuki cakap, semalam banyak orang bercakap, esok penswastaan. Sekurang-kurangnya rakyat tahu Dewan Negara ini is not a sleeping room. Kenapa tidak Wartawan menulis. Orang menganggap kita ini just a rubber stamp. Minta maaf, dengan izin. It is a fact, Dato' Zuki bercakap, Kenapa tidak tulis. Banyak rakan

saya seperti Tuan Haji Abu Bakar bercakap, Dato' Ghazi bercakap, Puan Kamilia bercakap, Puan Mastika bercakap dan banyak orang bercakap. Saya kira pandangan-pandangan mereka bernas semata-mata untuk meyakinkan rakyat, semata-mata meyakinkan mereka yang dahagakan kepada penerangan (information), penjelasan mendapat tahu perkara ini. Kenapa tidak wartawan menulisnya. Tetapi saya tidak salahkan kawan-kawan, mereka tulis. Tetapi bila sampai kepada news editor, there is a prerogative right for the news editor to decide whether to publish or not to publish, dengan izin. Saya minta maaf, Dato' Zam.

Tuan Yang di-Pertua, inilah karenahnya. Saya balik semula soal kes Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya masih teringat lagi satu ketika waktu saya jumpa Tan Sri Aziz, Ketua Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri waktu itu Allahyarham Dato' Onn. Saya berjumpa dengan beliau dan bincang beberapa perkara, beliau sendiri menyatakan kepada saya "Zainal, bukan sahaja you mempunyai problem, tetapi Perdana Menteri sendiri mempunyai problem". Hendak dapatkan seorang office boy katanya enam bulan minta Jabatan Perkhidmatan Awam, just to get one office boy. Could we imagine that, enam bulan hendak dapatkan seorang office boy. Jadi, Perkhidmatan Awam juga hendaklah dikaji, seolah-olah Perkhidmatan Awam ini dahulu saya cakap mereka seolah-olah so powerful, kuasa yang cukup besar, ia determine mana yang dia hendak hantar, hendak tambah atau pun kurang.

Seperti gaji, lima agensi kerajaan – EPF, SOCSO, Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Bank Simpanan Nasional, Lembaga Pengarah telah buat keputusan, kelima-lima Lembaga Pengarah agensi berkenaan, kerana ianya diasingkan daripada SSB mencadangkan supaya pelaksanaan gaji mereka diluluskan oleh Lembaga Pengarah dilaksanakan mulai 1 Januari 1995. Malangnya, tidak ada tindakan diambil secara begitu serius. Bila ditanya dia kata dalam kajian. Kadangkala pekerja tanya saya, "Encik Zainal, how long to take

hendak kaji sahaja. Do you take five years hendak kaji, lima tahun?”. Ini yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya dalam Dewan Negara yang lepas, saya dapat jawapan yang negatif. Saya mengambil inisiatif sendiri saya tulis surat kepada Perdana Menteri more like a personal letter. Syukur alhamdulillah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri immediately reply jawapan saya sebelum saya bertolak ke luar negeri, katanya kerajaan telah bersetuju melaksanakan penyelarasan gaji dan kenaikan gaji kelima-lima agensi ini mulai 1 Januari 1995. Kalau saya tunggu jawpan daripada JPA, saya ingat habis term saya dalam Dewan Negara ini saya belum dapat jawapan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, inilah keadaan yang berlaku, inilah perkara yang berlaku dan begitu juga kadangkala kita lihat setengah-setengah jabatan kerajaan, minta ganti ini dan minta ganti itu, saya minta maaf Dato’, Kementerian Kewangan minta perbelanjaan, kadang-kadang hendak ganti kerusi pun, it takes sometime. Kami berurusan dengan Jabatan Perhubungan Perusahaan, Kementerian Sumber Manusia, kadangkala hendak ganti kerusi, hendak ganti meja pun begitu lama, saya pun tak tahu, how the bureaucrat work, saya ingin mendapatkan penjelasan cara mana, bukan hendak beli bangunan, saya kira kalau hendak beli bangunan menelan berjuta-juta ringgit besar kemungkinan, tetapi hendak beli kerusi, meja, peralatan dalam Jabatan Buruh, employment exchange bahagian di mana mereka hendak mendaftar mencari pekerjaan, majikan mencari pekerja, banyak lagi Jabatan Buruh dengan cara lama, cara negara-negara yang belum maju.

Kalau kita pergi ke Imigresen, dia masih lagi menulis dalam borang itu, tak pakai komputer, kita queue up berapa panjang. Jabatan Tenaga Rakyat, tempat pekerja mencari kerja masih dengan cara lama. Kenapa tidak diganti dengan komputer, adakan e-mail, pekerja boleh senang cari atau kesatuan boleh menolong mencari pekerjaan, ini ada kosong dalam Internet, e-mail, you pergi ke tempat ini,

kadang-kadang Jabatan Employment Exchange tersorok, majikan kadang-kadang telefon saya, saya pun tak tahu kenapa majikan telefon saya: “Encik Zainal, di mana Jabatan Buruh di Petaling Jaya?” Terpaksa saya beritahu di mana.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagi?

Tuan Zainal bin Rampak: Sedikit sahaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua, jadi inilah kerenah yang ada, saya memohon supaya Jabatan Buruh ini juga dilengkapi dengan komputer.

Saya telah bercakap dalam Majlis Tindakan Ekonomi Negara di hadapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan Perdana Menteri sendiri prihatin di atas perkara ini dan saya berharap Kementerian Kewangan sediakanlah wang yang secukup-cukupnya dan janganlah anggap Kementerian Sumber Manusia ini second last dalam senarai portfolio Kabinet. The second last low rank, dengan izin, put them priority, kalau boleh letakkan Kementerian Sumber Manusia at par dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kerana ia juga membawa masuk, meyakinkan pelabur asing, menyediakan pekerja-pekerja yang mahir dan sebagainya untuk kepentingan negara, pelabur asing, dengan ini pelabur akan yakin untuk melaburkan wang mereka dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) 1999 diluluskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah.

12.07 tgh.

Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) 1999.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu sebanyak RM19.8 juta dalam melaksanakan program luar bandar selain memberi fokus kepada pembangunan seperti mendirikan bangunan balai raya dan sebagainya.

Saya suka mencadangkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar agar memberi penekanan yang sama terhadap pembangunan infrastruktur termasuk jalan raya yang sempurna iaitu bertar serta bekalan air dan elektrik bagi memudahkan pergerakan rakyat di luar bandar. Kita tidak dapat menafikan rakyat di luar bandar juga dahagakan jalan-jalan raya yang licin seperti yang dikecapi oleh warga kota. Walau bagaimanapun, saya ingin menyeru kepada kerajaan seandainya jalan-jalan raya yang cantik atau sempurna dibina di luar bandar, tol-tol tidak akan dikenakan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tentang masalah rumah kos rendah, di sini saya ingin mencadangkan kepada kerajaan agar rumah kos rendah yang telah siap dibina atau sempurna untuk diduduki yang mempunyai keperluan asas, yang dibenarkan dijual, oleh itu rakyat boleh menduduki rumah tersebut tanpa perlu menyewa rumah yang lain. Penjualan rumah tersebut kepada rakyat di luar bandar, boleh dilaksanakan melalui sistem sewa beli untuk memudahkan golongan berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri. Saya ingin mendapat penjelasan tentang jumlah syarikat atau pemaju yang gagal untuk menyiapkan rumah kos rendah tepat pada masanya dan apakah bentuk tindakan yang telah diambil terhadap pemaju-pemaju tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ingin saya tahu tentang peruntukan tambahan sebanyak RM43 juta yang diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan baru-baru ini. Bagi pelajar-pelajar kita yang telah berjaya memasuki ke institusi pengajian tinggi dan telah pun memulakan pengajian mereka baru-baru ini juga didapati perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional melalui Jabatan Pendidikan negeri telah menyediakan wang pendahuluan bagi memudahkan urusan kemasukan pelajar-pelajar ke IPT terutama sekali kepada pelajar-pelajar yang miskin atau kurang mampu.

Di sini saya ingin mendapat penjelasan dari Kementerian Pendidikan, berapakah jumlah peruntukan pinjaman pendahuluan yang telah diberi kepada

setiap negeri dan negeri manakah yang mempunyai jumlah yang tertinggi yang menerima wang pendahuluan tersebut.

Seterusnya, saya ingin mendapat penjelasan tentang borang-borang dokumen atau syarat-syarat perjanjian yang dikenakan kepada pelajar tersebut bagi membolehkan menerima wang pendahuluan. Bagi pelajar-pelajar yang menerima pinjaman pelajaran dari perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, bilakah mereka perlu membayar pinjaman tersebut serta masa tempoh bayaran balik yang dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan di atas keprihatinan terhadap sekolah menengah agama rakyat dan seterusnya telah menyediakan dua model berkaitan dengan isu pengambilalihan sekolah menengah agama rakyat. Jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, Timbalan Menteri Pendidikan semalam terhadap pertanyaan Soalan Lisan telah dapat meredakan isu pengambilalihan sekolah tersebut. Usaha kerajaan untuk memberi bantuan kepada sekolah menengah agama rakyat seperti yang diperolehi oleh sekolah menengah convent dan methodist dan sebagainya untuk kepentingan pelajar amat dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berkaitan Maksud B.8 peruntukan untuk Jabatan Perkhidmatan Awam. Baru-baru ini kakitangan kerajaan telah diberikan imbuhan sebanyak RM600 bermula bulan ini. Walau bagaimanapun, di sini saya ingin menyeru kepada Jabatan Perkhidmatan Awam agar mengkaji semula gaji kakitangan kerajaan yang begitu setia berkhidmat agar dinaikkan dan dikembalikan semula jumlah elaun kakitangan awam yang telah dipotong akibat dari kemelesetan ekonomi pada tahun lepas, memandangkan pada tahun ini ekonomi kita semakin pulih.

Selain dari itu, saya menyeru kepada Jabatan Perkhidmatan Awam agar mengkaji semula Sistem Saraan Baru (SSB) sama ada meninggalkan kesan yang

baik kepada para pekerja atau boleh mewujudkan suasana yang tidak sihat, seperti ketidakpuasan hati pekerja yang mengakibatkan prestasi atau mutu kerja yang semakin merosot.

Langkah menentukan 5% dari kakitangan mendapat pergerakan gaji menegak atau melintang boleh menimbulkan kesan yang negatif sekiranya prestasi pekerja tersebut tidak dinilai secara adil kerana kita beranggapan semua kakitangan bekerja kuat, hanya segelintir sahaja yang bermasalah.

Seterusnya, saya ingin menyebut Maksud B.52 berdasarkan peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Kerja Raya. Diharapkan pihak kementerian mengkaji semula kadar tol yang dikenakan kepada rakyat kerana rakyat telah cukup dibebani dengan cukai jalan. Oleh itu saya amat mengalu-alukan sekiranya kerajaan dapat mengurangkan tol yang dikenakan, sekarang kita amat mengharapkan agar bayaran tol tidak akan berterusan meningkat bersesuaian dengan peningkatan atau pertambahan bilangan kenderaan yang melalui lebuh raya tersebut.

Hanya sekian, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) 1999.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin tahu berapa orang lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Lima orang lagi. Setiap Ahli saya akan beri selama tidak lebih dari sembilan minit. Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng.

12.16 tgh.

Puan Tan Ah Eng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian untuk membahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999)1999.

Dalam memberi sokongan untuk perbelanjaan tambahan bagi Maksud B.8 – Jabatan Perkhidmatan Awam, sukaiah saya mengambil kesempatan ini untuk

mengemukakan masalah tentang penglibatan anggota terdiri dari pelbagai kaum dalam perkhidmatan awam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Awam adalah bertanggungjawab untuk memastikan supaya dasar-dasar perkhidmatan digubal dan dilaksanakan ke arah mewujudkan anggota perkhidmatan awam yang berpengalaman, berkebolehan, berdisiplin dan bermotivasi. Dalam usaha meoptimumkan saiz perkhidmatan awam, Jabatan Perkhidmatan Awam juga dipertanggungjawabkan untuk memastikan supaya agensi-agensi awam mempunyai struktur bilangan tenaga kerja yang beroptimum dan terancang serta mempunyai kelayakan dan kemahiran yang sesuai untuk membolehkan organisasi ini menjadi cekap dan berkesan.

Memandangkan saiz perkhidmatan awam ini kira-kira 80,000 orang yang terdiri daripada anggota pelbagai kategori dan pangkat dalam semua perkhidmatan yang berinteraksi dengan orang awam terdiri daripada rakyat jelata pelbagai kaum, maka adalah wajar kiranya perkhidmatan awam dapat mencerminkan keadaan kemalaysiaan iaitu satu masyarakat Malaysia yang makmur. Tidak dapat dinafikan Jabatan Perkhidmatan Awam perlu meningkatkan usaha dalam pengambilan anggotanya daripada rakyat pelbagai kaum.

Ini adalah sejajar dengan salah satu matlamat kerajaan dalam penyusunan masyarakat supaya semua rakyat dalam negara ini tidak dikenali identitinya menerusi bidang kerjaya yang diceburinya, sama ada perkhidmatan awam, perniagaan, pertanian, bidang profesional, angkatan bersenjata dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu penglibatan anggota pelbagai kaum dalam perkhidmatan awam sememangnya akan terus memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan kepada seluruh rakyat jelata. Ini adalah berdasarkan kepada beberapa sebab seperti berikut:-

- (i) Rakyat dari pelbagai lapisan masyarakat akan merasai lebih mesra dalam urusan mereka dengan agensi

perkhidmatan yang dikunjungi dan mendapat pelbagai kaum bekerjasama dan memikul tanggungjawab bersama untuk memberi perkhidmatan yang diperlukan atau menyelesaikan masalah rakyat.

- (ii) Pemahaman bahasa, perasaan, adat resam oleh anggota terdiri daripada pelbagai kaum yang bertugas dalam perkhidmatan awam adalah tentunya akan memberi kesan yang lebih positif, cepat, tepat dan betul. Ini tetap membolehkan perkhidmatan awam menjadi lebih cekap dan berkesan seperti mana yang dicita-citakan oleh pemimpin yang disayangi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah melakukan pelbagai usaha dalam meningkatkan mutu perkhidmatan awam, termasuk pengenalan Kad Perakam Waktu, Dasar Persyarikatan Malaysia, Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Perkhidmatan Awam, Kepimpinan Melalui Teladan, Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam dan sebagainya.

Dengan cita-cita yang murni ini negara kita terus melangkah maju menuju arah pencapaian Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang perlu saya bangkitkan ialah satu perkara yang telah lama wujud dan diperbincangkan iaitu masalah kekurangan Jurubahasa Cina dalam perkhidmatan kehakiman dalam negara kita. Sehingga hari ini perkara berkenaan terus berlarutan dan semakin ketara. Namun demikian kita semua berharap bahawa masalah ini tidak atau mungkin tidak sampai ke tahap yang akan menjejaskan proses perjalanan undang-undang kita. Seterusnya kemungkinan akan menjejaskan kewibawaan berbagai peringkat mahkamah kita dalam menegakkan keadilan semata-mata. Bagi kita yang sering tertanya-tanya tentang punca yang menyebabkan kekurangan Jurubahasa Cina

dalam mahkamah, kita tetap menyedari bahawa jurubahasa merupakan orang perantaraan di antara hakim, pendakwa, peguam dan tertuduh.

Peranan dan profesionalisma jurubahasa adalah amat penting bagi menjamin kelicinan dan kelancaran perjalanan proses perundangan yang sempurna maka jawatan hakiki yang sedia ada tidak mencerminkan tanggungjawab dan profesionalisma seseorang jurubahasa, di mana kriteria yang pertama ialah kelayakan seseorang jurubahasa yang hanya berkelulusan SPM dan setaraf dengannya didapati sukar untuk mengenali situasi dalam mahkamah di antara pihak hakim dan peguam yang berkelayakan jauh lebih tinggi. Penggunaan bahasa atau istilah undang-undang yang tertentu atau spesifik yang sebagainya.

Ini tidak termasuk penggunaan pelbagai bahasa atau loghat yang sukar untuk diterjemahkan mengikut bahasa undang-undang yang tepat. Lebih-lebih lagi pembayaran elaun bahasa yang begitu rendah dan tidak menggalakkan. Iaitu di antara RM25.00 hingga RM40.00 bagi satu bahasa atau loghat biasa yang tidak berubah-ubah sejak beberapa dekad yang lalu.

Memandangkan keadaan sekarang, saya ambil satu contoh...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagi kah?

Puan Tan Ah Eng: Sikit sahaja lagi.

Saya ambil satu contoh seperti di mahkamah Johor Bahru. Sebuah bandar raya yang mempunyai tiga peringkat mahkamah iaitu tiga mahkamah tinggi, tiga mahkamah seksyen dan empat mahkamah majistret. Bagi setiap peringkat mahkamah hanya mempunyai seorang Jurubahasa Cina sahaja. Ini bermakna seorang Jurubahasa Cina terpaksa bertugas sekurang-kurangnya dalam tiga mahkamah dalam sesuatu peringkat. Bebanan kerja tersebut memang terus memberi kesan negatif terhadap mutu dan keberkesanan suasana kerja.

Maka adalah dicadangkan kiranya pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dapat mengadakan satu kajian yang terperinci supaya mengadakan satu rancangan atau cadangan yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah ini., di mana tiga

aspek berikut perlu diambil kira, pertama pengambilan Jurubahasa Cina yang diberi jawatan yang setimpal dengan tanggungjawabnya serta kelayakan yang diperlukan. Kedua, kajian dan pelarasan diadakan terhadap berbagai-bagai elaun, bahasa atau loghat yang dikuasai. Ketiga, profesionalisma kerja yang diiktiraf. Akhirnya, adalah diharapkan perkara ini diberi perhatian yang sewajarnya supaya ianya dapat di atasi demi kepentingan keadilan masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya sambung lagi?

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah cukuplah... Ada empat ahli lagi....

Puan Tan Ah Eng: Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Kamilia.

12.25 tgh.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada lima perkara yang ingin saya bantangkan, memandangkan kesuntukan masa. Pertamanya ialah tentang belanjawan tambahan. Ini memang kita selalu minta untuk diluluskan. Tiap-tiap kali jika tidaknya dalam satu-satu Penggal, jadi saya inginlah menyatakan di sini bahawa mungkin ada baiknya jika pihak kerajaan dapat memberikan, untuk meningkatkan accountability Ahli-ahli Parlimen, adanya second quarter budget review untuk dapat kita melihat dengan lebih jelas dan spesifik belanjawan-belanjawan, mengapa diperlukan dan belanjawan dahulu yang telah diluluskan, banyak mana yang telah dibelanjakan dan kita boleh mempunyai asas yang lebih kukuh untuk meluluskan permohonan-permohonan belanjawan tambahan.

Yang keduanya, saya juga dengan mendengar 3 jam Senator Haji Abu Bakar bercakap semalam dan juga ramai rakan lain termasuk juga Senator Zainal, saya merasakan banyaknya kelemahan yang telah dibentangkan ataupun telah diberi penekanan oleh mereka, mungkin juga pihak kerajaan perlu melihat kepada good public governance. Kita telah banyak memperkatakan tentang good

corporate governance maka perlulah juga satu good public governance etika atau kod diwujudkan. Jika ada pun perlulah kita kemukakan atau dapat diketengahkan agar dapat kita memahami jika ada berlakunya kelemahan-kelemahan dan bagaimana boleh diatasi.

Ketiganya, Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin menyarankan untuk MAPEN II yang akan diadakan nanti, supaya memberi fokus kepada satu fokus baru. Jika dulu kita melihat kepada ekonomi negara, keperluan-keperluan untuk ekonomi negara berasaskan berbagai-bagai fakta, saya ingin mencadangkan bahawa kita lebih memfokuskan kepada pembangunan ekonomi dalam alaf 2000 nanti berdasarkan kepada perpaduan. Rancangan-rancangan ekonomi yang diadakan merupakan ekonomi yang berintegrasi, penglibatan semua kaum dalam tiap-tiap sektor ekonomi dan fokus diberi agar kaum yang berbeza dalam negara ini dapat bersama-sama diintegrasikan dalam kegiatan-kegiatan ekonomi yang dilaksanakan.

Kita tidak mahu lagi sektor ekonomi tertentu diidentitikan dengan satu-satu kaum tertentu. Kita mahukan jika boleh diintegrasikan supaya ekonomi itu tidak membezakan antara kaum. Jika dahulu kita mengatakan kita tidak mahu lagi terdapat perbezaan kaum mengikut status ekonomi tetapi sekarang kita mahu ianya diintegrasikan dengan lebih kukuh dan juga ia dapat mencerminkan benar-benar perpaduan dalam negara ini.

Yang keempatnya saya ingin menekankan tentang aspek pemasaran iaitu pemasaran barangan. Yang ini sebenarnya saya ingin melihat kepada B.50 Kementerian Pembangunan Usahawan.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk melihat kepada industri kraftangan sebagai satu industri yang perlu diketengahkan dan dikemukakan sebagai industri sokongan yang kuat kepada industri pelancongan. Saya dapat maklumat daripada kementerian bahawa pihak PKKM telah pun mengeluarkan barangan kraf berjumlah RM3 bilion lebih dalam tahun 1997

hingga 1999 dan memperoleh pendapatan berjumlah hanya RM10 milion. Jadi, kalau mereka telah dapat di situ, saya rasa pengeluaran yang begitu tinggi tetapi penjualan yang begitu rendah, maknanya banyak masalah tentang pemasaran.

Pemasaran ini bukan sahaja kraftangan tetapi saya rasa juga dengan produk-produk lain. Jadi, saya ingin mencadangkan bagi kraftangan terutamanya sebab saya merasakan industri kraftangan ini mempunyai potensi yang begitu besar terutamanya kita hendak membangunkan industri pelancongan, maka penekanan hendaklah diberi kepada pemasaran. Dicadangkan pemasaran untuk kraftangan ini dipertingkatkan sama ada kita membuatnya dengan menjual secara jualan langsung yang dilaksanakan melalui MLM (Multi Level Marketing) yang banyak digunakan.

Bukannya secara keseluruhan diambil cara MLM itu tetapi bolehlah diubahsuakan dan saya juga ingat adalah elok kalau kita dapat francaiskan. Saya lihat negara-negara lain begitu mengambil tindakan yang agresif, contohnya kalau kita pergi ke Narita Airport, kita boleh lihat dua, tiga atau empat kedai di airport itu yang menjual barangan kraftangan Jepun. Kalau kita di sini, kita tidak dapat lihat buatan-buatan Malaysia yang dijual. Saya memang mengambil perhatian yang begitu serius terhadap perkara ini. Tiap-tiap kali saya pergi semua airport di negara ini, kita tidak akan jumpa bahawa kita dapat menjual barangan kita.

Kadang-kadang, contohnya, di Pulau Pinang, saya lihat barang-barang yang dijual adalah dari Philippines dan Indonesia. Malah kalau kita pergi ke Nigeria sekalipun, kalau di Kanada itu kira negara membangun, mereka ada kedai-kedai tertentu yang memang menjual kraftangan Malaysia. Jadi,, kalau kita dapat menghasilkan begitu banyak tetapi pemasarannya begitu rendah, jadi saya ingin mencadangkan agar kita dapat, kalaulah boleh pihak kerajaan ataupun pihak kementerian menswastakan cara pemasaran bagi barangan yang boleh dilonggok-longgokkan ini ataupun dikumpulkan sebab banyak perkara hendak dilaksanakan seperti pakatan strategik yang dia hendak buat dan dia juga sedang mengkaji

kualiti produk dan sebagainya dan juga akan mengadakan pelan induk. Ini memang kita alu-alukan dan saya ingin memohon kepada pihak kerajaan memberikan penekanan kepada industri kraftangan.

Yang kelimanya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Polis Diraja Malaysia, B36. Saya ingin memohon kepada pihak kerajaan ataupun pihak Polis Diraja Malaysia untuk melihat kepada kes-kes di mana tindakan perlu diambil terhadap polis iaitu *police vs police*, dengan izin. Kita dapati banyak kes ini iaitu di mana terdapatnya salah laku dan sebagainya oleh pihak polis, tindakan-tindakan selalunya gagal dilaksanakan oleh kerana peraturan-peraturan dan mungkin juga ada perundangan-perundangan yang tidak dapat dikuatkuasakan. Saya percaya ada perkara-perkara dan kelemahan-kelemahan tertentu yang perlu dikaji semula.

Perkara ini adalah perkara yang lama tetapi saya ingin sekali lagi walaupun dahulu saya ada menyebut perkara ini, untuk dapat diberi perhatian oleh pihak kerajaan kerana kepercayaan dan keyakinan kepada polis adalah sangat bergantung kepada apakah kemampuan pihak polis untuk menjaga kredibiliti polis-polis ini.

Dan akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, yang ini saya memang berhasrat sangat hendak mengemukakan kepada pihak Kementerian Pendidikan sebab saya dapati bahawa kita banyak memperkatakan masalah-masalah sekolah, masalah penuntut-penuntut yang terlibat dalam pelbagai masalah sosial. Saya ingin mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, kepada semua sekolah di negara ini sebab ini dilaksanakan di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina. Tuan Yang di-Pertua, mereka memakai lencana, ada nama, tiap-tiap murid diberi nombor dan nama sekolah. Jadi, saya hairan mengapa sekolah-sekolah kerajaan ataupun sekolah lain yang bukan sekolah jenis kebangsaan Cina dapat melaksanakan lencana itu untuk tujuan agar mereka dapat dikesan siapa penuntut-penuntut yang berada di tempat-

tempat ataupun ponteng sekolah dengan lebih mudah sebab kita tahu kalau nama yang pakai badge itu mudah sahaja dibuang oleh mereka.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya sampaikan dan saya ucapkan terima kasih dan dengan ini menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Zainudin.

10.35 pagi

Datuk Zainudin bin Maidin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh secara ringkas. Pertama sekali ialah mengenai Suruhanjaya Pilihan Raya dan juga Polis Diraja Malaysia. Saya tidak tahu sama ada peruntukan ini dapat kita yakin bahawa ada peruntukan untuk menghadapi pilihan raya sama ada tahun ini ataupun tahun akan datang. Tetapi apa yang telah dijelaskan oleh Perdana Menteri bahawa terdapat kemungkinan-kemungkinan bahawa pilihan raya ini akan menghadapi kegentingan yang lebih besar.

Maka, saya kira dari segi persediaan bagi kedua-dua pihak ini tentulah lebih sukar lagi. Yang penting sekali yang harus kita lihat ialah dari segi bagaimana pihak-pihak yang telah merasakan, yang telah bermimpi besar bahawa kemungkinan mereka akan berjaya dalam pilihan raya akan datang dan tidak akan dapat menerima hakikat ini apabila keputusan pilihan raya diumumkan kelak. Maka, ada kemungkinan pemikiran rakyat akan dikondisikan daripada sekarang bahawa keputusan pilihan raya itu tidak betul dan Suruhanjaya Pilihan Raya akan *discreditkan*, kesuciannya akan dikotorkan oleh pihak-pihak tertentu di dalam dan di luar negeri.

Kemungkinan ini akan berlaku sebab mimpi-mimpi kejayaan sudah terlalu besar dan mereka tidak akan yakin kepada apa yang akan berlaku kelak apabila rakyat membuat hukuman. Maka, adalah perlu bagaimana pihak Suruhanjaya Pilihan Raya bersedia untuk menangkis kemungkinan-kemungkinan ini sebab

perkara ini telah berlaku terutamanya dari segi kejadian-kejadian yang telah berlaku, sedikit sebanyak telah mencederakan imej kehakiman dan juga imej polis sendiri.

Di samping itu, pihak akhbar juga yang telah ternyata, umpamanya semalam, apa yang berlaku kepada TV3 di Alor Setar di mana kekerasan telah berlaku kepada wartawan dan jurugambar TV3, pitanya dirampas dan hal ini menampakkan bahawa ini belum pilihan raya lagi, maka ini adalah menampakkan bahawa tanggungjawab polis akan semakin besar. Bunga-bunganya telah kita lihat apa yang akan berlaku dan pihak wartawan akan memerlukan, dengan izin, protection yang lebih besar daripada pihak polis sendiri untuk menghadapi orang-orang yang mungkin tidak yakin kepada diri sendiri yang mungkin akan bertindak cara militant untuk mencederakan pilihan raya ini.

Kemudian, saya akan pergi kepada Kementerian Pendidikan. Pertama sekali saya ucapkan tahniah kepada Menteri Pendidikan iaitu dalam usaha Kementerian Pendidikan untuk memperkenalkan semula teks sastera di sekolah menengah. Ini adalah satu langkah yang menampakkan kementerian mempunyai kesedaran yang terus-menerus terhadap pentingnya pengisian jiwa di samping pembangunan fizikal rakyat kita. Langkah ini tentunya akan banyak memberikan spill of worm atau memberikan faedah kepada banyak pihak, kepada penerbit dan juga penulis-penulis sendiri sebab apabila buku-buku sastera ini dikembalikan dalam sekolah, maka tentulah pihak penerbit akan kembali galak untuk mengeluarkan buku-buku sastera yang akan menggalakkan penulisan buku-buku sastera itu sendiri.

Penulis-penulis juga akan bersaing untuk melahirkan hasil karya yang lebih baik dengan harapan akan dapat dipilih untuk menjadi teks sastera di sekolah-sekolah. Jadi, ini adalah satu langkah penggalakan di mana akan dapat menghidup dan memperkembangkan kembali sastera tanah air. Dalam pada itu, saya merasa bimbang walaupun saya mempunyai kepercayaan yang penuh kepada mereka

yang berada di dalam Kementerian Pendidikan dalam membuat pemilihan buku-buku sastera untuk sekolah-sekolah ini, apakah kriteria yang akan dipakai.

Saya bimbang bahawa tentunya Kementerian Pendidikan akan juga terpengaruh dengan pihak-pihak penerbit dan juga pihak Dewan Bahasa umpamanya, yang mungkin masih belum dapat menyesuaikan pemikiran mereka dan penilaian mereka dari segi perkembangan dan kehendak-kehendak keperluan untuk menegakkan satu bangsa yang rasional, satu bangsa yang dinamik, satu bangsa yang realistik. Kalau kita melihat dulu, pemilihan buku-buku dulu umpamanya, *Ranjau Sepanjang Jalan* ataupun *Keluarga Gerilya* ataupun buku-buku daripada Indonesia. Demikian juga sajak-sajak, puisi-puisi yang diajar di sekolah ialah buku-buku yang menentang establishment, yang menganggap bahawa orang kaya mesti menindas orang miskin, orang kaya mesti kejam, kapitalis mesti kejam walaupun realiti sebenarnya tidak demikian. Tetapi pemikiran ini kalau kita lihat dari segi buku-buku yang diterbitkan masih buku-buku sastera yang condong ke arah ini yang menganggap bahawa establishment mestilah kejam. Tetapi keadaan sebenar di negara kita tidak demikian.

Saya bimbang bagaimana soal penilaian penerbitan kepada buku-buku yang akan dikemukakan kepada sekolah-sekolah kelak. Jadi, saya rasa yang perlu kita utamakan ialah dalam pemilihan buku-buku ini kita mestilah menyedari hakikat sifat multiracial negara ini, nilai-nilai universal dan juga keperluan-keperluan untuk kita melahirkan masyarakat yang bukan sentimental sangat yang akan menimbulkan masalah kepada negara seperti yang kita hadapi sekarang. Ini adalah perlu umpamanya dalam buku-buku Enid Blyton dan juga Eagles yang banyak dibaca iaitu dalam bahagian Inggeris tetapi bagi sastera Melayu, kita tidak tahu apakah pilihan yang akan dibuat tetapi saya bimbang bahawa penekanan terhadap perkara yang telah lalu akan menjadi pilihan. Penekanan penulisan novel pada masa lalu tetap akan menjadi kriteria pemilihan buku-buku yang akan dikemukakan untuk pembacaan anak-anak kita yang telah mempunyai fikiran

yang berlainan. Saya takut kalau ini diteruskan maka anak-anak kita akan terus mencari escapism dalam buku Jepun, komik-komik Cina, komik-komik Jepun dan sebagainya yang telah mendapat pasaran yang besar ke negara kita ini.

Jadi, hal inilah saya rasa perlu mendapat perhatian dan juga mungkin dalam pemilihan buku ini tidak hanya orang-orang sastera atau orang-orang yang berpendidikan dalam bidang sastera sahaja tetapi mungkin psikologi, sosiologi dan sebagainya perlu bagaimana untuk kita mengindoktrinasikan masyarakat kita ke arah menjadi masyarakat yang mempunyai kepercayaan kepada diri sendiri dan kesedaran terhadap masyarakat multiracial di negara ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi sedikit kepada soal luar bandar. Setelah kita baca dan telah kita maklum iaitu kemiskinan yang tertinggi sekali ialah di negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Kalau kita lihat semua negeri ini yang konsentrasinya orang Melayu. Dalam sekali gus, mungkin kita menampakkan bahawa walaupun kerajaan telah bersungguh-sungguh untuk menukarkan sikap orang-orang Melayu tetapi mungkin ini adalah memberikan gambaran bahawa kebanyakan orang Melayu masih belum keluar daripada sikap tradisional, sikap keagamaan yang sempit dan demikian juga dalam memahami keperluan kepada suatu bangsa yang moden. Mungkin kemiskinan ini terlalu kecil tetapi kalau kita melihat di mana lebih banyak konsentrasi Melayu, di situlah kejumudan yang terlalu teruk berlaku walaupun dikatakan tidak jauh berbeza antara Terengganu dan Kelantan tetapi oleh kerana Terengganu mempunyai peruntukan minyak yang lebih besar tetapi jumlah masyarakat yang anti establishment di Terengganu sendiri tidak kurang banyak daripada Kelantan yang menjadi masalah pengurusan dasar-dasar untuk memakmurkan negeri Terengganu itu sendiri.

Sepanjang pengetahuan saya, yang saya lihat, saya tahu secara langsung di Terengganu itu, saya rasa tidak ada jalan di Terengganu yang tidak ditarkan. Itu yang saya bandingkan dengan negeri-negeri lain. Ahli-ahli Dewan di sini bolehlah

pergi melawat ke Terengganu. Saya berjalan sebagai orang surat khabar, saya melihat mahu tidak mahu kita harus memberi suatu tabik hormat kepada Menteri Besar Terengganu dalam menjamin bahawa tiap-tiap orang miskin mendapat bantuan daripada kerajaan. Saya sendiri pergi dan saya masuk kampung dan sebagainya. Ini satu perkara yang saya rasa jauh bezanya barangkali dengan negeri-negeri lain juga. Di samping kita mengatakan ada kemiskinan tetapi mungkin lebih baik daripada negeri-negeri lain dari segi perhatian terhadap pembangunan luar bandar.

Masalah yang saya bimbang ialah bagaimana sikap, tidak adanya perubahan sikap daripada orang-orang Melayu dan kenapa hal ini berlaku. Soalnya yang saya rasa ialah dalam beberapa hal umpamanya di Kelantan ialah sikap persengketaan kita sendiri antara pemimpin-pemimpin yang progresif sendiri bersengketa dan menyebabkan keadaan yang ada sekarang yang menyebabkan orang-orang Melayu di Kelantan telah jauh ketinggalan. Kita takut masalah sosial apabila kita bawa pembangunan ke Kelantan umpamanya. Tetapi dengan berlakunya penghijrahan anak-anak Kelantan terutamanya gadis-gadis bekerja di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan sebagainya, mereka lebih terdedah kepada masalah-masalah sosial yang lebih besar. Hal ini adalah lebih merbahaya kalau kita dapat mengadakan kilang-kilang dan pembangunan di Kelantan itu sendiri.

Jadi, bagaimanapun saya rasa bersyukurlah bahawa kesedaran itu telah mulai dilihat dan angin perubahan (wind of change) telah mulai berlaku di Kelantan dan menampakkan suatu keinginan perubahan yang amat besar, umpamanya yang kita rasa amat gembira sekali iaitu apabila Persatuan Guru-guru Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Kelantan telah menghantar memorandum kepada Menteri Pendidikan, Dato' Seri Najib untuk mendapat pembelaan daripada kerajaan pusat. Ini adalah menunjukkan bahawa satu kesedaran, keinginan untuk menukar diri untuk tidak mahu lagi tertakluk kepada suatu keadaan yang menekan yang menyebabkan mereka tidak dapat berubah.

Kalau di Kelantan sendiri, sekolah agama sanggup keluar daripada suatu sistem yang ada, saya rasa patutlah negeri-negeri lain mengikuti langkah ini kerana jangan lupa pada satu masa dahulu, sekolah-sekolah Cina terutamanya, kalau Tuan Yang di-Pertua masih ingat, Sekolah Chung Ling sendiri adalah menjuarai dalam tahun 60-an, menjuarai untuk menerima bantuan kerajaan atau diambil alih oleh kerajaan dan mereka telah dapat menikmati dan merasakan apa faedahnya daripada langkah kerajaan ini.

Maka dengan itu, saya sekali lagi rasa amat gembira bahawa angin perubahan berlaku seperti yang saya tegaskan tadi dan saya harap perpaduan pimpinan progresif di Kelantan akan dapat membuktikan kesetiakawan mereka untuk membawa satu perubahan yang besar kepada rakyat Kelantan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Jamilah.

12.47 tgh.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi laluan kepada saya dan saya akan menyentuh hanya tiga kementerian sahaja.

Yang pertama, saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai objektif atau matlamat skim pembelian getah ini dilaksanakan dan apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan skim ini berjaya mencapai matlamatnya. Kita semua sedia maklum, pendapatan yang diperolehi oleh para penoreh amat rendah terutamanya dalam keadaan harga yang telah mengalami kejatuhan harga yang teruk. Para penoreh kita hidup ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Kadangkala mereka sekadar mengambil upah sebagai penoreh. Oleh itu saya amat mengharapkan pihak kerajaan agar berusaha untuk membela nasib pekebun getah agar mereka turut merasa nikmat ekonomi yang dikatakan pemulihan yang memberangsangkan akhir-akhir ini.

Saya menyeru kepada pihak kerajaan agar mengawal harga getah supaya stabil untuk menjamin pendapatan pekebun kecil getah selain daripada memberi

penekanan terhadap harga getah ke arah menggalakkan pertumbuhan sektor pertanian. Saya suka juga untuk mencadangkan agar hasil negara yang lain juga dikawal dan dipertingkatkan pengeluarannya untuk dieksport ke luar negara seperti kelapa sawit, nenas, lada hitam dan sebagainya. Kita semua maklum, apabila permintaan terhadap komoditi tersebut berterusan meningkat, maka ia secara tidak langsung akan turut membantu menstabilkan harga dan seterusnya dapat dijual dengan harga yang tinggi bagi membantu meningkatkan pendapatan para peladang, petani dan juga pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya masuk kepada Kementerian Pertanian. Di sini saya tertarik untuk menyatakan bahawa bumi Malaysia cukup subur untuk menjadikan sektor pertanian sebagai sektor yang menguntungkan. Di sini saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Pertanian berkaitan langkah yang telah diambil dalam usaha untuk mengurangkan import makanan dari luar.

Saya rasa import beras dikurangkan eekiranya sawah padi yang ada ditanam atau status tanah pertanian tidak ditukarkan ataupun tanah tersebut tidak ditimbus bagi membina rumah-rumah sama ada rumah kos rendah ataupun sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, didapati harga beras meningkat dibandingkan harga padi yang dijual dengan begitu rendah harganya. Dalam keadaan ini siapakah yang mendapat keuntungan dari keringat para petani kalau tidak orang tengah, pemborong atau pengilang. Sampai bilakah keadaan ini harus berlaku?

Di sini saya menyeru kepada pihak kerajaan agar mengawal harga padi supaya lebih terjamin pendapatan para petani dan seterusnya kita memberi galakan kepada mereka untuk terus berbakti kepada tanah. Dalam kita mengawal harga padi seharusnya harga beras juga dikawal agar para pengilang atau pemborong tidak mengaut keuntungan yang berlebihan supaya beras sebagai makanan asasi rakyat Malaysia dapat dibeli oleh semua peringkat rakyat tanpa memikirkan peringkat rakyat sama ada miskin atau kaya.

Akhir sekali saya ingin menyentuh Kementerian Pendidikan. Saya ingin fokus kepada pelaksanaan sekolah bestari terhadap 90 buah sekolah di Malaysia, saya difahamkan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Pendidikan, apakah kriteria-kriteria pemilihan sekolah untuk dijadikan sekolah bestari kerana didapati sekolah yang terpilih ialah sekolah-sekolah di bandar. Di samping itu, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Pendidikan tentang anggaran kos yang dibelanjakan untuk sebuah sekolah bestari.

Dalam keghairahan kita untuk melahirkan pelajar-pelajar yang celik teknologi maklumat dan celik komputer, adakah setakat ini pihak kerajaan telah membekalkan komputer ke sekolah iaitu sekurang-kurangnya sebuah komputer untuk setiap sekolah di Malaysia. Sehubungan itu, saya ingin tahu adakah kerajaan telah mempunyai guru yang mencukupi serta berkemahiran dalam bidang komputer supaya pelaksanaan sekolah bestari atau pengajaran menggunakan komputer tidak akan menemui kegagalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah setakat itu untuk memberi pandangan saya dan saya akan terus menyokong belanjawan tambahan yang dibentangkan pada tahun ini. Terima kasih.

Timbalan Yang Di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Gapar.

12.52 tgh.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pembangunan Luar Bandar di mana kita difahamkan sebanyak RM146.6 juta untuk Felcra Bhd. Kita ucapkan tahniah kerana Felcra telah dapat mengorak langkah ke arah memajukan rakyat di luar bandar dengan program-program yang sentiasa dipertingkatkan. Cuma saya hendak menarik perhatian tentang rancangan Felcra yang lama di peringkat awal dulu di mana peserta-peserta Felcra telah diberi mengikut kawasan sekadar lima ekar seorang dan akhirnya yang hujung itu ia mendapati kerajaan

sukar untuk memberi bekalan air dan elektrik kerana ianya terletak terlalu jauh ke belakang.

Rancangan yang akhir ini telah diubah suai di mana penempatan penduduk telah diletak di satu tempat. Sehingga sekarang ini penempatan atau rumah-rumah peserta Felcra yang berada jauh di pedalaman dalam program rancangan itu tertinggal dari segi bekalan elektrik, air dan jalan-jalan. Oleh itu kita berharap supaya Felcra tidak melupakan peserta-peserta Felcra di peringkat awal yang sekarang ini masih lagi meminta dan merayu dan ada yang sudah mula marah sebab sudah lama sangat mereka ini tidak dapat.

Masalah elektrik ini menjadi satu masalah besar apabila kita sudah swastakan perkhidmatan elektrik kerana mereka ini sudah bercakap dari segi untung rugi. Maka kita berharaplah kerajaan mengambil tanggungjawab ini supaya memberikan bekalan kepada peserta-peserta Felcra yang ada di pedalaman.

Perkara yang kedua, saya ingin menyentuh tentang masalah Polis Diraja kita sebagaimana Yang Berhormat Kamelia dan juga Senator Datuk Zam sentuh tadi. Kita akui bahawa Polis Diraja kita telah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan cukup cemerlang; kalau tidak, tidak akan mungkin kita dapat keamanan dan kebahagiaan pada hari ini. Namun begitu, ada juga perkara-perkara yang perlu diperbaiki, bak kata pepatah ada segelintir kecil yang membuat perkara-perkara atau kambing hitam, the black sheep in the family.

Saya berharap walaupun perkara-perkara ini sukar untuk kita membawa kepada bukti tetapi kita tahu kita sebagai pemimpin di peringkat akar umbi ada keresahan terhadap Polis Diraja Malaysia. Namun begitu, sukar untuk kita membawa kes-kes ini ke depan kerana masalah yang kita fahamlah. Perkara ini diminta oleh seorang rakan saya pesara polis sendiri, mungkin saya percaya dengan niat untuk menjaga imej PDRM itu sendiri.

Sebagai contoh, umpamanya baru-baru ini ada seorang pegawai polis menyambut hari jadi dan mengundang bukan sahaja kawan-kawan tetapi lebih

ramai ahli-ahli perniagaan dalam majlis itu. Walaupun kita tidak tahu, niatnya mungkin baik tetapi ianya menimbulkan satu tanda tanya. Jadi, oleh itu kita berharap polis dapat menghindarkan perkara-perkara seumpama ini kerana ianya terdedah kepada mata umum dan menjejaskan imej polis. Walaupun kita tahu benda ini barangkali dilakukan oleh segelintir yang kecil tetapi ianya boleh menjejaskan nama baik polis.

Saya juga ingin menyentuh tentang Kementerian Pendidikan. Sebagaimana yang telah kita maklum bahawa Kementerian Pendidikan juga telah diperuntukkan sebanyak RM450 juta, khususnya RM354 juta pula untuk Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Kita ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri dan kerajaan yang akan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Dengan semangat ini kita dapati sebanyak 500 kolej swasta telah ditubuhkan seperti cendawan tumbuh di waktu hujan. Ini membanggakan kita dan memberi peluang untuk anak-anak kita untuk menimba ilmu. Apa yang membimbangkan kita ialah mutu kolej ini. Seperti yang kita maklum, kolej swasta ini sedikit sebanyak mereka berorientasikan kepada keuntungan. Maka menjadi tanda tanya soal mutunya.

Sebagai contoh, ini telah didedahkan oleh Menteri Pendidikan sendiri, Yang Berhormat Dato'Seri Najib baru-baru ini bahawa ada program Sarjana Muda cuma dalam tempoh dua setengah tahun sahaja. Jadi ini menjadikan kebimbangan dan kita berterima kasih kepada Kementerian Pendidikan yang telah meminta Lembaga Akreditasi Negara (LAN) menilai program kolej swasta ini kerana kita tidak mahu anak-anak kita nanti mendapat pendidikan yang rendah mutunya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian tentang pengkorporatan hospital-hospital kerajaan. Walaupun beberapa kali telah kita sentuh di dalam Dewan ini bahawa perlu kita mengadakan insurans kesihatan supaya dalam pengkorporatan ini sedikit sebanyak ianya berorientasikan

keuntungan juga dan ini boleh meningkatkan kos rawatan. Kita dapati bahawa dengan adanya insurans kesihatan ini nanti akan meringankan beban pesakit-pesakit kita. Kita tahu juga bila kita sebut insurans, orang-orang atau rakyat yang berumur lebih 65 tahun maka mereka ini biasanya pihak insurans tidak berapa berminat untuk menerima insurans mereka. Jadi, kita berharap mereka yang berusia emas ini kerajaan akan lebih bertanggungjawab membantu mereka.

Kita faham kita tidak boleh berfikiran negatif tentang pengkorporatan ini kerana kita tahu sebagaimana yang disebutkan oleh Menteri Kesihatan bahawa ramai doktor kerajaan telah berhijrah ke sektor swasta kerana bayaran gajinya yang agak rendah. Begitu juga mereka ini terpaksa pindah ke luar-luar bandar dan di sana pula kekurangan kemudahan-kemudahan asas termasuk sekolah-sekolah untuk anak-anak mereka. Kita tidak boleh salahkan mereka. Oleh itu kita berharap kerajaan sebagaimana yang telah disebutkan oleh rakan-rakan saya yang lain, memerhatikan kebajikan doktor-doktor kita yang telah berkhidmat di luar bandar ini. Jadi, dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab kita sudah di high time, selepas makan tengah hari saya minta Yang Berhormat Datuk Setiausaha Parlimen menjawab. Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini ditempokkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab, tak ada lagi nak bercakap ya. Ada lagi...

Datuk Haji Sairin bin Karno: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Nak sambungkan, tidak? Ada lagi nak bercakap? [*Ketawa*] Bolehlah, cakaplah. Cakap-cakap, bangunlah. Sikit sahaja ya.

2.32 ptg.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebab saya ingat tak ada peluang untuk bercakap, sebab barangkali ini kali terakhir saya berada di Dewan Negara ini. Jadi terima kasih atas keprihatinan.

Pertama saya ingin.....

Tuan Yang di-Pertua: Minggu depan tak ada dah?

Datuk Haji Sairin bin Karno: Macamana...

Tuan Yang di-Pertua: Minggu depan tak ada dah?

Datuk Haji Sairin bin Karno: Minggu depan masih ada. Untuk sesi ini

Tuan Yang di-Pertua: Ha...sesi ini [*Ketawa*]

Datuk Haji Sairin bin Karno: Pertama sekali, saya ingin menyentuh mengenai Suruhanjaya Pilihanraya, pertama bagi pihak Kerajaan Negeri Sabah, Kerajaan Barisan Nasional, saya ingin mengucapkan terima kasih atas kecemerlangan tugas yang mereka jalankan semasa pilihan raya diadakan baru-baru ini di negeri Sabah. Dan untuk itu secara ringkas, walaupun barangkali tempoh untuk mengkaji balik kedudukan Dewan Undangan Negeri dari segi peruntukan Parlimen dan Dewan Undangan Negerinya, tetapi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, kalau boleh untuk masa akan datang ini, oleh kerana keadaan geografi Sabah, keluasan tanahnya sebagai contoh Parlimen Keningau umpamanya seluas Negeri Sembilan dan Melaka untuk satu Parlimen. Jadi untuk masa akan datang, ingin mencadangkan supaya Sabah diberi tambahan untuk lima kawasan Parlimen lagi dan sepuluh Dewan Undangan Negeri. Jadi kalau ini boleh ditimbang, walaupun ianya akan hanya diadakan pada tahun 2002, pengkajian semula, tetapi mudah-mudahan ianya akan dapat dipertimbangkan.

Di samping itu, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan Jabatan Perdana Menteri di mana kita sedia maklum bahawa kerajaan Barisan Nasional pada hari ini semakin hari semakin canggih dan saya lihat kejayaan yang telah dilakukan terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr.

Mahathir Mohamed yang kita kasihi. Barangkali sudah sampai waktunya, kalau boleh jawatan Senator ini, saya ingin mencadangkan supaya kita buat pemilihan. Maksudnya Senator-senator seperti umpamanya Dato' Haji Mohd Zuki Kamaluddin, Dato' Abdul Aziz dan rakan-rakan yang lain, apabila masa telah tiba bagi mereka, sebab pada masa ini kedudukan Perlembagaan kita hanya membenarkan untuk tiga tahun, kalau ini boleh dikaji dan kita buat pemilihan seperti juga di Dewan Rakyat.

Cuma barangkali kita boleh, saya ingin mencadangkan supaya sepuluh jawatan lantikan yang sama ada akan dibuat oleh Perdana Menteri dengan diperkenan Yang di-Pertuan Agong, agar rakan-rakan minoriti sebagai contoh Yang Berhormat Saudara Long Jidin, Yang Berhormat Dato' Charern dan rakan-rakan seperti daripada Kesatuan Sekerja daripada penulis-penulis atau mana-mana juga bolehlah, sepuluh jawatan itu boleh diberi kuasa kepada Yang Berhormat Perdana Menteri untuk memilih dan melantik. Jadi tempohnya sama dengan Dewan Rakyat lima tahun.

Di samping itu juga saya ingin merayu kepada pihak Jabatan Perdana Menteri, supaya pelajar-pelajar ada quota yang memang sedia ada diperuntukkan kepada pelajar-pelajar kita seperti yang telah dibuat, pelajar kita dihantar ke Jepun. Sesuai dengan pandang ke Timur yang telah diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dan begitu juga negara-negara maju, kita hantar tidak kurang daripada lima pelajar yang telah kita pilih untuk dihantar ke Jerman, United States memang sudah banyak, begitu juga di United Kingdom kita pilih negara-negara untuk anak-anak kita ini, pelajar-pelajar kita ini akan kita hantar di situ dan mereka akan belajar dan apabila tamat tempoh, orang-orang ini juga boleh kita timbang untuk bakal menjadi duta ataupun kakitangan di kedutaan pada masa akan datang agar masalah yang kita hadapi hari ini di mana negara-negara tertentu yang sentiasa cemburu dengan kejayaan kita membuat tohmahan dan fitnah yang bukan-bukan. Dengan adanya persediaan kita ini untuk jangka

panjang, insya-Allah, saya yakin dan percaya negara kita akan terus cemerlang, sama tinggi, sama taraf dengan negara-negara maju yang lain.

Dan di samping itu, saya bersetuju dengan cadangan rakan-rakan di mana Jabatan Perkhidmatan Awam, SSB ini dikaji balik sebab terlalu banyak sungutan dan rungutan daripada pihak bawahan.

Saya juga ingin bertanya mengenai dengan jawatan jumud. Jawatan jumud ini, apabila jawatan itu ditamatkan, orang yang memegang jawatan ini ditamatkan, jawatan itu akan terus ditamat dan tidak boleh diisi. Kemungkinan besar saya tidak pasti bahawa, ini barangkali tinggalan daripada penjajah, kalau inilah tinggalan-tinggalan daripada penjajah, kita mahu supaya jawatan jumud ini dikaji dan jangan dijumudkan begitu sahaja, jangan wujudkan jawatan jumud. Maknanya kalau orang ini jawatan dia setelah ditamatkan, orang ini ditamatkan, tidak apa, tetapi jawatan itu jangan turut ditamatkan.

Mengenai dengan Kementerian Perusahaan Utama, saya juga ingin merayu kepada kementerian ini supaya pada masa-masa akan datang membuat kajian terperinci. Kita lihat suatu ketika dahulu, di zaman semasa Sabah masih dijajah, Sabah merdeka tahun 1963, 16 September 1963 mulai menyertai kerajaan Malaysia. Dan sebelum itu pihak-pihak penasihat daripada British telah menasihatkan Kerajaan Negeri Sabah pada waktu itu supaya kayu-kayu balak yang besar-besar yang kita tidak tahu waktu itu bahawa ia mempunyai commercial value yang agak tinggi, telah diminta untuk diracun, dibunuh dan hanya beberapa tahun selepas kita merdeka, baru kita tahu rupa-rupanya kayu-kayu itu mempunyai nilai komersial yang tinggi, yang telah dibunuh begitu rupa, yang amat merugikan kepada kita. Begitu juga dengan tanaman kayu getah. Balak kayu getah ini saya ingat kerajaan perlu mengkaji secara terperinci. Jangan jadi seperti apa yang berlaku di negeri Sabah, di mana penanam kayu Akasia yang begitu luas. Dan kalau semasa ia diperkenalkan, dia kata, commercial value nya bagus, tinggi. Pendapatan demikian-demikian dan sebagainya.

Jadi, hari ini apabila kayu-kayu ini telah boleh dituai, boleh diambil, saya tidak tahu berapa pendapatan yang kita perolehi. Nilai komersialnya pun terlalu rendah. Malah kayu-kayu tersebut ada yang tidak boleh diambil langsung. Saya tidak tahu macam mana kerajaan boleh mengimplementasikan projek yang menelan belanja yang berjuta-juta ringgit. Dan pinjaman daripada Bank Dunia, kalau tidak salah saya yang akhirnya menjadi beban kepada kerajaan kita pada hari ini.

Jadi saya minta pihak Kementerian Perusahaan Utama, kerajaan supaya mengkaji setiap apa yang akan dibuat ini dikaji secukup mungkin. Kalau getah ini yang menjadi masalah kepada peladang-peladang kita, minta supaya dikurangkan, diganti dengan komoditi yang lebih bagus. Sebagai contoh, umpamanya kelapa sawit dan sebagainya.

Mengenai dengan Kementerian Pertanian, saya juga ingin menyampaikan di sini bahawa baru-baru ini ada satu syarikat yang ingin menanam buah betik, pokok betik dengan penghasilan yang mana penghasilannya ini permintaan telah sedia ada iaitu di Hong Kong. Dieksport dari Sabah ke Hong Kong, malangnya tidak ada penerbangan kargo dari Kota Kinabalu ke Hong Kong. Kalau dari Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur dan Hong Kong untuk setiap kilo ialah RM3.50. Dari Kuala Lumpur ke Hong Kong RM1.75. Walhal kalau kira dari Kota Kinabalu ke Hong Kong cuma lebih kurang cuma RM1.50. Jadi saya merayu kepada kerajaan melalui kementerian ini agar mempertimbangkan kargo khas untuk mengangkat sayur-sayuran atau apa juga komoditi pertanian untuk dihantar ke destinasi-destinasi lain terutama ke Hong Kong, dari Kota Kinabalu langsung ke Hong Kong.

Selain daripada itu saya ingin merayu kepada kerajaan agar melihat mengenai dengan nasib para petani kita sebab kadang-kadang variety padi yang kita tanam ini memakan masa yang agak lama. Ada yang tiga bulan, empat bulan bergantung kepada keadaan. Jadi, saya difahamkan ada satu jenis padi daripada

Indonesia yang tempohnya hanya 80 hari. Jadi, kalau dapat kita mintalah Kementerian Pertanian mengkaji dan memperkenalkan jenis padi ini yang begitu singkat tempohnya dan kakitangan ataupun para pekerja, para petani ini boleh menggunakan masa singkat ini agar pendapatan kita boleh ditingkatkan.

Di samping itu juga saya ingin meminta kepada kerajaan memberi peluang kepada sama ada persatuan peladang ataupun petani-petani - memilih para petani yang mempunyai barangkali pemikiran yang jauh, macam mana boleh memperkembangkan lagi bidang pertanian sebab saya lihat, kebetulan saya diberi peluang oleh pihak Kerajaan Malaysia baru-baru ini dan kita dapat melihat daripada Seville di Sepanyol sepanjang jalan ke Cordoba, Toledo dan Granada, sepanjang jalan itu tidak ada satu tanah pun kosong yang tidak ada mempunyai tanaman, bermacam-macam tanaman termasuk pokok zaitun, pokok sayur-sayur, jagung, gandum dan sebagainya. Kalau barangkali petani kita ini dari persatuan peladang dan sebagainya diberi peluang untuk ke tempat itu mereka akan dapat melihat dan mencontohi bagaimana pertanian yang begitu hebat di negara-negara Eropah.

Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Kementerian Pertahanan, saya ingin mengambil perhatian kerajaan iaitu di bandar Keningau ada satu tanah yang agak terbiar begitu lama. Sebelum itu ianya diduduki oleh Pasukan Polis Hutan yang hanya ada di Sabah dan hari ini ianya didiami oleh sebilangan kecil askar Wataniah dan Pasukan Polis Hutan ataupun dikenali borders scout yang hanya ada di Sabah dan Sarawak walaupun telah diserapkan kepada polis pasukan keselamatan. Tetapi saya minta kalau boleh Kementerian Pertahanan mengambil kira ini dijadikan sebagai tempat latihan sebab tempat itu cantik dan strategik, sudah mempunyai rumah tetapi terbiar begitu sahaja. Jadi, kita minta Kementerian Pertahanan dapat melihat tempat ini sebagai pusat latihan sebab ianya terletak di pedalaman dan hari ini ia hanya digunakan oleh askar-askar

Wataniah, saya yakin seandainya ada pusat latihan seumpama ini di Keningau, Keningau juga akan dapat dimajukan.

Mengenai dengan Kementerian Pendidikan, terlalu banyak yang saya ingin perkatakan dengan Kementerian Pendidikan ini tetapi saya menghormati pandangan dan nasihat Tuan Yang di-Pertua. Hanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan di mana Kampus Universiti Malaysia Sabah telah pun bermula di Labuan. Saya ingin juga mencadangkan agar kampus-kampus lain di Sabah ini akan dipanjangkan termasuklah di bahagian Keningau, Sandakan dan Tawau pada masa akan datang supaya ianya dapat dikaji dan mengikut kesesuaian apa jenis kursus ataupun pelajaran yang akan diajarkan di situ. Jadi, barangkali kalau di Keningau ini di bahagian perhutanan dia mohon lebih kepada perhutanan.

Saya juga ingin mengambil perhatian mengenai dengan Tahfiz Al-Quran di Kota Kinabalu yang dikendalikan oleh JAKIM dan JAHIM. Saya mohon kementerian agar perkara ini diambil perhatian sebab saya difahamkan tempat pengajaran Tahfiz Al-Quran ini terlalu daif dari segi mejanya dan dari segi segala-galanya. Jadi, saya mohon supaya pihak kementerian kerajaan mengambil perhatian mengenai dengan ini.

Begitu juga dengan kenderaan. Beberapa ketika dahulu semasa di Dewan ini, bahagian-bahagian pedalaman terutama di Pengsiangan, Nabawan yang memerlukan kenderaan pacuan empat roda. Sampai hari ini kenderaan memang sudah diberi, terima kasih. Cuma ia diberikan di bahagian sahaja. Walhal ia ada mempunyai empat daerah dan keempat-empat daerah ini terlalu amat memerlukan kenderaan pacuan empat roda ini. Jadi, saya memohon supaya kerajaan menimbang secepat mungkin agar daerah Pengsiangan, Nabawan ini dapat dibekalkan dengan pacuan empat roda. Yang Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak satu ketika dahulu, awal tahun ini telah melawat tempat itu di SMK

Nabawan dan feeders school itu ada yang jaraknya sehingga 250 kilometer. Jadi, kita minta supaya dipercepatkanlah kenderaan ini.

Begitu juga dengan guru sandaran. Nasib guru-guru sandaran di situ kadang-kadang ada beberapa sekolah terpaksa ditutup sehingga hari ini. Ditutup sebab 99% daripada guru-guru, tenaga pengajar di pedalaman ini yang jauhnya 200 kilometer, ada yang 400 kilometer daripada Kota Kinabalu terpaksa ditutup sebab muridnya 60 orang, guru sandarannya 6 orang, guru besarnya 1 orang dan guru besar inilah satu-satunya guru yang terlatih dan apabila ia ada urusan di pekan Nabawan, di daerah atau di bahagian, sekolah itu terpaksa ditutup sebab tidak ada guru yang datang mengajar di tempat itu setelah guru-guru sandaran ini ditamatkan. Jadi, saya mohon kepada kerajaan melalui Kementerian Pendidikan agar menimbang secara teliti sebab ada guru-guru sandaran ini tinggal lima tahun pencen. Jadi, kasihan nasib mereka. Ada yang sudah hampir bercucu dan ada juga kalangan guru-guru ini yang boleh dikatakan itulah kedudukannya iaitu sebenarnya yang diajar ini Darjah 1, Darjah 2, Darjah 3 dan Darjah 4. Jadi, lulusan Tingkatan 5 ini dengan kelulusan tiga kredit, syarat untuk memasuki maktab lima kredit dan saya difahamkan ada pertimbangan saya merayu bagi pihak rakyat negeri Sabah dan bagi pihak guru-guru sandaran ini agar diberi pertimbangan sehalusnya, jangan sampai mereka jadi mangsa. Tambahan pula sekarang Pilihanraya Parlimen akan datang akan diadakan.

Jadi, kita memohon sokongan daripada kerajaan dan semasa Yang Berhormat Dato' Seri Najib datang di sana pun sebelum Pilihanraya Dewan Negeri tempoh hari, dia mengatakan tidak ada satu kakitangan guru sandaran ini diberhentikan tetapi tiba-tiba datang surat dari Kementerian Pendidikan menamatkan. Barangkali ini ter overlook, dengan izin. Saya mohonlah Kementerian Pendidikan dan kerajaan supaya mengambil bahagian mengenai dengan perkara ini.

Akhir sekali saya ingin juga menyentuh mengenai dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar di mana saya ingin mengucapkan terima kasih di bahagian-bahagian pedalaman di Sabah, sebahagian besarnya telah pun dibekalkan dengan set generator dan solar. Tetapi malangnya solar ini cepat rosak begitu juga dengan set generator, jadi saya ingin mencadangkan kepada kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar agar diperbanyakkan mini hidro yang membolehkan mini hidro, barangkali ini lebih baik daripada set generator yang diberikan ataupun solar yang dibekalkan ke kampung-kampung ataupun desa-desa yang terlalu jauh. Jadi, saya tidak akan mencadangkan mana-mana tempat tetapi memang Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah mempunyai senarai di mana mini hidro ini perlu diutamakan, dilaksanakan khususnya di daerah-daerah pedalaman.

Yang terakhir sekali, kalau di Kedah, Yang Amat Berhormat Tan Sri Sanusi Junid telah memperkenalkan perkampungan buku. Apa salah kalau hari ini kita buat juga perkampungan IT. Untuk makluman ada satu kampung yang menjadi johan Gerakan Desa Wawasan di seluruh Sabah iaitu Kampung Bayangan. Hari ini juga mereka telah membuka sejarah membuat iaitu dengan memperkenalkan laman web bagi Gerakan Desa Wawasan kampung itu. Jadi, kalau ini dapat diimplementasi, dapat dibuat saya amat berterima kasih dan mengharapkan agar ianya dapat dilaksanakan. Kepada rakan-rakan yang telah memberi kerjasama, memberi pandangan dan pendapat asal yang baik itu memang kita sokong, mudah-mudahannya ia akan menjadi kenyataan dan memperkuat lagi kedudukan Barisan Nasional pada masa akan datang.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.47 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan ini kerana kalau saya tidak sebut saya rasa agak terkilan. Saya sebenarnya hendak

mengucapkan tahniah kepada kerajaan. Sungguhpun kita mempunyai perancangan tahunan dan rancangan lima tahun tetapi kita juga mempunyai fleksibiliti dari segi mewujudkan Akta Perbekalan Tambahan dari masa ke semasa dan sungguhpun parti pembangkang tidak bersetuju dengan cara yang kita buat tetapi ada manfaatnya kerana kita memberikan respond dan proaktif kepada keperluan semasa. Saya hendak menyentuh dua, tiga perkara sahaja di dalam masa yang singkat ini.

Yang pertamanya, berkenaan dengan Kementerian Pendidikan. Kita tengok baru-baru ini di dalam Kementerian Pendidikan telah banyak diwujudkan pelbagai program dan juga perubahan-perubahan. Dalam Dewan yang mulia ini, pernah saya nyatakan perlunya kita mewujudkan satu pengajian sastera, sastera Inggeriskah, sastera Melayukah dalam kurikulum kita kerana hendak mengimbangkan dari segi sekolah rendah, sekolah menengah dan sehingga ke peringkat universiti pengajian dalam bidang sains dan teknologi ini dengan memberikan ia human face dengan izin, dari segi dimensi kemanusiaan. Dan ini telah pun diumumkan oleh pihak kerajaan bahawasanya sastera itu akan dijadikan salah satu mata pelajaran yang wajib di peringkat-peringkat tertentu. Tetapi cara pemilihan bahan-bahan sastera ini hendaklah membuka luaskan lagi dan merangkumi bahan-bahan sastera yang telah pun diberi perhatian dunia terutama sekali dari segi penulisan Tigore dan mereka di rantau ini yang telah memenangi hadiah-hadiah novel supaya ia tidak hanya terkongkong oleh sastera arus perdana Inggeris sahaja, saya melihat Charles Dickens dan sebagainya.

Kita mesti mengalih sedikit pandangan kita kepada sastera di rantau ini, dalam bahasa Inggeris pun sudah banyak sastera yang ditulis oleh pihak sasterawan dari India misalnya yang menulis dalam bahasa Inggeris yang begitu tinggi mutunya dan juga di negara kita sendiri pun sudah ramai yang berkecimpung di dalam bidang ini. Tetapi yang penting rasa saya sudah sampai masanya untuk Kementerian Pendidikan khususnya Yang Berhormat Dato' Seri

Haji Mohd. Najib membuatkan satu laporan pendidikan. Kalau sejarah pendidikan di negara kita ini terkenal dengan dua laporan terdahulu daripada ini iaitu Laporan Rahman Talib, Menteri Pelajaran dahulu, selepas itu Laporan Razak dan kini saya rasa perlu Laporan Najib kerana merangkumi keperluan semasa. Kita tidak mahu pendidikan ini dijadikan sebagai satu tapak eksperimen tetapi memberi fokus kepada alaf baru terutama dalam bidang ekonomi baru yang terkongkong di teknologi maklumat seperti yang diwujudkan oleh Perdana Menteri menerusi Cyberjaya dan juga Multimedia Super Corridor (MSC) dan sebagainya dicerminkan menerusi sistem struktur pemikiran (mind set) bukan sahaja dari segi subject matter, dari segi kurikulumnya tetapi dari segi falsafah yang secara menyeluruh.

Jadi, kerana itu saya rasa amat tepat kalau sekiranya Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib sebagai Menteri Pendidikan membuatkan satu laporan lengkap berkenaan dengan dasar pendidikan alaf baru (the new millennium education system) menerusi new millennium ini dengan mengambil kira kepentingan-kepentingan negara kita yang wujudnya di masa globalisasi, di masa liberalisasi di mana ilmu merupakan paksi kepada pembangunan ekonomi. Kita tidak lagi hanya bergantung kepada man power (tenaga manusia) tetapi dalam masa yang akan datang millennium baru ini kita berpaksi dengan ilmu, dengan kebijaksanaan dan kebestarian.

Tuan Yang di-Pertua: Kenapa Yang Berhormat tidak boleh buat?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Justeru kerana itulah, LID - Langkawi International Dialogue

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sendiri buat, bolehkah tidak?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Minta maaf ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mengkajilah, Yang Berhormat sendiri usahakan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Kalau saya dilantik, saya akan memberikan sumbangan. Ini terserah kepada pihak kerajaan tetapi ini amat penting kerana kita dapati sekarang IT yang kita buat sekarang ini di peringkat Cyberjaya dan sebagainya telah pun diiktiraf dan diwujudkan incubator dan diwujudkan dari segi dana kewangan untuk membuat penyelidikan dan pembangunan menerusi satu sistem sokongan (support) iaitu syarikat-syarikat kecil untuk membantu syarikat-syarikat besar di dalam koridor ini. Kita merasakan formula yang dibawa oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah negara yang akan datang mestilah bergantung kepada kurikulum yang sesuai.

Saya juga ingin menyentuh tentang perpaduan negara. Saya perhatikan dari segi sekolah sekarang ini, dari segi sistem pendidikan terasingnya murid-murid sekolah di antara 'MRSM'kah, 'Malay College'kah, Maktab Tentera dan juga sekolah-sekolah berasrama penuh, seolah-olah meninggalkan proses integrasi antara Melayu, Cina, India dan kaum-kaum lain. Kita mahukan mereka ini bukan sahaja diikat menerusi Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan di mana saya amat bergembira melihat anak-anak Cina, anak-anak Melayu, anak-anak India dan keturunan lain dapat berbahasa dengan begitu fasih dengan Bahasa Malaysia. Tetapi integrasi secara menyeluruh mestilah kita buat menerusi sistem pendidikan di mana kalau sekiranya kuota-kuota diwujudkan, ianya diseimbangkan Melayu, Cina, India dan kaum-kaum lain bersekolah bersama, berasrama bersama. Formula macam mana saya tidak tahu. Seheingakan di peringkat universiti baru-baru ini, kita melihat Universiti Sains Malaysia ada mengatakan bahawasanya pelajar-pelajar tertentu tidak mahu tinggal sebilik dengan pelajar-pelajar yang lain. Ini saya rasa amat mendukacitakan.

Saya hendak menyentuh dari segi keciciran. Saya perhatikan memang benar, ini amat menyedihkan. Apabila peluang diberikan kepada orang Melayu, bumiputera untuk menyertai arus perdana pendidikan sehingga sampai ke peringkat universiti tetapi kita melihat dari segi tahap kecemerlangan, tahap 'par

excellence' tidak dapat kita capai. Saya amat terperanjat apabila melihatkan di Universiti Sains Malaysia daripada 66 orang mendapat Ijazah Kelas Pertama, seorang sahaja bumiputera, di Universiti Kebangsaan Malaysia sepuluh orang daripada 45 orang.

Soalnya kita tidak perlu menunggu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menitikkan air mata kerana sedih, sepatutnya peringkat universiti mesti membuat kajian. Apa gunanya Naib Canselor atau Timbalan Canselor Bahagian Akademik kalau sekiranya tidak mengetahui prestasi dan cara-cara mengatasi masalah-masalah tahun demi tahun. Kita tidak perlu tunggu apabila wujudnya satu statistik, apabila melihat seorang daripada 66 orang pelajar Melayu mendapat Ijazah Pertama, tidak perlu. Ini soal tahunan, progress sesuatu universiti mesti diteliti setiap tahun dari segi prestasi. Kenapa ini tidak diwujudkan? Baru sekarang kita hendak mempersoalkan kenapa pelajar-pelajar bumiputera mundur, mungkin kerana makanan, mungkin kerana itu, kerana ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini sudah terlewat, proses ini mohon izin, on going concern, patut diteruskan, dikaji tahun demi tahun. Jangan menunggu pemimpin menitikkan air mata.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak mencerminkan bagaimana pentingnya sains dan teknologi, pihak kerajaan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mesti peka. Kalau sekiranya sekarang ini kita ada matlamat (target), kini 40% sains dan teknologi dari segi pendidikannya - dari segi pelajar-pelajar dan 60% bahagian sastera (arts) dan sebagainya. Kalau kita hendak terbalikkan 60% sains dan teknologi, 40% sastera, ianya terpaksa dicerminkan dari segi pengambilan kakitangan. Saya minta statistik pihak kerajaan dari segi pegawai-pegawai tadbir (PTD officers) berapa orang yang mempunyai kelulusan sains dan teknologi dan berapa yang mempunyai kelulusan sastera (arts), bahasa dan sebagainya.

Mereka ini akan menjalankan pengurusan negara, kalau kita benar-benar memikirkan orang yang sains dan teknologi ini sepatutnya memberikan sumbangan, ianya mestilah mempunyai pulangan (return) dan ianya mesti dicerminkan dari segi struktur pemikiran (mind set) kita dan struktur sistem yang ada. Maknanya pada masa akan datang kalau sains dan teknologi ini penting dari segi pengurusan, pegawai-pegawai PTD iaitu 60% mathematician, physicist atau saintis dan sebagainya. Selepas itu mereka membuat 'MBA'kah, 'Ph.D.'kah, ini kita kena buat. Ramai saudara saya yang menegur, bagaimana doktor, engineer dan sebagainya terpaksa melepaskan kerja-kerja daripada pihak kerajaan kerana tarikan luar. Ini juga kita kena menyekatnya, cara-cara menyekatnya bagaimana, elaun tertentu.

Kalau sekiranya saintis menjadi pengurusan negara menerusi pegawai-pegawai pentadbir negara kemungkinan doktor-doktor yang mengambil masa enam tahun mendapatkan ijazah, satu tahun dari segi housemanship, mungkin gajinya apabila dia bertugas di hospital lebih tinggi daripada mereka yang menjadi pentadbir yang hanya tiga tahun atau empat tahun sudah mendapat ijazah dan selepas itu bekerja dengan pihak kerajaan, DO, ADO, pegawai kanan ini, pegawai kanan itu, barulah kita dapat mengimbangkan dari segi pulangan, sudahlah hendak menjadi doktor terlalu susah.

Hari itu Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin ada bercerita dengan saya, seorang anak beliau hendak menjadi doktor, hendak dipilih mengikuti kursus perubatan adalah orang yang top dalam bidang sains dan teknologi. Kalau hendak masuk arts lain, tidak semestinya top seperti orang yang dalam sains dan matematik. Jadi, sudah ada perbezaan di situ tetapi tidak dicerminkan dari segi imbuhan yang diberi selepas mereka mendapat ijazah.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan JPA ini. Saya rasa kalau nisbah hayat sedang meningkat, daripada umur 65 tahun dahulunya sehingga sampai umur 72 tahun kepada lelaki dan umur 79 tahun kepada wanita, saya rasa

sampai masanya kita memikirkan bagaimana kita hendak tingkatkan lagi umur orang yang hendak bersara. Sekarang umur 55 tahun sudah bersara.

Tuan Yang di-Pertua, kepada mereka yang telah pun didedahkan kepada pengurusan local ataupun antarabangsa, peak – lelaki saya rasa, umur 55 ini, hai! boleh tahan lagi dalam segala bidang terutama pemikiran, matang dan ini saya rasa sepatutnya kita tingkatkan. Kalau umur 55 ini tidak sesuai lagi, saya rasa negara-negara lain telah pun meningkatkan. Singapura pun ditingkatkan kerana hendak memerlukan kematangan pemikiran - wisdom, kita perlu tingkatkan umur 55 sampai 58 atau 60, terutama kepada peringkat-peringkat tertentu. Kalau mereka tidak boleh dibuat menerusi pencen yang sedia ada ini, kita buat menerusi contract officer dan sebagainya tetapi kita buat secara sistematik.

Saya juga ingin menyentuh tentang pencen, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita hendak tingkatkan dari segi dana untuk hendak melabur, dua punca yang saya hendak sebut di sini.

Pertamanya, pencen ini patut diberi satu review sekali lagi, satu ulasan kajian. Pegawai-pegawai yang kita hendak ambil pada millennium baru ini, alaf baru ini, tidak payahlah kita kaitkan dengan pencen, kita beri EPF sahaja, pasal kita tamatkan dari segi pencen ini tahun 1999. Mana yang kita ambil pada tahun 2000 ke atas ini cepat-cepat kita tukarkan konsep kita, pekerja seperti sektor swasta memberikan sumbangan kepada KWSP. Selepas itu kita tambah satu lagi, sumber dana kewangan dari segi seperti yang saya sebutkan semalam, skim insurans dari segi kesihatan.

Saya ingat perlu kita buat ini supaya ianya mengurangkan bebanan kerajaan. Pada masa yang sama memberikan jaminan untuk mereka diberi dari segi perkhidmatan kesihatan yang mencukupi. Jadi, apabila kita mengkorporatkan hospital, menswastakan hospital tidak menjadi gangguan, bebanan kepada rakyat kerana mereka semuanya, kalau kita wujudkan Perkeso, wujudkan KWSP, kita wujudkan lagi sistem insurans kesihatan yang mana telahpun dijalankan di negara-

negara lain, kita juga boleh buat dan ini merupakan punca lagi satu dana untuk kita melabur dalam bidang-bidang tertentu. Jadi, pusat-pusat dana ini dapat kita wujudkan, kita ada KWSP, Perkeso, kita adakan pula dana dari segi skim insurans kesihatan.

Saya juga ingin menyeru kepada pihak kerajaan menggalakkan lagi private instruments, securities bond dan sebagainya kerana kita dapati kebanyakan dana-dana kewangan seperti KWSP dia sudah beli bon-bon di peringkat pasaran, lepas itu tidak bergerak lagi. Jadi dia tidak menyumbang kepada aktiviti-aktiviti peningkatan secondary market kepada bon-bon yang kita buat menerusi syarikat-syarikat, yang ini agak canggih. Saya rasakan perlu memberikan satu pendekatan baru di mana bon, private instruments ini dapat digalakkan dari segi aktiviti-aktiviti perdagangan peringkat sektor tertentu.

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan, sungguhpun parti pembangkang sentiasa membangkang. Kita tengok apa yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat oleh Dato Seri Dr. Mahathir dalam Langkawi International Dialogue baru-baru ini, dialog antarabangsa, 38 buah negara memberikan perhatian khusus kepada package yang kita buat iaitu package dari segi exchange control, dari segi dasar-dasar yang kita buat selepas kita bermasalah dengan kegawatan ekonomi. PAS dan juga surat khabar tempatan masih lagi mengutuk apa yang kita buat.

Saya hendaklah pihak PAS terutamanya pihak pembangkang yang lain menyedari hakikat supaya yang benar itu, benarkanlah. Jangan kita menafikan kebenaran, kalau formula yang kita buat, sungguhpun Professor Miller, Milton Miller ini memanglah, mereka sentiasa tidak bersetuju dengan kita. Dia sendiri kalau saya tidak silap adalah salah seorang daripada bukan sahaja mendapat Hadiah Nobel dari segi ekonomi tetapi juga menjadi pengarah kepada LTCN.

Saya tidak tahu kalau ini dapat diperbetulkan. Salah seorang daripada pengarah LTCN yang cemas-cemas bankrup, kalau tidak dibuatkan bailout, ini

diselamatkan oleh Federal Reserve Bank, apabila mereka dengan pembayaran dengan mempunyai capital sebanyak RM4.5 bilion dan sudah rugi begitu banyak, dia dapat diberi pinjaman oleh bank sebanyak RM90 bilion untuk menggunakan duit itu, hedge fund ini saya difahamkan kerana mereka banyak membuat spekulasi dengan Rover di Russia. Bila itu tidak selamat, sekarang ini barulah dia mengatakan, apa yang kita buat ini okay dan semua penarafan-penarafan badan-badan dunia pun memberikan penarafan yang positif kepada kita.

Jadi, kita bersyukurlah kerana ubat yang kita beri, yang hanya wujud untuk kita sahaja baik dan ubat yang diberi oleh IMF kepada negara-negara jiran kita, kita perhatikan, ubat yang sama kepada penyakit yang berbeza-beza tidak mujarab, tidak berkesan sehinggakan kita minta dalam Dewan yang mulia ini pada suatu ketika supaya Michel Camdessus itu sendiri meletakkan jawatan tetapi malangnya masih lagi di situ dan ramai orang sekarang ini kompelin, ramai orang yang memberikan pandangan bahawa package yang dibawa oleh IMF itu tidak betul.

Jadi jikalau tidak betul, kalau ini benar-benar Human Rights punya isu, yang kita hendak bawa, kalau benar-benar kita mempunyai ketelusan, berhentilah, tidak payah kita di Dewan ini menyuruh dia berhenti, pasal dia mestilah mengaku, yang dia buat itu salah dan dosanya begitu besar kepada negara, negara yang meminjam duit kepada IMF seperti yang kita nampak sekarang ini, bagaimana kedudukan negara jiran tidak begitu stabil, kemiskinan meningkat 20 juta naik 40 juta, manusia yang miskin. Ini semuanya kesilapan yang dibuat oleh IMF, terutamanya.

Jadi, kita minta dalam mesyuarat-mesyuarat antarabangsa di mana Kementerian Kewangan terlibat dan juga Kementerian Luar Negara, saya tengok begitu agresif yang dipimpin oleh Yang Berhormat saudara saya di sana, Kementerian Luar Negeri bukan main agresif membawa idea-idea ekonomi dan politik, kita ingat teruskan sahaja di peringkat antarabangsa. Kita kena berjuang untuk menentukan apa yang kita buat ini benar dan parti PAS, parti pembangkang

memanglah tidak ada di sebelah petang. Ini pun saya tidak tahu macam mana kita rekod, dia ada datang atau tidak datang, tetapi saya rasa, sebelah petang dia menghilangkan diri, mungkin ini arahan supaya pagi sahaja dia boleh menjadi Senator, sebelah petang tidak jadi Senator, pasal itu tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, sedar atau tidak sedar tidak tahulah, ada dua orang ini tidak pernah ada di sebelah petang. Jadi, mungkin ada banyak tugas-tugas yang lain yang hendak dijalankan oleh parti pembangkang. Jadi, saya hendak berucap lebih-lebih sedikit pun rasa tidak seronok, pasal dia tidak ada untuk mendengar. Mudah-mudahan surat khabar masukkan cerita sedikit bagaimana kita sekarang ini menuntut parti pembangkang memberi pengiktirafan kepada formula yang dibawa oleh Perdana Menteri kita kerana dunia telah pun memberikan pengiktirafan, kenapa mereka yang mungkin tidak dapat menjalankan tugas yang baik di Kelantan tetapi menginsafi bahawa apa yang kita buat ini benar dan ekonomi kita sudah mula hendak pulih.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang tahu ada banyak lagi bil-bil yang hendak dibentangkan. Saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan ini.

3.09 ptg.

Puan Jaya Partiban: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin berucap panjang lebar tetapi hanya ada dua perkara yang saya ingin mengemukakan pandangan saya.

Yang pertama, Kementerian Belia dan Sukan. Tidaklah boleh dinafikan bahawa sikap dan komitmen kaum belia memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Walaupun Kementerian Belia dan Sukan merancang banyak kegiatan untuk menggalakkan belia-belie melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sihat, apa yang saya bimbang ialah ia tidak meliputi belia dari semua kaum. Kestabilan politik hanya boleh dikekalkan sekiranya dapat memberi layanan yang sama dan adil kepada semua rakyat tanpa mengira kaum ataupun agama.

Kementerian Belia dan Sukan perlu memberi perhatian yang sewajarnya dalam hal ini. Pihak kementerian hendaklah membuat kajian dan jika perlu, kajian semula untuk menentukan objektif dan matlamat kerajaan bukan setakat dasar atau teori sahaja.

Saya perlu menegaskan di sini semua dasar kementerian sungguh adil dan saksama dan akan membawa faedah kepada semua rakyat dan juga hak dan kebajikan rakyat semua terjamin tetapi di peringkat pelaksanaan sering mendapati kurang memuaskan. Di sini saya merayu kepada Kementerian Belia dan Sukan supaya menentukan bahawa maklumat diedarkan kepada semua belia termasuk mereka di sektor ladang dan kawasan setinggan mengenai segala program skim latihan dan peluang di bawah kementerian supaya semua belia dapat menikmati faedahnya. Response kementerian selalunya belia India tidak membuat permohonan. Ini mungkin kerana mereka tidak tahu tentang program-program latihan ini. Jadi, apalah salah sekiranya pihak kementerian mengambil berat lebih sedikit untuk menentukan maklumat ini disampaikan kepada sasaran tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap Tabung Pendidikan Tinggi Nasional di bawah Kementerian Pendidikan memberi bantuan kepada setiap pelajar yang memerlukannya supaya tidak terdapat satu situasi di mana seorang pelajar tidak dapat meneruskan pengajian tingginya kerana tidak cukup wang. Pendidikan adalah pelaburan yang baik terutama kepada mereka yang berpendapatan rendah. Maka, saya berharap tambahan peruntukan khususnya kepada kedua-dua kementerian ini menghasilkan faedah yang diharapkan.

Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan) 1999. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.11 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada

Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan, Dato' Ghazi bin Ramli, Tuan N. Marimuthu, Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, Tuan Zainal bin Rampak, Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Nor, Puan Tan Ah Eng, Puan Kamilia binti Ibrahim, Datuk Zainudin bin Maidin, Puan Jamilah binti Ibrahim, Tuan Haji Gapar Gurrohu, Datuk Haji Sairin bin Karno, Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan akhir sekali yang keempat belas, Puan Jaya Partiban yang telah pun mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan 1999) 1999.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan pergi kepada isu-isu dan bukan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang membangkitkan isu supaya dapat kita pergi terus kepada isu yang dibangkitkan. Ramai di antara Ahli Yang Berhormat telah pun membangkitkan masalah pendidikan dan Kementerian Pendidikan merupakan satu kementerian yang penting untuk melatih dan membekalkan generasi penerus akan datang supaya setimpal dengan kehendak-kehendak di alaf baru.

Pertamanya, kita mengatakan bahawa di masa ini anak-anak yang masih bersekolah dan anak-anak di peringkat IPTA dan IPTS hendaklah belajar dan terus belajar kerana musim ini ialah musim belajar dan selepas itu apabila mereka tamat daripada universiti dan mendapat Ijazah, barulah mereka berkecimpung dalam suasana masyarakat yang ada. Oleh itu, saya ingin memberikan sedikit penjelasan mengenai berapa banyak ongkos ataupun fees yang telah diberikan oleh kerajaan, yang disubsidi oleh kerajaan, yang dia bayar untuk anak-anak kita dan jumlah yang patut dibayar oleh anak-anak kita.

Saya mengambil beberapa contoh. Misalnya, Bachelor Kejuruteraan Sistem Komputer dan Komunikasi. Ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tadi bahawa kita mesti canggih untuk menempuhi alaf baru. Purata kos seorang pelajar setahun ialah RM12,593. Yuran pengajian yang dikenakan kepada pelajar setahun hanya RM2,305 dan subsidi kerajaan kepada pelajar setahun ialah RM10,288. Kalau kita lihat pula di universiti yang lain seperti di

Universiti Malaya, program-program kejuruteraan misalnya Kejuruteraan Alam Sekitar, Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Bahan CAD/CAM, Kejuruteraan Elektrik, Kimia, Mekanik, pembuatan dan telekomunikasi, kos sebenar setahun ialah RM12,593. Yuran pelajaran yang dikenakan kepada pelajar ialah RM1,400 sahaja setahun dan kadar subsidi kerajaan ialah sebanyak RM11,193. Dilihat pula tentang Sains Senibina, Ukur Bahan, Ukur Bangunan dan Pengurusan Hartanah, kos sebenar ialah RM8,809 setahun. Yuran pelajaran yang dikenakan hanya RM1,400 dan kadar subsidi kerajaan ialah sebanyak RM7,409.

Kalau kita lihat apa yang dikatakan tadi ialah mengenai Perubatan dan Pembedahan, Farmasi, Sains Bio-Perubatan dan Sains Kejururawatan. Perubatan dan Pembedahan, kos setahun ialah sebanyak RM47,278. Yuran yang dikenakan kepada pelajar hanya RM1,800 dan kadar subsidi kerajaan berjumlah RM45,478.

Farmasi, kos sebenar ialah RM14,090. Yuran pelajaran yang dikenakan ialah RM1,700 dan kos subsidi kerajaan sebanyak RM12,390.

Bio-Perubatan dan juga Sains Kejururawatan kos sebenar ialah RM9,760. Yuran yang dikenakan kepada pelajar ialah RM1,320 dan kos subsidi kerajaan kepada pelajar yang berkenaan ialah sebanyak RM8,440.

Pergajian, kos sebenar ialah RM37,802. Yuran yang dikenakan kepada pelajar ialah RM1,300 sahaja dan kadar subsidi kerajaan ialah sebanyak RM36,102.

Jadi, kalau kita lihat Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan di masa yang terdekat ini apabila menghantar borang-borang penerimaan tempat di universiti-universiti, maka kita akan letakkan berapa kos sebenar yang dikenakan dan berapa kos yang pelajar akan bayar dan berapa subsidi kerajaan. Dengan cara itu sahajalah kita dapat melihat bahawa kos-kos yang ada di universiti-universiti tempatan banyak merupakan subsidi daripada kerajaan.

Satu lagi yang menarik perhatian ramai ialah mengenai Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Sebagaimana Yang Berhormat sedia

maklum, PTPTN adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh kerajaan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566) dan mula berkuat kuasa pada 1 Julai 1997 dan mula beroperasi sepenuhnya pada 1 November 1997. Jadi, objektifnya ialah untuk menyediakan pinjaman pendidikan kita kepada anak-anak kita, merangka skim simpanan untuk menggalakkan pelajar dan ibu bapa menabung dan seterusnya pinjaman pendidikan PTPTN mula dikeluarkan pada tahun 1997 dan melibatkan seramai 11,621 pelajar dengan peruntukan sebanyak RM78.95 juta setahun.

Pada tahun 1998, PTPTN membiayai pinjaman pendidikan kepada 19,487 pelajar yang melibatkan sebanyak RM134.9 juta setahun. Dianggarkan pada tahun ini PTPTN akan menaja seramai 63,703 pelajar yang melibatkan peruntukan sebanyak RM475.4 juta setahun.

Walau bagaimanapun, pinjaman sekarang adalah terhad kepada 11 IPTA dan IPTS sahaja. IPTA-IPTA yang berkenaan ialah universiti-universiti tempatan – Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Institut Teknologi Malaysia dan IPTS ialah Universiti Tenaga Nasional, Universiti Telekom Malaysia, Universiti Teknologi Petronas dan Universiti Tun Abdul Razak. Jadi, syarat-syarat pinjamannya; warganegara Malaysia, pelajar adalah sepenuh masa, peringkat Ijazah Pertama dan Diploma di semua IPTA dan IPTS, tiada penganjur yang lain. Ijazah Pertama jumlah pinjaman ialah sebanyak RM6,500 setahun bagi pelajar IPTA, RM16,000 setahun bagi pelajar IPTS, tambahan RM500 setahun bagi pelajar aliran sains. Jumlah ini tidak dikenakan kos pentadbiran. Diploma sebanyak RM5,000 setahun.

Kalau dilihat dari segi pembayaran balik yang ditanyakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, pembayaran balik hendaklah dibuat enam bulan selepas

tamat pengajian atau sebulan selepas pelajar mendapat pekerjaan, yang mana terdahulu. Bayaran balik adalah melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri iaitu melalui potongan gaji dan bagi yang bekerja sendiri, bayaran hendaklah dibuat terus kepada PTPTN. Tempoh bayaran kepada, kalau di IPTA mengambil jurusan Sastera selama 10 tahun, IPTA Sains 15 tahun, IPTS Sastera 15 tahun dan IPTS Sains 20 tahun. Jadi, sekarang ini kita mengatakan tadi bahawa kerajaan membantu anak-anak kita untuk belajar melalui PTPTN ini dan juga melalui subsidi dan kos pembelajaran.

Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tadi adalah benar bahawa anak-anak kita sekarang ini agak mundur dibandingkan dengan anak-anak kita yang lain, yang bukan Melayu seperti anak-anak kita daripada kaum Cina dan anak-anak kita daripada kaum India. Beberapa pendapat atau findings telah pun ditemui. Salah seorangnya ialah Naib Cancellor USM Bahagian Akademik yang mengatakan bahawa anak-anak Melayu kita ini kurang amanah. Amanah di sini maknanya mereka tidak pergi sekolah atau kelas, ponteng kelas, duit digunakan bukannya untuk belajar tetapi menaiki motor yang besar dan juga tidak masuk kuliah. Jika masuk kuliah pun duduk di belakang, mengantuk dan ada juga yang datang peperiksaan di saat-saat terakhir. Jadi, kita hendakkan kalau boleh anak-anak kita ini insaf dan sedar. Terpaksa mengubah sikap supaya pencapaian anak-anak kita di alaf baru untuk masa depan akan terjamin.

Bagi mereka yang belum mendapat tabungan ini tadi bahawa kita menyediakan pendahuluan sebanyak RM1,000 diberi kepada pelajar yang kurang mampu bagi menampung perbelanjaan melanjutkan pelajaran IPTA/IPTS. Jadi, kalau misalnya, pelajar-pelajar itu pergi ke universiti tempatan dan di situ ada borang untuk pendaftaran dan dalam borang itu ada ruang sama ada mereka itu ada sponsor atau tidak. Jika tidak, ditulis di situ dan akan mendapat duit RM1,000 untuk wang pendahuluan diberikan kepada pelajar-pelajar di peringkat Diploma dan Ijazah ke-11 IPTA dan 4 IPTS tadi jika pendapatan ibu bapa kurang daripada

RM1,500 sebulan. Bayaran semula wang pendahuluan ini dibuat melalui potongan oleh pihak universiti apabila pelajar mendapat tajaan atau pinjaman pendidikan.

Jadi, PTPTN tidak mengenakan sebarang faedah ke atas wang pendahuluan ini tetapi menggunakan faedah ataupun service charge kepada PTPTN yang seterusnya dan mereka ini tidak dikenakan di peringkat Tahun Satu tetapi dikenakan selepas enam bulan apabila mereka bekerja.

Ramai daripada Ahli Yang Berhormat juga menanyakan mengenai pelajar-pelajar yang memohon IPTA tetapi tidak mendapat kursus yang dipohon sebaliknya ditawarkan kursus yang bukan menjadi pilihan. Pemilihan calon ke atas IPTA adalah berdasarkan markah merit calon itu, kursus yang ditawarkan adalah bersesuaian dengan kelayakan calon iaitu memenuhi syarat-syarat kursus tersebut. Pemilihan calon juga bergantung kepada bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA untuk kursus yang berkenaan. Oleh yang demikian, sekiranya seseorang calon tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, maka kursus lain yang bersesuaian akan ditawarkan. Jadi, itulah sebabnya terdapat calon-calon yang meminta kursus lain tetapi kursus lain yang ditawarkan tetapi ramai yang tidak dapat seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan tempoh hari, ramai yang silap isi borang.

Mengenai IPTS – institusi pengajian tinggi swasta yang menawarkan program yang singkat. Kerajaan ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat, sebelum IPTS boleh mengendalikan sesuatu kursus pengajian, ia diwajibkan mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Lembaga Akreditasi Negara (LAN). Seterusnya kursus pengajian yang telah diluluskan pengendaliannya akan dikenakan penilaian oleh LAN bagi menentukan sama ada ia telah mencapai tahap minimum dari segi memenuhi kriteria dan standard jaminan kualiti yang ditetapkan. Sebelum IPTS tersebut dibolehkan mengeluarkan sijil Diploma atau Ijazah yang berkaitan. Seterusnya Kementerian Pendidikan juga menggalakkan supaya IPTS tersebut memohon perakuan akreditasi iaitu tahap pencapaian

standard dan jaminan kualiti yang lebih tinggi daripada LAN bagi kursus-kursus pengajian yang dijalankan walaupun ia tidak diwajibkan. Kursus-kursus pengajian yang telah diberi perakuan akreditasi oleh LAN akan mendapat pelbagai faedah termasuk mendapat pengiktirafan dari kerajaan yang membolehkan pemegang kelayakan-kelayakan tersebut diberi pertimbangan untuk jawatan-jawatan di sektor swasta.

Mengenai rungutan pelajar-pelajar di IPTS mengenai kualiti pensyarah, setakat ini belum ada institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang dilaporkan dan dikesan mempunyai pensyarah yang dikatakan tidak berwibawa. Kementerian Pendidikan sentiasa peka dengan kualiti pendidikan di IPTS. Di antara langkah-langkah bagi mengawal kualiti pensyarah di IPTS termasuklah:

- (i) mengadakan lawatan-lawatan penyeliaan setelah sesuatu kursus pengajian diluluskan;
- (ii) menjalankan lawatan pengesahan untuk memastikan tenaga pengajar dan kemudahan yang disediakan oleh IPTS berkenaan berkualiti; dan
- (iii) mengadakan lawatan penilaian tahunan bagi menentukan tahap minimum dicapai oleh IPTS berkenaan.

Ada juga Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan sekolah bestari dan seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa sekolah bestari akan dimulakan dengan 90 buah sekolah perintis dan selepas itu akan ditambah dari masa ke semasa sehinggalah semua sekolah akan dinaikkan taraf sebagai sekolah bestari. Sementara itu guru-guru akan dilatih untuk mengikuti kursus-kursus komputer untuk meningkatkan lagi kemahiran mereka. Walau bagaimanapun, di sekolah kebangsaan Cina di kawasan saya sebagai contoh, PIBG telah pun memberi satu kompeni daripada pihak swasta untuk menjalankan program pengkomputeran di sekolah mulai daripada darjah satu hingga darjah enam di sekolah rendah sebanyak 50 buah komputer dan dibayar oleh ibu bapa sendiri.

Jadi, kita harapkan nanti di sekolah-sekolah luar bandar akan juga mengecapi facilities kemudahan komputer ini dan juga di mana sekolah-sekolah yang tidak ada bekalan elektrik kita akan memberikan generator set supaya celik komputer ini dapat dijalankan secara keseluruhan.

Saya pergi kepada masalah pertanian. Ahli-ahli Yang Berhormat ada juga meminta supaya disusun semula peranan dan fungsi pertubuhan peladang supaya lebih memberi manfaat kepada peladang-peladang petani dengan menggunakan bantuan pakar seperti Universiti Putra Malaysia dan juga pakar-pakar dari luar negara. Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sentiasa mendapatkan bantuan-bantuan pakar di dalam dan dari luar negara supaya peranan dan fungsi Pertubuhan Peladang (PP) dapat memberi manfaat kepada peladang-peladang. Sebagai contoh, dalam merangka penyusunan semula peranan atau fungsi dalam beberapa program PP seperti Skim Kredit dan Simpanan ahli daripada Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia dilantik sebagai juruperunding. Juruperunding swasta pernah dilantik untuk mengkaji aktiviti-aktiviti pembangunan dan ekonomi LPP serta juga PP.

Program pembangunan manusia berasaskan kampung juga hasil daripada perakuan pakar-pakar daripada Bank Pembangunan Asia (ADB), Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia menyumbang dalam membangunkan program-program yang berkenaan.

Pelbagai usaha juga sedang dibuat oleh Pertubuhan Peladang dalam meningkatkan hasil tanah peladang-peladang mereka melalui Program Mini Estet dan PPRT. Projek Pertanian PP bertindak sebagai agensi pengurusan utama untuk tanaman padi dan kelapa sawit di mana pengambilan pekerja diutamakan kepada peserta. Pulangan daripada projek akan diberi dalam bentuk dividen.

Di bawah PPN 3, salah satu hala cara strategi yang ditetapkan adalah menggalakkan dan menyokong pembangunan projek komersial berskala besar dalam bentuk ladang berkelompok dan juga pengurusan estet.

Mengenai skim dana seperti Skim Pelindungan Insurans supaya Skim Pelindungan ini dapat membantu peladang yang mengalami masalah seperti bencana dan kemalangan. Ingin dimaklumkan bahawa setakat ini tidak banyak syarikat insurans yang menawarkan Skim Perlindungan untuk tanaman dan ternakan. Ini berpunca daripada risiko yang tinggi seperti serangan penyakit dan juga perosak tanaman dan faktor luaran yang tidak dapat dikawal seperti cuaca dan bencana alam. Tidak ada syarikat insurans yang melindungi bagi kerugian disebabkan bencana alam. Untuk peladang-peladang telah ada Skim Pelindungan Takaful Berkelompok yang melindungi peladang sekiranya ditimpa kemalangan seperti kematian dan keilangan kekal yang diuruskan oleh PP.

Pada masa ini satu skim iaitu Skim Pelindungan Peladang telah diarahkan kepada semua pertubuhan peladang di setiap negeri untuk melaksanakan pada tahun 2000 yang mana memberi perlindungan ke atas bencana seperti kemalangan dan juga kematian.

Ramai Ahli Yang Berhormat yang telah menanyakan tentang kelemahan penguatkuasaan undang-undang dan perlindungan pengguna yang menyebabkan pengguna menjadi mangsa penipuan seperti pembelian barang-barang tiruan serta penyelewengan dalam perkiraan faedah serta perjanjian sewa beli. Satu panel perlu ditubuhkan di peringkat negeri bagi menangani isu berkenaan.

Berhubung dengan penubuhan panel di peringkat negeri bagi menangani isu pengguna, sukacita saya maklumkan bahawa pada masa ini telah wujud badan seumpama itu seperti Majlis Hal Ehwal Pengguna Daerah, Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri dan Pasukan Pengurusan Krisis. Dalam memberi perlindungan pengguna keberkesannya banyak bergantung kepada tahap kesedaran pengguna mengenai hak dan tanggungjawab mereka. Menyedari hakikat ini kementerian menjalankan program-program pendidikan secara berterusan untuk melahirkan masyarakat pengguna yang bijaksana. Program-program pendidikan ini juga

dijalankan oleh majlis-majlis ehwal pengguna yang ditubuhkan di setiap daerah dan dengan kerjasama kementerian.

Berhubung dengan kelemahan penguatkuasaan, sukacita saya maklumkan bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa memberi perhatian ke atas masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna selaras dengan aspirasi kerajaan untuk menjamin kesejahteraan rakyat dan negara. Dalam hubungan ini pihak kementerian secara tegas dan konsisten menjalankan pemeriksaan dan pemantauan mengikut bidang kuasa akta-akta yang dikuatkuasakan. Tindakan tegas yang diambil ke atas peniaga-peniaga yang menyeleweng seperti menjual barang-barang tiruan termasuk ubat-ubatan tiruan atau aktiviti-aktiviti lain yang boleh merugikan pengguna.

Dalam urusan sewa beli misalnya, satu undang-undang khusus iaitu Akta Sewa Beli 1967 telah dikuatkuasakan. Di bawah akta tersebut dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya bentuk dan kandungan perjanjian, hak dan liabiliti pihak-pihak kepada perjanjian, prosedur pengambilan semula milik serta kadar faedah dan rebet telah ditetapkan. Dalam hubungan ini sekiranya pengguna merasa sangsi atau meragui perkiraan yang dibuat oleh syarikat-syarikat sewa beli, maka bolehlah mendapat bantuan dan nasihat daripada mana-mana pejabat Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah pun menyatakan sama ada kementerian perlu menyediakan kemudahan untuk pengguna membuat aduan dengan cara yang mudah. Pihak kementerian menyediakan pelbagai kemudahan kepada pengguna untuk membuat aduan termasuk aduan melalui Peti Surat 8000, yang mana bayaran pos dikecualikan. Kad-kad aduan dengan format yang mudah boleh diperolehi secara percuma di pejabat-pejabat pos. Selain daripada itu pengguna juga boleh menghubungi mana-mana 34 pejabat cawangan Bahagian

Penguatkuasaan untuk memgemukakankan masalah-masalah mereka dan pihak kementerian memberi jaminan bahawa setiap aduan itu akan disiasat.

Mengenai penyelewengan dalam jualan murah dan kesahihan harganya. Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan itu dan dimaklumkan bahawa kementerian menjalankan pengawasan ke atas premis-premis perniagaan yang menganjurkan jualan murah dikuat kuasa Perintah Perihal Dagangan Harga Jualan Murah 1997. Di mana antara lain peniaga-peniaga perlu mengemukakan notis sebelum mengadakan sesuatu jualan murah. Pemeriksaan-pemeriksaan dijalankan sebelum dan semasa jualan murah diadakan untuk menentukan kesahihan jualan murah tersebut termasuk dari aspek harga dan kualiti barangan yang didagangkan. Harga jualan murah adalah berasaskan kepada harga yang pernah ditawarkan terdahulu oleh peniaga yang berkenaan bukannya perbandingan harga yang ditawarkan oleh peniaga-peniaga lain. Perlu juga diperjelaskan bahawa sesuatu urusan niaga itu dianggap sebagai jualan murah jika terdapat elemen perbandingan harga dalam perbincangan yang digunakan berkaitan dengannya.

Ada Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan masalah Skim Khas Pembelian Getah (SKPG) dan ingin saya maklum bahawa Skim Khas Pembelian Getah (SKPG) telah diwujudkan dengan dua matlamat.

Pertama, menyediakan saluran pasaran 'outlet' dan apabila dalam keadaan harga getah jatuh dengan teruk akan berlaku keadaan getah tidak dapat dipasarkan kerana tiada pembeli dan ini disebabkan sama ada peniaga mendapati tidak ekonomik dari segi komersial untuk membeli ataupun stok tersebut telah mencapai tahap tepu dalam simpanan peniaga. Dalam keadaan ini SKPG berperanan menjamin semua pekebun kecil masih dapat menjual getah mereka.

Kedua, pekebun kecil menerima harga ladang yang berpatutan. Dalam keadaan biasa harga getah yang dibayar oleh peniaga adalah harga FOB, SMR 20 harga pasaran semasa tolak kos pelbagai. Dalam keadaan pasaran menurun para peniaga akan mengenakan potongan tambahan, potongan ini dikenali sebagai

faktor diskaun yang berjumlah sekitar RM0.15 sen hingga RM0.20 sekilogram tetapi melalui SKPG faktor diskaun ini akan diserap oleh kerajaan. Oleh itu para pekebun kecil akan menerima harga ladang yang berpatutan berdasarkan kepada harga pasaran semasa. Harga pembelian yang ditetapkan untuk skim ini ialah berdasarkan arah aliran pasaran semasa, harga belian ketika skim ini dilancarkan pada 12 Mei 1999 adalah RM1.40 sen sekilogram untuk kandungan getah kering (KGK) 100% atau 0.70 sen sekilogram KGK 50%. Kemudian, pada 22 Mei 1999 ia dinaikkan daripada RM1.46 sen KGK 100% atau 0.73 sen sekilogram KGK 50%. Walau bagaimanapun, harga ini berbeza sedikit dari satu ke satu tempat berdasarkan kualiti dan juga kandungan getah kering skrap tersebut. Getah skrap pekebun kecil pada keseluruhannya mempunyai KGK di antara 40% hingga 60%.

Ada juga di antara Ahli-ahli Yang Berhormat telah menanyakan masalah tol. Jadi, bayaran pampasan tol kepada syarikat konsesi lebuhraya dibuat berikutan keputusan Jemaah Menteri untuk tidak menaikkan kadar tol seperti terdapat dalam perjanjian konsesi. Jumlah anggaran pampasan tol yang perlu dibayar pada tahun 1999 adalah sebanyak RM137.4 juta. Bagi Belanjawan tahun 1999, Kementerian Kerja Raya telah diluluskan sejumlah RM77.3 juta bagi tujuan bayaran pampasan berkenaan. Dengan itu peruntukan tambahan RM60.1 juta lagi masih diperlukan. Maklumat terperinci mengenai keperluan bayaran pampasan yang terlibat adalah seperti berikut:

- (i) PLUS Berhad – Lebuhraya Utara Selatan.

Pampasan tahun 1997, adalah sebanyak RM16.6 juta iaitu akibat daripada kenaikan yang dibenarkan sebanyak RM10.05 sen satu kilometer berbanding dengan yang ditetapkan dalam perjanjian iaitu 10.06 sen satu kilometer. Berasaskan angka-angka yang telah disahkan oleh juruaudit bersama, juruaudit Kerajaan Persekutuan dan PLUS Berhad. Anggaran pampasan tahun 1998 adalah sebanyak RM100 juta kerana kenaikan yang dibenarkan pada RM10.05 sen satu

kilometer berbanding dengan yang ditetapkan dalam perjanjian sebanyak RM11.24 sen satu kilometer;

- (ii) Elite Berhad – Lebu Raya Utara Selatan Hubungan Tengah RM4.3 juta.

Anggaran pampasan pada tahun 1998 adalah sebanyak RM4.3 juta berikutan kenaikan yang dibenarkan RM10.06 sen satu kilometer adalah kurang daripada yang terdapat dalam Perjanjian Konsesi RM11.24 sen satu kilometer. Jumlah pampasan sebenar masih belum dimaklumkan oleh juruaudit bersama;

- (iii) MTD Prime Sendirian Berhad – Lebu Raya Kuala Lumpur-Karak.

Baki pampasan pada tahun 1998 adalah sebanyak RM4.3 juta kerana kadar tol yang diluluskan adalah lebih rendah daripada yang telah dipersetujui dalam perjanjian konsesi.

- (iv) Plaza Tol Gombak – kadar asal RM4.20, kadar baru RM3.00;
- (v) Plaza Tol Bentong – kadar asal RM2.40, kadar baru RM1.90; pampasan tol bagi tahun 1999 belum dimuktamadkan lagi. Walau bagaimanapun, mengikut perjanjian konsesi peruntukan bayaran pendahuluan 5% daripada anggaran jumlah pampasan RM8.6 juta diperlukan iaitu sebanyak RM4.3 juta.
- (vi) Link Kedua Berhad – Lebu Raya Laluan Kedua Malaysia-Singapura. Kutipan tol di lebu raya ini telah bermula pada 17 Mac 1998 berikutan bantahan orang awam. Kerajaan bersetuju supaya kadar tol bagi semua kelas kenderaan yang dikuatkuasakan dikurangkan daripada yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi.
- (vii) Kadar tol Perjanjian Konsesi Plaza Tol Tanjong Kupang RM8.50; Plaza Tol Kedai Lima RM2.40; dan Plaza Tol Perling RM1.40;
- (viii) Kadar tol baru Plaza Tol Tanjong Kupang RM6.60; Plaza Tol Kedai Lima RM2.40; dan Plaza Tol Perling RM1.40

Anggaran pampasan yang perlu dibayar kepada Link Kedua Berhad adalah seperti berikut:

- (a) 1998 – RM3.6 juta;
- (b) 1999 – RM8.1 juta; dan
- (c) 2000 – RM8.5 juta.

Yang Berhormat ada juga membangkitkan masalah projek-projek luar bandar dan ingin saya maklumkan di sini bahawa peruntukan-peruntukan projek luar bandar adalah seperti berikut:

- (i) bekalan elektrik luar bandar, peruntukan Rancangan Malaysia Ketujuh ialah RM473.7 juta; baki belum belanja ialah RM126.5 juta dan peruntukan tahun 1999 ialah RM70.8 juta;
- (ii) bekalan air luar bandar, peruntukan Rancangan Malaysia Ketujuh ialah RM420 juta, baki belum belanja RM192.8 juta dan peruntukan tahun 1999 ialah RM60.5 juta;
- (iii) jalan luar bandar, peruntukan Rancangan Malaysia Ketujuh ialah RM866.6 juta, baki belum belanja RM523 juta dan peruntukan tahun 1999 ialah RM250.4 juta;
- (iv) jalan keselamatan KESBAN, peruntukan Rancangan Malaysia Ketujuh ialah RM123.8 juta, baki belum belanja RM1.2 juta dan peruntukan tahun 1999 ialah sebanyak RM15.9 juta;
- (v) jalan kampung PJK, peruntukan Rancangan Malaysia Ketujuh ialah RM716.6 juta, baki belum belanja RM396.1 juta dan peruntukan tahun 1999 ialah sebanyak RM235 juta;

Program membantu rakyat termiskin (PPRT) misalnya di bawah:

- (a) Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)–
Pemulihan sikap, pemulihan rumah, pembangunan kampung, masyarakat dan kesihatan:

1998 - RM94 juta

1999 - RM119 juta

(b) Kebajikan –

Bantuan kepada orang hilang upaya, warga tua, penyelenggaraan institusi kebajikan, rumah-rumah anak-anak yatim dan sebagainya.

1998 - RM45 juta

1999 - RM52 juta

(c) Pendidikan –

Bantuan buku teks, bantuan makanan tambahan; susu; biasiswa; bantuan pelajaran

1998 - RM1,163

1999 - RM1,243

(d) Bantuan untuk Orang Asli –

Bantuan tambang, pakaian seragam, peralatan sekolah, biasiswa, BIPT dan sebagainya:

1999 - RM9 juta.

Jadi, begitulah Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kerajaan bukan sahaja melihat daripada orang-orang besar seperti CDRC dan juga danaharta dan modal tetapi juga kerajaan sangat prihatin dengan keadaan orang-orang miskin di luar bandar.

Yang Berhormat ada juga membangkitkan masalah imej Kementerian Dalam Negeri dan juga PDRM. PDRM sekarang ini sedang berusaha meningkatkan imejnya dan ia merupakan satu perkara yang berterusan dan PDRM adalah komited ke arah meningkatkan tahap profesionalisme kerjaya anggota-anggotanya dengan semangat dan ketekunan berkhidmat yang ditanamkan ianya akan dapat membantu meningkatkan keyakinan umum kepada pasukan PDRM. Selain dari itu, kebajikan anggota dan keluarga PDRM juga diambil kira. Pelbagai program pembangunan telah dilaksanakan bagi menempatkan anggota PDRM di

perumahan yang moden dan selesa dengan kemudahan-kemudahan riadah yang mencukupi.

Tindakan tegas ke atas pihak yang membuat provokasi tatkala polis menjalankan tugas. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, PDRM mempunyai undang-undang dan peraturan yang mencukupi untuk bertindak ke atas sesiapa yang mengganggu atau menghalang anggota-anggota polis menjalankan tugas-tugas mereka. Masyarakat mestilah faham bahawa tugas yang dijalankan oleh pihak polis ialah bertujuan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan teratur selaras dengan peraturan-peraturan yang sedia ada. Beberapa tindakan yang diambil oleh polis adalah untuk mengawal dan mententeramkan keadaan bagi memastikan keadaan keselamatan awam tidak tergugat.

Oleh itu, PDRM sangat peka dan sekarang ini membuat penyusunan semula Cawangan Tatatertib PDRM seperti mana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat ada juga 'kambing-kambing hitam' di dalam PDRM yang begitu ramai ahlinya. Penyusunan semula ini adalah untuk memudahkan pemantauan tindakan-tindakan susulan yang perlu diambil terhadap pegawai dan anggota yang terlibat dalam tindakan tatatertib bagi mengukuhkan dan meningkatkan tahap disiplin dalam profesionalisme PDRM.

Selain dari itu, PDRM juga mempertingkatkan interaksi di antara Pegawai Perhubungan Polis di sekolah-sekolah dengan orang awam, memakai lencana yang menunjukkan lambang 'bersedia berkhidmat', membudayakan khidmat mesra rakyat melalui poster dan stiker, menganjurkan forum-forum berkaitan budaya khidmat mesra rakyat, menggalakkan penyiasatan yang dilakukan ke arah pendekatan mesra rakyat, perkhidmatan kaunter PDRM ke arah konsep mesra dan juga bayaran denda, kompaun boleh diselesaikan di peringkat balai polis di daerah masing-masing. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, sama ada imej PDRM telah dapat dipertingkatkan melalui konsep mesra rakyat akan berdasarkan sepenuhnya kepada orang awam memperlihatkan profesionalisme PDRM itu sendiri.

Ada juga Ahli Yang Berhormat membangkitkan masalah mengenai Kementerian Pertahanan (Kementah) dan menyatakan bahawa kita perlu mengadakan perkakasan yang sophisticated. Pada ketika ini pesawat FA-18D diperlukan untuk membiayai kos dukungan lanjutan pesawat FA-18D selama 2 tahun dan ini termasuk pendekatan sistem pesawat dan sistem persenjataan dan yuran penyertaan Engine Component Improvement Program, yuran penyertaan Post Production Support, perkhidmatan anggota-anggota teknikal pakar, perkhidmatan bantuan software, latihan untuk anggota TUDM, publikasi yang berkenaan, bantuan teknikal logistik, bantuan teknikal kejuruteraan dan pengurusan program.

Selain daripada itu, sebahagian daripada aset MALCOM 5 yang dibawa balik ke Malaysia daripada Bosnia juga memerlukan rawatan menjadikan boleh gerak guna atau VG supaya boleh diagihkan kepada pasukan-pasukan dalam tentera darat. Namun begitu, kos yang diperlukan adalah tinggi dan peruntukan kewangan mengurus semasa tidak cukup untuk membiayai keperluan ini. Justeru itu, tambahan peruntukan kewangan dari Kementerian Kewangan juga diluluskan.

Ahli Yang Berhormat ada membangkitkan mengenai pendapatan golongan berpendapat rendah dan pembeli rumah murah. Kerajaan sentiasa prihatin kepada keperluan perumahan golongan berpendapat rendah untuk memiliki rumah sendiri dan langkah kerajaan ambil bagi memastikan terdapatnya sumber pembiayaan yang mencukupi pada kos yang berpatutan bagi memudahkan golongan berpendapat rendah untuk memiliki rumah sendiri. Langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan adalah seperti berikut.

Pertama, berkuatkuasa mulai 1 April 1998, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan satu set garis panduan pinjaman perumahan yang baru di mana bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing dikehendaki membuat komitmen untuk membiayai pembelian atau pembinaan sekurang-kurangnya 100,000 unit dan 40,000 unit rumah dalam jangka masa dua tahun. Kemudahan

pinjaman bagi membeli atau membina rumah yang tidak melebihi RM100,000 diberi pada kadar faedah maksimum sebanyak 1.75 mata peratusan di atas kadar pemberian pinjaman asas, setiap institusi perbankan atau 9% setahun yang mana lebih rendah di mana gaji bulanan pemohon atau pendapatan bersama bulanan jika sudah berkahwin tidak melebihi RM3,000. Bank Negara Malaysia menyediakan peruntukan sebanyak RM1 bilion di bawah skim perumahan kos rendah dan sederhana di mana pembiayaan titian kepada pemaju untuk membina rumah-rumah bernilai RM150,000 ke bawah disediakan sebagai insentif untuk menggalakkan pembinaan rumah-rumah kos rendah dan sederhana. Kerajaan juga memastikan penawaran rumah-rumah kos rendah dan sederhana yang mencukupi bagi memenuhi permintaan yang begitu tinggi.

Mengenai apakah kerajaan dapat memastikan supaya kelegaan dalam prosedur tidak disalahgunakan oleh kontraktor-kontraktor untuk mendapat dan memulakan projek dengan segera. Bagi mempercepatkan kontraktor memulakan projek Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Surat Pekelilingan Perbendaharaan Bil. 6/1999. SPP ini mewajibkan kontraktor memulakan kerja-kerja fizikal dalam tempoh dua minggu selepas tarikh memilih tapak.

Kedua, kebiasaan kelewatan memulakan kerja oleh kontraktor adalah disebabkan kesukaran untuk mendapatkan jaminan bank. Untuk mengatasi masalah tersebut kontraktor dibenarkan mula bekerja dan secara automatik kerajaan akan mengenakan kaedah wang jaminan pelaksanaan. Keadaan wang jaminan pelaksanaan akan membolehkan agensi kerajaan berkenaan memotong sebanyak 10% daripada setiap bayaran kemajuan sehingga jumlah pencapaian 5% harga kontrak berkenaan. Jadi, oleh kerana itu kontraktor tidak perlu mendapatkan jaminan bank lagi.

Selain daripada itu, apa yang dibuat oleh kerajaan sekarang ini ialah memberikan kuasa kepada kementerian-kementerian berkenaan untuk membuat

tender dan sebut harga dan juga negotiate tender. Dengan cara itu tidak payah lagi kos pembinaan RM20 juta dirujukkan kepada pihak kementerian.

Kerajaan telah menubuhkan 40 tabung khas yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat dan untuk kontraktor saya rasakan elok saya nyatakan di sini bahawa kerajaan telah menubuhkan Dana Kontraktor Bumiputera dan ini diletakkan di bawah Kementerian Kerja Raya dengan pusingan modal sebanyak RM5 juta. Sepanjang tempoh tahun 1997 hingga Julai 1999 kementerian ini telah pun meluluskan sebanyak 44 permohonan daripada 48 permohonan dan terima dengan nilai peruntukan sebanyak RM7.08 juta. Kementerian Kerja Raya telah menetapkan satu garis panduan di mana kontraktor-kontraktor yang mempunyai syarat-syarat berikut boleh dipertimbangkan untuk mendapat pinjaman di bawah skim ini. Pertama, kontraktor-kontraktor kelas F hingga BX yang mendaftar dengan Pusat Perkhidmatan Kontraktor (PKK); kedua, masih diiktiraf sebagai bumiputera oleh PKK; ketiga, 100% modal dan tenaga pengurusan dimiliki dan dikuasai oleh bumiputera; keempat, menerima surat setuju terima tawaran dari Jabatan Kerja Raya bagi kontraktor Persekutuan; kelima, harga tawaran kontrak adalah menguntungkan (viable); keenam, mempunyai rekod kerja yang baik dan memuaskan seperti tidak terlibat dengan tindakan kesusahan berat kerana berhutang.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya dapat menjawab perbahasan yang telah kita bincangkan bersama oleh 14 orang Ahli-ahli Yang Berhormat. Mana-mana yang tidak dapat saya jawab, pegawai-pegawai dari beberapa kementerian akan mencatat untuk membuatkan dasar di masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua.

Bacaan kali Yang Ketiga

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1999 dan bagi memperuntukan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun ini telah dipersetujukan tanpa pindaan.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2), Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Negara, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999)1999 dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA 1999

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.55 ptg.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia untuk menyatakan kuasa dan fungsi suruhanjaya itu bagi perlindungan

dan pemajuan hak asasi manusia di Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya atau bersampingan dengannya.

Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 yang dibacakan kali yang kedua sekarang adalah bertujuan untuk menubuhkan sebuah suruhanjaya yang mempunyai mandat yang antara lain untuk terus menggalakkan dan mempertahankan hak asasi manusia bagi rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 telah pun dibentangkan dan selanjutnya diluluskan oleh Dewan Rakyat minggu lepas.

Isu hak asasi manusia bukanlah satu isu baru di dunia mahupun di Malaysia. Tetapi sejak akhir-akhir ini, isu hak asasi manusia hangat diperbincangkan di dalam negara. Ramai yang mempersoalkan apakah definisi hak asasi manusia dan sama ada Malaysia mengamalkannya. Persoalan-persoalan ini penting saya jelaskan agar kita dapat membahaskan rang undang-undang ini di Dewan yang mulia ini kelak di atas landasan yang sama dan betul.

Rang undang-undang yang dikemukakan ini bukanlah satu PR exercise malahan ianya adalah satu komitmen kerajaan untuk mengembangkan amalan hak asasi manusia di negara kita. Keputusan kerajaan untuk menubuhkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia membuka satu lagi ruang dalam memperluaskan kefahaman terhadap persoalan-persoalan mengenai hak asasi secara terbuka mengikut adat, daya dan nilai kita sendiri.

Saya ingin memaklumkan bahawa kami telah menerima pelbagai pandangan dan pendapat mengenai hak asasi manusia dari pelbagai pihak. Sebagaimana kita maklum, kebebasan adalah satu-satunya hak yang dijamin oleh undang-undang negara. Namun demikian, ia tidak bermakna jika hak tersebut tidak boleh dijamin. Di Malaysia kita ada pilihan raya bebas, rakyat diberikan hak untuk bersuara, rakyat berhak menubuhkan persatuan politik dan bukan politik, media yang bermacam-macam bahasa dan pendirian wujud, mahkamah

pula bertanggungjawab menegakkan prinsip Rules of Law, dengan izin, amalan hak asasi sememangnya telus dan terdedah untuk perhatian umum. Akhirnya, kerajaanlah bertanggungjawab untuk menguruskan negara selaras dengan amalan demokrasi berparlimen bagi menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat jelata.

Desakan dari individu dan kumpulan tertentu yang disokong oleh golongan berkepentingan sememangnya cuba membakukan dunia mengikut acuan mereka. Kelihatan ada minat setengah kumpulan negara di atas nama nilai sejagat, demokrasi dan hak asasi, perdagangan bebas untuk mencorakkan negara membangun dan mencampuri hal dalaman negara. Atas nama nilai sejagat juga terdapat negara luar yang cuba membentuk pemikiran kita.

Bagi mencapai matlamat mereka, mereka menyuarakan pendapat bahawa amalan demokrasi tulen bermakna permusuhan dan konflik di antara kerajaan dan rakyat. Justeru itu, ada yang mengatakan untuk mengamalkan demokrasi sebenar, kerajaan perlu dikritik dengan hebat.

Bagi kerajaan, hak asasi, kebebasan dan demokrasi tidak seharusnya dijadikan alat untuk menentang dan memusuhi di antara satu sama lain ataupun sebagai bukti kebebasan dan demokrasi itu hidup dengan subur. Demokrasi seharusnya dilihat sebagai amalan dua hala dengan tata susila yang diasaskan kepada nilai-nilai kebijaksanaan, keadilan, integriti dan semangat keehsanan yang mendalam. Hak, hendaklah dilihat bersama tanggungjawab yang bersandarkan kepada adab, sopan, kewajaran dan kewarasan bagi mencapai keamanan dan kesejahteraan.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang sahaja tidak akan menjamin keamanan, kesejahteraan, kebebasan serta demokrasi. Apa yang diperlukan ialah ditanamkan semangat kemanusiaan dan sikap toleran serta tidak prejudis kepada orang lain ataupun kumpulan lain. Perkara ini boleh berlaku kerana perkara prejudis dan tidak toleran boleh berlaku kerana perbezaan agama, kaum ataupun warna kulit serta keturunan. Hanya dengan memiliki sikap dan jiwa yang toleran

dan harmoni sahaja akan dapat kita mengelakkan diri melakukan pembunuhan kejam ataupun melakukan diskriminasi atas dasar perbezaan kaum, agama, jantina ataupun pegangan politik.

Banyak insiden dan kes begini berlaku di Amerika Syarikat dan Eropah walaupun dari segi undang-undang dan dasar mereka memanglah cukup murni dan suci. Kebebasan dan demokrasi adalah sesuatu yang kosong jika berjuta umat manusia termasuk kanak-kanak kurang makanan, rakyat mati kebuluran, rakyat dianiayai, ada golongan miskin tersisih, tiada tempat untuk berteduh, perkhidmatan kesihatan yang mahal ataupun tidak memuaskan. Begitu juga tidak disediakan kemudahan pendidikan dan pekerjaan untuk rakyat yang memerlukannya.

Semenjak negara kita mencapai kemerdekaan, Malaysia mengamalkan sistem demokrasi melalui pilihan raya umum di peringkat negeri dan nasional. Parti-parti politik yang tidak habis-habis membangkang pun wujud dan terlibat dalam sistem demokrasi berparlimen.

Apa yang perlu dibina ialah suasana dunia yang sebenar-benarnya menghormati digniti kemanusiaan dan keadilan sosial sebagai tanggungjawab bersama. Untuk membela nasib bangsa, tidak mencukupi dengan hanya melihat dari kaca mata teori dan akademik sahaja. Ada golongan yang lantang dalam isu hak asasi, tetapi ilham mereka datang dari luar dan tidak langsung memikirkan kesan tindakan mereka terhadap rakyat dan negara. Mereka mudah memperkecilkan usaha negara dan memuji negara lain. Sepatutnya mereka mengambil iktibar dari pepatah Inggeris yang menyatakan “Charity and sensitivity begin at home”, dengan izin, iaitu sikap murah hati dan sensitiviti seharusnya dimulakan di rumah sendiri.

Terdapat juga saranan dari golongan yang cepat mahu kita mengambil contoh dari negara-negara luar, malangnya mereka tidak memahami dan menghayati sejarah dan latar belakang negara tersebut di mana sebelum ini

rakyatnya tertekan dan hidup mereka dalam kemiskinan, huru-hara kononnya itulah yang dikatakan demokrasi. Kita seharusnya berusaha untuk keluar dari keadaan buruk kepada keadaan yang baik. Malangnya, ada segelintir rakyat kita sendiri yang mahu mengambil contoh secara membuta tuli dari negara lain. Kumpulan kecil ini tidak menceritakan yang di negara-negara tersebut perubahan dituntut kerana rakyat telah dizalimi dan hidup tertekan. Majoriti rakyat hidup dalam keadaan miskin, kebebasan dan demokrasi tidak diamalkan sebelum ini.

Kerajaan tidak terbentuk ataupun ditukar melalui *coup d'etat*, di negara kita ataupun pemimpinnya menghimpunkan kekayaan secara rasuah di dalam dan di luar negara ataupun pemerintahan ala tentera ataupun secara diktatorial. Penggunaan buruh kanak-kanak dan penjualan seks sebagai daya tarikan pelancong ataupun mengeksport pelacur ke luar sempadan menjadi amalan biasa di negara-negara tertentu. Ada NGO yang menyuarakan tentangan kepada kerajaan bukan secara konstruktif tetapi bekerjasama dengan pembangkang. Namun demikian, pertubuhan mereka terus bergerak, tidak ditutup ataupun pemimpin mereka dipenjarakan selagi mereka tidak melanggar undang-undang negara.

Kerajaan tidak mengabaikan kepentingan rakyat ramai apabila membuat keputusan yang melibatkan rakyat. Walau bagaimanapun, kerajaanlah yang akhirnya terpaksa memikul tanggungjawab mengurus negara bagi membawa manfaat dan pembangunan kepada semua lapisan rakyat. Sistem pemisahan kuasa yang menjadi asas pemerintahan negara menentukan setiap cabang melaksanakan tugas mengikut bidang kuasa yang telah ditetapkan. Badan kehakiman diberi kuasa untuk menyelesaikan pertikaian di mahkamah mengikut kehendak dan tuntutan undang-undang yang terbabit.

Alhamdulillah, kerana wujudnya perpaduan dan kestabilan politik, kerajaan dapat menumpukan usaha ke arah pembangunan negara dan berjaya mengeluarkan rakyat dari belenggu kemiskinan serta memberi peluang pendidikan yang

seluasnya kepada semua lapisan rakyat. Kita telah mengadakan dasar supaya ketidakadilan sosial dari peninggalan sejarah kolonial dapat dihapuskan. Pembangunan ekonomi negara yang bukan semata-mata tertumpu kepada pertumbuhan tetapi juga pembangunan sosial yang mengagihkan kekayaan bagi menghilangkan pengelatan kaum melalui fungsi ekonomi. Sekolah, prasarana serta kemudahan awam untuk penduduk desa dan bandar disediakan.

Negara kita aman dan damai kerana wujud kebebasan dan kesaksamaan terhadap kehormatan, diginiti dan hak rakyat. Rakyat bebas dari diskriminasi atas asas kaum, agama dan kepercayaan. Kita juga menikmati hak untuk hidup selamat. Kita juga tidak boleh dijadikan alat untuk diperhambakan. Setiap rakyat tidak boleh dizalimi ataupun diseksa. Setiap individu diiktiraf hak sama ratanya di sisi undang-undang. Perlindungan dan keadilan terbina mengikut sistem perundangan dan mahkamah yang bebas. Apakah ini bukan hak asasi manusia yang sebenar dan bukan sesuatu yang hanya termaktub dalam sesuatu kanun dan akta, ianya bukan satu ilusi dan khayalan.

Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia adalah sesuatu yang positif bagi memelihara kepentingan dan merealisasikan aspirasi rakyat. Akta ini bertujuan bagi membuka ruang yang lebih luas kepada rakyat bagi mengemukakan rasa tidak puas hati untuk disemak dan dikaji oleh suruhanjaya. Undang-undang atau akta pengawalan seperti ISA, Akta Rahsia Kerajaan dan Akta Hasutan ada di negara kita dengan tujuan untuk membolehkan semua lapisan rakyat mengamalkan hak asasi tanpa mengganggu hak orang lain.

Pendek kata, di mana-mana juga di dunia ini, tidak mungkin kita menikmati kebebasan secara mutlak. Peraturan dan undang-undang perlu ada dan dihormati semasa kita mengamalkan kebebasan untuk diri dan kumpulan kita. Sebenarnya, sikap prejudis dan berat sebelah itulah yang harus kita kikis kerana banyak kekejaman dan jenayah dilakukan kerana sikap tersebut.

Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang dibentangkan pada hari ini bertujuan untuk menubuhkan suruhanjaya tersebut. Hak asasi manusia sememangnya adalah perkara berkenaan dengan hubungan sesama individu dan hubungan antara individu dan negara. Tugas untuk mempertahankan hak asasi manusia dalam sebuah negara adalah tanggungjawab kerajaan dan juga rakyat. Tugas utama kerajaan adalah untuk memelihara dan mempertahankan hak ini agar ianya tidak dipersalahkan, dilanggar dan dicabul dengan sewenang-wenangnya. Dalam hal ini, terdapat pelbagai pendekatan yang boleh dilaksanakan oleh sesuatu kerajaan bagi menjamin keharmonian hubungan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ada menyebut dengan jelas mengenai kepentingan menggalakkan dan mempertahankan hak asasi manusia terutamanya keazaman masyarakat antarabangsa untuk, dengan izin, *“To reaffirm faith in fundamental human rights, in the dignity and worth of the human person, in the equal rights of men and women and of nations, large and small”*

Selain itu, enam artikel lain dalam Piagam PBB, iaitu Artikel-artikel 1, 55, 56, 62, 73 dan 76 turut menyentuh isu hak asasi manusia. Artikel-artikel tersebut antara lain menekankan pentingnya hak asasi dan kebebasan asas atau, dengan izin, fundamental freedom.

Pada tahun 1948, Pengisytiharan Sejagat Mengenai Hak Asasi Manusia atau, dengan izin, Universal Declaration on Human Rights, telah diterima pakai oleh Sesi Ketiga Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu dengan 48 buah negara menyokong dan lapan buah negara berkecuali. Tiada negara yang mengundi menolak.

Pengisytiharan ini telah menyenaraikan prinsip-prinsip atau amalan-amalan mengenai hak asasi manusia untuk dipertimbangkan oleh semua negara bagi diamalkan di negara masing-masing. Memandangkan pengisytiharan berkenaan merupakan satu pernyataan semata-mata, tiada ikatan undang-undang yang

dikenakan ke atas negara-negara yang tidak menerima pakai prinsip-prinsip dan amalan-amalan yang digariskan. Prinsip-prinsip dan amalan hak asasi telah dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan dengan sewajarnya seperti yang terkandung dalam Fasal 5 hingga 13.

Susulan kepada terimapakai an Pengisytiharan Sejagat Mengenai Hak Asasi Manusia, PBB telah menggubal dan menerima pakai 25 suratcara berkaitan isu hak asasi manusia secara khusus mengenai wanita, kanak-kanak, pekerja, penghapusan penyeksaan atau penderaan, penghapusan perhambaan dan lain-lain lagi. Setakat ini, Malaysia telah menandatangani enam daripada suratcara-suratcara tersebut dan lima daripadanya telah pun diratifikasikan. Kini kerajaan sedang mengkaji dan meneliti 19 lagi suratcara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, selain menjadi negara-negara ahli atau, dengan izin, “State Parties” kepada suratcara-suratcara antarabangsa tersebut, kebanyakan negara mengambil langkah menubuhkan institusi-institusi hak asasi manusia di negara masing-masing. Institusi-institusi ini berbeza dari segi nama, mandat, struktur organisasi, penekanan isu, fungsi dan lain-lain lagi.

Walau bagaimanapun, ciri-ciri institusi yang ditubuhkan harus selaras dengan prinsip-prinsip yang termaktub dalam “Prinsip-prinsip Mengenai Status Institusi Kebangsaan” atau dengan izin, “Principles Relating to the Status of National Institution” atau lebih dikenali sebagai Prinsip-prinsip Paris ataupun dengan izin, “Paris Principles”. Ia dikenali sebagai Prinsip-prinsip Paris kerana mesyuarat bagi menggubal dan menerimapakai prinsip tersebut yang dihadiri oleh wakil-wakil negara yang mempunyai institusi hak asasi manusia telah dianjurkan oleh PBB di Paris pada tahun 1991.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya sebutkan, cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia telah lama dibincangkan oleh kerajaan. Semasa penggubalan Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, Prinsip Paris telah digunakan sebagai garis panduan.

Status kebebasan suruhanjaya ini telah diberi keutamaan dan ia dianggap sebagai ciri utama oleh kerajaan untuk menjamin suruhanjaya yang bakal ditubuhkan mempunyai ketrampilan tersendiri dan boleh diterima oleh orang ramai.

Pendirian Malaysia dalam isu-isu hak asasi manusia sememangnya mendapat pengiktirafan dari masyarakat antarabangsa. Malaysia telah menjadi ahli Suruhanjaya bagi Hak Asasi Manusia (The Commission on Human Rights) Bangsa-Bangsa Bersatu dari tahun 1993 hingga tahun 1998. Pada tahun 1995 Malaysia telah dipilih menjadi Pengerusi suruhanjaya berkenaan. Dalam menghadapi isu hak asasi manusia, pendirian Malaysia senantiasa berpandukan kepada prinsip-prinsip berikut:-

- (i) Komitmen yang sepenuhnya terhadap prinsip-prinsip undang-undang antarabangsa mengenai hak asasi manusia dan lain-lain instrumen hak asasi manusia;
- (ii) mempercayai bahawa semua hak asasi manusia adalah sejagat, tidak boleh dipisahkan dan berkait rapat antara satu sama lain;
- (iii) berpegang kepada prinsip-prinsip objektiviti, adil dan saksama serta tanpa memilih;
- (iv) menolak sebarang usaha untuk mempolitikkan hak asasi manusia;
- (v) menolak penggunaan hak asasi manusia sebagai syarat kepada bantuan kewangan dan pembangunan atau sebagai cara melindungi perdagangan;
- (vi) memberi pemerhatian sepenuhnya dan menghormati kedaulatan negara dan integriti wilayah serta tidak campur tangan dalam hal-ehwal dalam negeri sesebuah negara; dan

- (vii) menyokong hak untuk pembangunan sebagai hak sejagat dan merupakan sebahagian dari asas kepada hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Suruhanjaya ini memenuhi Prinsip-prinsip Paris dan juga Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Akta ini mengandungi 23 fasal yang dibahagikan kepada lima bahagian. Bahagian ini meliputi perkara seperti berikut:

Bahagian I, menggariskan tajuk dan tarikh berkuatkuasa akta serta takrif-takrif ungkapan, istilah dan perkataan yang digunakan dalam akta itu.

Bahagian II ialah berkenaan penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia yang menggariskan kaedah penubuhan, fungsi dan bidang kuasa, jumlah anggota dan tempoh perkhidmatan anggota, fungsi Pengerusi dan Naib Pengerusi, mesyuarat, imbuhan, pemecatan dan perletakan jawatan anggota-anggota.

Bahagian III, bertajuk Kuasa Siasatan Suruhanjaya menggariskan cara dan keadaan di mana anggota suruhanjaya dapat memulakan proses siasatan bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai sesuatu aduan pencabulan hak asasi manusia.

Bahagian V pula yang bertajuk Peruntukan Am menghuraikan mengenai sumber kewangan, laporan tahunan serta peraturan terperinci bagi melaksanakan fasal yang terdapat dalam akta penubuhan suruhanjaya.

Tuan Yang di-Pertua, keseluruhannya, di kelima-lima bahagian akta ini mempunyai 23 fasal dan ianya sebagaimana tercatit dalam rang undang-undang yang telah pun diedarkan. Ingin saya tegaskan di sini bahawa mandat suruhanjaya ini adalah untuk menentukan bahawa kesedaran dan pendidikan akan diberikan untuk isu-isu hak asasi manusia untuk menentukan bahawa kerajaan akan diberikan nasihat dan diberikan pandangan dan setiap laporan yang dibuat oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ini boleh dibentangkan untuk Parlimen pada setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia merupakan satu langkah penting dalam menyediakan satu lagi ruang dan saluran kepada orang ramai untuk mengemukakan aduan bersabit persoalan mengenai hak asasi manusia. Saya harap suruhanjaya akan berperanan sebagai sebuah institusi yang berkesan dalam menangani isu-isu pelanggaran dan pencabulan hak asasi manusia. Peranannya dalam memupuk kesedaran dan memberi pendidikan berkaitan hak asasi manusia kepada orang ramai, insya-Allah akan dapat mempertingkatkan tahap keprihatinan dan kefahaman orang ramai mengenai isu ini.

Seperti yang telah saya sebutkan, matlamat akhir penubuhan suruhanjaya ini adalah untuk terus mengalok dan mempertahankan hak asasi manusia rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia untuk menyatakan kuasa dan fungsi suruhanjaya itu bagi perlindungan dan kemajuan hak asasi manusia di Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara berkaitan dengannya atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. [*Ketawa*] Orang belakang sekali.

4.14 ptg.

Tuan Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi orang belakang. Saya bangun untuk sama-sama membahar Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999. Sebagai rakyat yang datangnya daripada golongan minoriti dalam negara ini, saya mengalu-alukan dan mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan kerana dapat menggubal

rang undang-undang dan seterusnya penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia bagi Malaysia. Sekali lagi saya ucapkan tahniah.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Tuan Long bin Jidin: Tuan Yang di-Pertua, walaupun masyarakat minoriti seperti saya, masyarakat Orang Asli sudah dilindungi dan diberi keistimewaan melalui Akta 134, Akta Orang Asli 1954, namun saya menaruh kepercayaan yang amat tinggi terhadap suruhanjaya yang bakal diwujudkan yang mencakupi pelbagai bidang bagi perlindungan dan kemajuan hak asasi manusia di Malaysia.

Pesuruhjaya Hak Asasi Manusia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mewujudkan satu jawatankuasa kecil dalam kumpulan kerja penduduk Orang Asli atau Orang Asal mestilah menyediakan draf terakhirnya pengisytiharan universal hak-hak Orang Asal secepat mungkin.

Pengisytiharan yang dimaksudkan dalam cadangan itu mengkehendaki negara-negara anggota menerima hak-hak tertentu yang dikira sebagai taraf minimum bagi kehidupan dan kebajikan Orang Asal atau Orang Asli di dunia. Di antaranya ialah hak menentukan masa hadapan sendiri, hak semulajadi mereka ke atas tanah dan segala sumber asli yang terdapat dalam wilayah-wilayah tradisi mereka, hak pemeliharaan dan perkembangan ciri-ciri etnik dan kebudayaan dan identiti-identiti yang berlainan, hak memelihara struktur-struktur ekonomi dan cara-cara hidup tradisi, hak mendapat perlindungan persekitaran dan hak mendapat perlindungan daripada penghapusan kaum. Pengisytiharan ini juga merangka prosedur-prosedur yang saling diterima dan adil untuk menyelesaikan konflik-konflik di antara Orang-orang Asli dengan kerajaan. Ini termasuk kaedah-kaedah seperti perundingan, perantaraan, pengadilan dan pengkajian semula hak-hak antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Bernard Nickmen, seorang pakar geografi yang terkenal di Univeristi California mendakwa bahawa daripada 105 konflik bersenjata di merata tempat di dunia dalam tahun 1992, 72 adalah yang membabitkan sesebuah kerajaan dengan Orang Asal atau Orang Asli dalam negeri itu sendiri. Contohnya ialah perjuangan orang di Timor Timur, Papua Barat menentang Indonesia, orang di negeri Nagar menentang India dan orang Tibet menentang China.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersyukur menjadi rakyat Malaysia di mana insiden-insiden seperti itu tidak pernah wujud di negara yang aman damai ini dan saya berasa sungguh bertuah. Tuan Yang di-Pertua, semua orang Asli di negara ini mempunyai perhubungan yang istimewa dengan tanah. Pada mereka, tanah penuh dengan kerohani an dan kekudusan yang tidak senang difahami oleh orang lain, pada amnya. Tanah kepada Orang Asli bukan sahaja habitat atau sempadan politik, ianya juga adalah asas organisasi sosial, sistem ekonomi dan identifikasi kebudayaan.

Ancaman-ancaman terhadap tanah mereka dan cara hidup mereka kini menjadi lambang nasib Orang Asli seluruh dunia. Semenjak penemuan dunia baru oleh Christopher Columbus 500 tahun dahulu dan Timur Purba oleh penjajah-penjajah Eropah sebelum ini, Orang Asli telah menderita di dalam tangan budaya-budaya dominan, angkatan-angkatan tentera penakluk dan peneroka-peneroka yang dahagakan tanah. Jason Clay, seorang Ahli Antropologi dari Culture Survival, satu organisasi Amerika, yang berjuang menegakkan hak-hak Orang Asli mengatakan bahawa lebih banyak suku bangsa-suku bangsa yang pupus dalam abad ini daripada dalam abad-abad yang lain dalam sejarah.

Tuan Yang di-Pertua, Brazil sahaja kehilangan 87 suku bangsa dalam separuh abad pertama ini. Penduduk Indian Amazon berkurangan daripada 5 juta kepada 500,000 dalam lima abad penjajahan. Satu pertiga daripada bangsa-bangsa Amerika Utara dan dua pertiga daripada bangsa-bangsa Australia telah lenyap

semenjak tahun 1800. Kebanyakannya semenjak tahun 1900. Saiz tanah yang mereka kuasai hari ini juga telah berkurangan. Institute World Watch di Washington telah mengatakan bahawa Orang Asli menguasai eco-system bumi secara difaktor dalam tempoh dua abad dahulu. Tetapi wilayah yang mereka duduki sekarang hanya lebih kurang 12 hingga 19% daripada kawasan tanah di bumi yang diduduki oleh manusia.

Tuan Yang di-Pertua, faktor pembangunan semasa, fahaman negara-negara berdaulat dan integrasi kebangsaan semasa adalah faktor-faktor utama yang mengancam kehidupan Orang Asli ini. Orang Asli yang berpendapat bahawa masyarakat Barat dan nilai-nilai Barat merupakan punca yang paling utama dalam pemusnahan Orang Asli.

Orang Indian Columbia telah menggariskan perbezaan di antara nilai-nilai tersebut dalam frasa berikut: *“Seorang penjajah peneroka bukan Indian mahu meninggalkan wang untuk anak-anaknya sementara kami mahu meninggalkan hutan untuk anak-anak kami.”*

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya anak Malaysia tidaklah sampai ke tahap rintihan hebat seperti masyarakat Orang Asli atau peribumi di luar negara. Pengisytiharan tahun 1993 sebagai Tahun Antarabangsa Untuk Orang Asli Sedunia dan Malaysia tidak ketinggalan dalam penganjuran persidangan Orang asli sedunia sebagai langkah besar ke hadapan untuk Orang Asli dalam perjuangan mereka untuk pengiktirafan hak-hak orang asli di negara ini.

Walau bagaimanapun terdapat beberapa kes yang mencabar hak kepentingan dan perlindungan Orang Asli di negara ini yang mengguris perasaan. Di antaranya adalah yang pertama berlaku di jajahan Gua Musang, di Pos Bala atau Perawas diketuai oleh penghulu Tok Ronggeng bin Hitam di mana kawasan perkuburan tok nenek moyang mereka telah disodok dan dimusnahkan oleh pembalak-pembalak haram. Lebih kurang 20 kubur telah musnah. Semasa mereka meluahkan perasaan pilu dan sedih menusuk sanubari dalam keadaan

ketakutan, kebingungan dan kemarahan. Keadaan mereka dalam menghadapi pemusnahan yang begitu dahsyat sungguh sukar untuk dipendamkan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini masyarakat Orang Asli di negeri ini mengikut kajian ahli-ahli antropologi adalah masyarakat Orang Asli sangat-sangat bertoleransi, tidak suka pergaduhan, permusuhan dan sentiasa mengambil keputusan silent protest dan tidak violent .

Yang kedua adalah tentang mempersendakan imej Orang Asli dalam drama *Di Hujung Pelangi* yang ditayang di TV3 pada 11 September 1991 di mana penghulu Orang Asli dan anak buahnya digambarkan sebagai tidak bertamadun dan berkelakuan seperti haiwan. Drama ini juga menonjolkan adegan-adegan yang menunjukkan lelaki dan perempuan Orang Asli tidur bersama-sama walaupun mereka bukan suami isteri. Drama kedua yang menimbulkan kemarahan Orang Asli ialah drama *Ipin* yang ditayangkan oleh RTM1 pada 30 Ogos 1991. Antara dialognya adalah, '*Ipin anak hutan. Ipin bukan tahu apa, lebih baik balik ke hutan tinggal dengan datuk nenek*' Persepsi masyarakat Orang Asli yang sensitif. Ianya merupakan satu penghinaan walaupun diketahui bahawa semua Orang Asli memangnya datang daripada hutan.

Yang ketiga ialah berkaitan dengan eksploitasi tanah yang diduduki oleh masyarakat Orang Asli. Contoh pertama ialah pengeluaran geran hantu di Kampung Kolam Air, Dengkil Selangor. Teguran Ongin anak Cinap Ketua UMNO Cawangan Kolam Air, Kampung Bangkung dan ayahandanya Batin Cinap anak Busu mengatakan geran-geran telah dikeluarkan kepada syarikat yang bukan kepunyaan penduduk kampung di dalam kebun-kebun masyarakat Orang Asli yang telah diusahakan semenjak 50 tahun dulu. Mereka menyatakan kekecewaan yang amat sangat. Contoh kedua saya akan baca satu laporan polis di mana satu penerokaan tanah yang berlaku selepas 16 tahun iaitu berlaku pada tahun 1982.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya baca satu laporan polis yang dibuat oleh empat anak Orang Asli yang berbunyi;

“Pada 1 September 1994, saya bersama empat rakan yang lain iaitu Halim bin Salleh, Munap bin Rumpit, Abu bin Mahdi dan Awah bin Kocen telah dibawa oleh dua orang lelaki Cina yang saya kenali dengan nama Ng Chong Heng dan Lim Heng Chang ke pejabat Orang Asli di bangunan MCIS Muar. Semasa dalam pejabat Orang Asli Muar, saya dan empat rakan saya telah diarahkan turunkan tandatangan di atas sekeping surat disaksikan oleh pegawai Orang Asli bernama Yahya bin Hashim. Selepas saya dan rakan-rakan saya tandatangan kami tidak difahamkan isi kandungan surat tersebut sehinggalah pada 1 Jun 1999 saya telah dapat tahu dari kawan saya Mahat bin Gewang mengatakan surat yang kami tandatangani merupakan surat perjanjian di mana kami telah bersetuju untuk memajak tanah kami seluas 85 ekar di PPD 3792 di Kampung Bukit Panjang, Bukit Kepong, Muar hingga tahun ‘dua puluh ribu’. Saya dan rakan-rakan saya telah kena tipu dengan surat perjanjian tersebut dan dua lelaki Cina dan pegawai Orang Asli Muar. Inilah laporan saya.”

Tuan Yang di-Pertua, saya bawa juga contoh surat perjanjian yang telah dibuat. Surat perjanjian yang dibuat pada 1 September 1994 di antara yang dinyatakan tadi yang mewakili kawasan Orang Asli bagi satu pihak dan dua orang yang saya nyatakan tadi yang disebut sebagai penerima pajak bagi pihak kedua. Pihak Orang Asli telah menawarkan pajakan tanah di Kampung Bukit Panjang, Bukit Kepong seluas 85 ekar PTD 3792 sebagai mana yang dipersetujui akan menyerahkan kawasan pajakan pada 1 Januari 2001. Pihak pertama tidak mendapat apa-apa bayaran sehingga tarikh tersebut dan pihak kedua akan menabur baja sebanyak 10 tan pada tahun ‘dua puluh ribu’. Ianya merupakan perampasan hak. Boleh dikatakan kesemua yang menandatangani surat perjanjian ini bentuk cap jari sahaja dan mereka tidak pernah tahu membaca. Kampung yang berkenaan tidak ada sekolah. Harapkan pagar, pagar makan padi. Harapkan junjung, junjung membawa rebah.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua pernyataan ini ada kaitan dengan perlindungan dan pemajuan hak masyarakat Orang Asli di mana mereka terdiri melebihi 65% adalah buta huruf yang perlu dibela dan dijaga. Ianya berkaitan dengan fungsi dan kuasa Suruhanjaya seperti dalam Fasal 4 demi untuk menjadikannya realiti dan memberi kepentingan semua kaum, adalah saya mencadangkan dalam Fasal 5 supaya mengambil kira, supaya dapat melantik sekurang-kurangnya seorang wakil Orang Asli dalam menduduki anggota Suruhanjaya bagi menjaga kepentingan, perlindungan dan pemajuan hak asasi manusia di Malaysia. Dengan itu saya turut menyokong Rang Undang-Undang Hak Asasi Malaysia 1999. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Mohd. Zuki.

4.30 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999.

Pertama, saya hendak mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana dapat membawa rang undang-undang ini ke Dewan yang mulia ini pada masa ini, sungguhpun ada desas-desus dan kemusykilan segolongan orang yang mengatakan mengapa rang undang-undang ini dibawa sekarang – dibawa dekat-dekat pilihan raya. Pada saya – tidak perlu kerajaan menjawabnya, pada saya rang undang-undang di negara kita ini kita bawa, apabila sampai masanya kita bawa, bukan disebabkan pilihan raya dekat kita bawa rang undang-undang seperti ini. Banyak rang undang-undang yang kita bawa tidak memikirkan pilihan raya. Undang-undang ini dibawa bila kita memikirkan kepada bangsa kita dan diharap bangsa-bangsa dan negara luar menghormati kedudukan negara kita.

Rang undang-undang ini iaitu bagi melindungi dan memajukan hak asasi manusia di Malaysia adalah satu rang undang-undang yang amat tepat dan sangat berguna kepada Malaysia tetapi untuk ia menjadi berkesan, saya ingin

membangkitkan perkara-perkara yang tertentu yang perlu dikaji oleh kerajaan. Ucapan saya tidak begitu panjang, hanya memberi pandangan yang saya fikir patut diberi pandangan.

Yang pertama, sejauh manakah keberkesanannya nanti. Suruhanjaya ini tidak bermakna ia tidak berkesan apabila dilaksanakan tetapi saya hendak tahu sejauh manakah kebebasan apabila dilaksanakan. Kita tidak hendak meluluskan rang undang-undang itu disebabkan kita hendak meluluskan rang undang-undang, kita hendak tengok dengan mata sendiri pelaksanaan undang-undang itu berjalan mengikut undang-undang yang telah kita luluskan.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya ini tidak bermakna tanpa kebebasan. Pada pendapat saya, jika tidak bebas ia boleh dimanipulasikan untuk menghalalkan pencabulan hak asasi. Pengalaman kita menunjukkan bahawa Suruhanjaya dan jawatankuasa siasatan adalah tidak menggalakkan dan memaksa kita berpandangan sipi sedikit. Terdapat juga banyak akta di negara kita ini seperti ISA, OSA, Akta Polis, Akta Hasutan dan juga Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dan seumpamanya, yang boleh difikirkan atau dianggapkan telah mencabuli piawaian antarabangsa hak asasi yang kita terimapakai.

Tetapi kepada saya, negara-negara yang berkata demikian tidak mengetahui kedudukan negara kita. Negara kita berkehendakkan Akta ISA itu untuk mempertahankan kedaulatan dan perpecahan antara satu sama lain di mana negara kita ini adalah negara majmuk. Walaupun begitu bukannya kerajaan menggunakan Akta ISA itu sewenang-wenangnya. Kerajaan jarang menggunakan Akta ISA ini tetapi Akta ISA ini setakat ini penting sebab kita mempunyai berbilang kaum.

Akta OSA, Akta Polis, Akta Hasutan dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, ini amat penting sekali tetapi ambil Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, kerajaan nampaknya tidak menghalang pengeluaran dan pencetakan majalah-majalah dan surat-surat khbar yang kebelakangan ini berkemungkinan menaikkan

kemarahan segolongan penduduk tetapi kerajaan masih lagi menghalalkan majalah-majalah, surat-surat khabar yang tertentu, yang dijual di pasar-pasar di seluruh negara kita Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, hanya satu sahaja, saya minta Akta Polis dan Akta Hasutan ini supaya dapat diperbetulkan iaitu apabila ada satu-satu kesalahan polis untuk disiasat, janganlah jawatankuasa ditubuhkan daripada polis untuk menyiasat kesalahan polis. Biarlah kita ada satu jawatankuasa bebas untuk menyiasat pihak polis yang telah pun bersalah, jika ada.

Begitu juga saya mengharapkan supaya BPR diberi kuasa untuk bertindak sendiri, tidaklah mendapat restu daripada Attorney-General, dengan izin. BPR boleh menjadi DPP sendiri seperti dahulu Tan Sri Harun Hashim yang pernah memegang jawatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, di antara undang-undang yang telah disahkan oleh Malaysia ada juga seperti konvensyen berkenaan dengan penghapusan sebarang bentuk diskriminasi ke atas wanita dan juga konvensyen hak kanak-kanak di tahun-tahun kebelakangan ini di mana konvensyen-konvensyen yang sesuai untuk kita ikuti, kerajaan telah pun mengikutinya.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, bolehkah ia bertindak tanpa memihak kepada sesiapa sedang ianya di bawah pengawasan seorang Menteri yang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang kita hendak bentuk dan tubuhkan nanti. Untuk ini saya mencadangkan bahawa untuk perlindungan sepenuhnya hak asasi rakyat Malaysia, Suruhanjaya ini mestilah dilengkapi dengan kuasa menyiasat sepenuhnya jika berlaku sesuatu pencabulan hak asasi. Suruhanjaya ini mestilah diberi kuasa untuk merujuk dan menyiasat segala bentuk aduan mengenai pencabulan hak asasi kepada Suruhanjaya untuk disiasat dan penyelesaian diambil dan juga mestilah ia mempunyai kuasa untuk mengeluarkan sapina kepada sesiapa sahaja untuk memberi maklumat mengenai dengan pencabulan hak asasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, mereka juga mestilah dapat mendakwa pencabul-pencabul hak asasi ini dan juga mempunyai hak untuk melawat penjara dan pusat tahanan lebih kerap lagi. Prosiding ataupun tindakan di mahkamah janganlah campur tangan dan melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan hak asasi manusia. Dari segi inisiatif menjalankan penyiasatan di peringkat kebangsaan mengenai perkara-perkara yang penting sama juga di atas inisiatifnya sendiri ataupun juga di atas permintaan daripada Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiganya, sejauh manakah ia berkuasa dan akan diberi untuk bertindak.

Yang keempat, bagaimanakah ia akan bertindak terhadap kes-kes yang melibatkan ketua eksekutif kerajaan masa kini dan masa akan datang termasuk Kebawah Duli Raja-Raja sendiri.

Yang kelimanya, Suruhanjaya ini kelihatan seperti diberi kuasa kehakiman di mana mahkamah tidak boleh masuk campur. Apakah garisan pemisah di antara Suruhanjaya dan mahkamah di mana pencabulan hak asasi boleh juga dibicarakan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi perlu diatasi dan diperjelaskan atau Suruhanjaya ini lama kelamaan akan hilang taringnya dan menjadi bahan ejekan sahaja. Suruhanjaya ini nampaknya mempunyai kelemahan yang tersendiri kerana ia di bawah pengawasan, minta maaf, seorang Menteri yang bertanggungjawab kepada Perdana Menteri, walaupun Pengerusi dan ahli-ahli yang lain dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong di atas nasihat Perdana Menteri.

Saya hendak bertanya lagi, adakah ahli-ahli Lembaga bertugas sepenuh masa ataupun separuh masa. Sekiranya secara sambilan, ahli-ahli yang mempunyai pelbagai latar belakang tidak akan menjadi sebebannya kerana mereka tertakluk kepada tekanan luar. Contohnya, jika dia seorang kakitangan kerajaan, walaupun dia mungkin ada kuasa sebagai ahli Suruhanjaya, dia masih terikat

dengan tekanan hirarki perkhidmatan awam. Perkara yang sama juga boleh berlaku kepada ahli korporat dan ahli-ahli lain. Di dalam hal ini juga, terdapat percanggahan kepentingan, dengan izin, conflict of interest.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi adalah lebih baik ahli-ahlinya bertugas sepenuh masa sepanjang lantikan mereka itu iaitu selama tiga tahun. Jaminan hendaklah diberi kepada ahli-ahli Suruhanjaya yang telah tamat tempoh pelantikan mereka bahawa mereka boleh kembali ke jawatan atau perniagaan asal tadi tanpa apa-apa prejudis, rasa tersingkir ataupun menghadapi sebarang gangguan selepas menduduki jawatankuasa itu, kecualilah mereka telah melakukan kesalahan. Adakah ini menjadi satu pilihan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan di dalam rang undang-undang ini juga, nampaknya ahli-ahli Suruhanjaya hanya bertugas separuh masa di mana mereka akan dibayar elaun yang akan ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong. Mungkin ini akan memberi kebebasan kepada ahli yang bertindak kerana mereka boleh kembali ke jawatan asal mereka tetapi secara sambilan ini tidak akan memberi ahli itu kuasa dan komitmen untuk terlibat sepenuhnya.

Pada masa lalu, kebanyakan Suruhanjaya yang dilantik secara sementara dan sambilan hanyalah uantuk mendapatkan faktor-faktor ataupun maklumat-maklumat yang pada asasnya hanya untuk memberi nasihat dan secara amnya tidak mempunyai taring langsung.

Suruhanjaya yang ketika ini sedang dicadangkan dalam perbincangan kita, masuk dalam perbincangan Dewan ini, akan mempunyai kuasa badan kehakiman yang tertentu. Jadi, adakah ini akan merujuk kepada ahli-ahli yang dilantiknya bersifat sambilan, sementara dan hanya untuk jangka masa pendek sahaja? Badan kehakiman adalah berbeza dan mempunyai kuasa yang luas, bebas dan lantikannya adalah tetap dan saraannya pun dua kali.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai fungsi-fungsi dan kuasa suruhanjaya, ia kelihatan seperti suruhanjaya ini hanya untuk mencari maklumat sahaja. Pada

saya, untuk memberi nasihat sahaja, untuk menggalakkan perkara-perkara yang berkaitan dengan hak asasi dan penyebaran serta pengesahan maklumat mengenai sebarang pencabulan hak asasi. Suruhanjaya ini menjadi tidak perlu jikalau kita kaji dari seginya yang begitu. Persoalannya ialah sama ada suruhanjaya ini patut ditubuhkan dengan fungsi yang lebih luas dalam hal ini dari apa yang dicadangkan itu iaitu diberi kuasa-kuasa kehakiman dan penguatkuasaannya dari hanya untuk menggalakkan, mengkaji, menyebarkan dan memberi nasihat ke atas perkara-perkara pencabulan hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, apakah pula peranan Yang di Pertuan Agong selain daripada melantik ahli-ahli suruhanjaya? Adakah suruhanjaya ini hanya melaporkan kepada menteri yang berkenaan sahaja. Di dalam hal ini yang melibatkan ketua eksekutif kerajaan, adakah suruhanjaya ini akan melaporkan kepada pihak atasan yang lebih berkuasa lagi. Saya juga berharap iaitu seperti mana yang diperkatakan oleh kerajaan itu dialu-alukan iaitu suruhanjaya ini akan membentangkan laporan tahunan dan pengauditan kegiatan mereka ke Parlimen. Ini satu usaha yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahaja pandangan saya berkenaan dengan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 dan saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana dapat membawa rang undang-undang ini ke Dewan yang mulia ini untuk diluluskan. Saya harap rang undang-undang ini dapat dilaksanakan dengan jaya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong penuh rang undang-undang ini untuk diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini. Saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Zainudin bin Maidin.

4.48 ptg.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia.

Terutamanya saya ingin menekankan kepada semangat rang undang-undang ini dalam Bahagian II, Fasal 4 yang menekankan tentang tanggungjawab, fungsi dan kuasa suruhanjaya ini iaitu:

- (1)(a) untuk memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubungan dengan hak asasi manusia;
- (b) untuk menasihati dan membantu kerajaan dalam merumuskan perundangan, arahan, tatacara pentadbiran dan mengesyorkan langkah-langkah perlu yang hendak diambil.

Pada pandangan saya dalam mengisi dua tanggungjawab ini falsafah dan konsep yang berorientasikan sejarah dan pembangunan bangsa Malaysia hendaklah menjadi rangka kepada mencapai matlamat ini. Maka itu kita hendaklah kembali kepada sejarah bagaimana kita telah mencapai tahap kemanusiaan yang telah diakui oleh dunia terutama sekali dalam membina sebuah masyarakat multirasial yang harmoni.

Dalam pembangunan kemanusiaan di negara ini sejak kita mengambil tanggungjawab sebagai satu bangsa merdeka, cabaran besar yang dihadapi terhadap pembinaan kemanusiaan mengikut konsep Malaysia sendiri ialah kebanyakannya datang dari luar. Dalam bentuk chauvinism, extremism dan penghayatan, pendemokrasian Barat secara mutlak, maka itu adalah golongan yang menafikan hak-hak yang telah dimaktubkan oleh Perlembagaan telah memporak-perandakan negara ini dengan pendarahan 13 Mei. Pengimportan revolusi Iran yang mencatatkan beberapa orang nasionalis Melayu dalam gerakan Islamnya dalam negara ini dan yang terakhir sekali yang kita hadapi ialah penekanan pengaruh asing dalam nilai demokrasi di Malaysia.

Penentangan daripada golongan yang menjadi anasir-anasir asing ini daripada dahulu hingga sekarang tidak berubah, berselindung di sebalik tuntutan hak bersuara, hak media dan hak demokrasi. Maka itu dalam merangka pembangunan kesedaran dan pendidikan yang berhubung dengan hak asasi

manusia sejarah pembangunan bangsa Malaysia yang meletakkan keutamaan kepada pembasmian kemiskinan di kampung dengan persefahaman di bandar yang menolak garis dan nilai-nilai perkauman, keagamaan yang melampau dan demokrasi liar dari Barat hendaklah menjadi doktrin atau konsep pegangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia di Malaysia. Ia mestilah berasaskan kepada semangat Rukun Negara yang menjunjung prinsip-prinsip ketuhanan, kesetiaan dan kemanusiaan.

Dalam kata-kata lain, ia mestilah berasaskan kepada nilai-nilai sosial, agama dan keperibadian demokrasi Malaysia. Maksud saya, ia hendaklah ditekankan dalam pendidikan perhubungan dengan hak asasi manusia. Jika ini tidak diserapkan dan tidak menjadi penghayatan dalam fahaman kepada hak asasi manusia di Malaysia, maka kita akan terus menghadapi cabaran-cabaran yang akan mengelirukan masyarakat Malaysia terhadap nilai-nilai kemanusiaan yang kita perlukan bagi bangsa Malaysia terhadap matlamat kita, terhadap di mana arah yang hendak kita tuju.

Sekalipun kita telah mengemukakan demokrasi ala Malaysia selepas peristiwa pahit 13 Mei tetapi dengan pendedahan masyarakat kita yang semakin luas, semakin bebas kepada dunia luar, maka kita sukar untuk mencegah mana-mana pihak untuk melihat hak asasi itu daripada kaca mata asing atau untuk melihatnya dari kaca mata kita sendiri.

Hal ini akan menjadi masalah yang berterusan kalau kita tidak memberikan didikan atau memantapkan didikan untuk memahami tentang sejarah kita sendiri. Maka, suatu masa nanti mungkin golongan homoseksual dan lesbian akan menuntut hak mereka di bawah hak asasi manusia di Malaysia dan tidak akan hairan atau tidak mengejutkan kalau ada parti-parti pembangkang ataupun NGO yang akan menjadi pembela kepada golongan ini. Tuntutan Malaysian Malaysia yang diwarisi dari negara Singapura adalah bersifat anti nasional, yang bertentangan dengan nilai-nilai kemanusiaan dan Rukun Negara Malaysia kerana

ia adalah menekankan kepada kaum yang telah tertinggal dalam pembangunan hak-hak manusia di Malaysia.

Penghapusan hak wanita cantik untuk bekerja yang telah pun dilaksanakan, bukan belum dilaksanakan, telah dilaksanakan, telah diberikan arahan secara mulut supaya dilaksanakan. Di negeri Kelantan, bukan tidak dilaksanakan, telah dilaksanakan, bukan hanya satu mainan tetapi telah diberikan arahan. Menteri Besar yang berkenaan telah pun menyatakan bahawa beliau telah membisikkan kepada ketua-ketua dan pegawai-pegawai kerajaan, ini secara serius. Kita tidak boleh anggap ini sebagai satu permainan oleh kerana ianya datang daripada menteri besar dan pegawai-pegawai kerajaan di negeri Kelantan tentunya akan menghormati apa arahan yang telah diberikan oleh menteri besar walaupun secara tidak bertulis dan kita tidak boleh pandang ringan. Ini adalah satu perkara yang serius. Dan penghapusan hak wanita cantik untuk bekerja yang telah pun dilaksanakan di sebuah negeri.

Saya tekankan lagi 'telah pun dilaksanakan' di sebuah negeri di Malaysia dan rancangan untuk mencegah wanita bekerja dan juga cadangan menghukum bunuh orang-orang yang ditafsirkan murtad adalah merupakan manifestasi, fanatisme dan ekstremisme yang bertentangan dengan nilai-nilai kemanusiaan di Malaysia. Maka, yang membuat tuntutan ini dan yang membuat rancangan untuk melaksanakan beberapa lagi langkah yang menggerunkan adalah membuktikan mereka tidak menghayati sejarah pembangunan bangsa Malaysia. Mereka tidak sedar bahawa kesilapan langkah-langkah mereka sendirilah telah memaksa kerajaan untuk mengekalkan ISA, Akta Hasutan dan juga Akta Mesin Cetak dan Penerbitan.

Saya suka untuk mengemukakan suara satu NGO di Malaysia iaitu 'Sisters in Islam' yang menulis panjang lebar di dalam *Utusan Malaysia* bertarikh 24 Julai tentang kebimbangan mereka terhadap dasar-dasar yang akan mengancam rakyat Malaysia. Saya tidak fikir kita harus menganggap kecil pandangan-pandangan ini,

kata 'Sisters in Islam', "*PAS dalam beberapa undang-undang polisi dan kata-katanya telah memilih tafsiran mengenai Islam yang menafikan sifat majmuk warisan masyarakat Malaysia. Prinsip-prinsip demokrasi dan hak kebebasan asasi yang dipegang oleh kebanyakan warganegara Malaysia dan yang lebih penting lagi prinsip-prinsip kebebasan keadilan dan kesaksamaan dalam ajaran agama Islam itu sendiri*". Tulisan ini juga menekankan bukan sahaja disiarkan oleh *Utusan Malaysia* tetapi juga oleh *New Straits Time* pada hari yang sama. Jika orang Muslim sebagai orang yang beriman mahu melalui kehidupan berlandaskan ajaran agama, bentuk agama Islam yang dogmatik, ekstremis dan tidak bertoleransi ini tidak akan memberi penyelesaian kepada cabaran dan realiti dalam negara ini di mana hampir 50% rakyatnya bukan beragama Islam, di mana 47% kaum wanita bekerja, di mana penuntut-penuntut perempuan merupakan sebahagian besar daripada para penuntut bagi pendidikan prauniversiti dan universiti awam dan juga bagi para penuntut dalam kajian undang-undang, perubatan, ekonomi, akauntansi, pengurusan, sains tulen, hayat dan kesihatan bersekutu.

Suatu kemaraan yang besar dalam kaum wanita di Malaysia, kemaraan ke arah meningkatkan ilmu yang dianjurkan oleh agama sendiri. Ini adalah satu kebimbangan yang telah dinyatakan oleh 'Sisters in Islam' mengapa kita sekarang memandang hal-hal tekanan ini yang membimbangkan kita dan memaksa kerajaan untuk terus mengekalkan beberapa undang-undang yang telah saya sebutkan tadi.

Sejarah telah membuktikan yang menjadi ancaman besar hak asasi manusia di negara ini ialah seperti yang saya tegaskan tadi, komunisme, chauvinism dan ekstremisme agama. Setelah berjaya mengatasi ancaman ini, maka kita dapat menjalankan dasar-dasar yang telah membolehkan kita mencapai kemakmuran dan membuktikan kepada dunia kemanusiaan kita semakin meningkat dengan keupayaan-keupayaan besar, menghulurkan kekayaan kita kepada jiran tetangga kita yang miskin, memberi bantuan kepada mangsa-mangsa kekejaman daripada

orang-orang yang tidak berperikemanusiaan di Bosnia dan di Kosovo. Malah kita telah memberikan bantuan kepada pejuang-pejuang Palestine, kita telah memberikan bantuan yang besar kepada orang-orang Bosnia.

Saya masih ingat lagi semasa saya menjadi Ketua Pengarang Utusan Melayu kita telah mengumpulkan RM4 juta wang tunai untuk diberikan bantuan kepada orang-orang Bosnia yang telah menghadapi tindakan yang tidak berperikemanusiaan. RM4 juta ini adalah membuktikan bahawa kemanusiaan berkembang begitu subur di tanah air kita dan kemanusiaan itu dapat diwujudkan oleh kerana adanya kemampuan untuk menghulurkan derma, adanya kemampuan kewangan dan kemampuan kewangan ini telah dibolehkan oleh kerana kita ada kemampuan, kerana dasar-dasar yang benar yang telah kita jalankan.

Di dalam negara kita, sedikit sebanyak kita telah dapat melemahkan percubaan golongan-golongan yang saya katakan tadi untuk berkuasa. Walau bagaimanapun, ancaman mereka belum berakhir dan sekarang mereka menganggap undang-undang yang telah menjamin daripada berulangnya tindakan-tindakan yang boleh menimbulkan huru-hara di Malaysia seperti Akta Menghasut, Akta Percetakan dan Penerbitan dan juga ISA sebagai draconian law. Mereka tidak mahu pada undang-undang ini kerana penghapusannya akan memberi peluang kepada mereka untuk menghancurkan hak-hak asasi manusia di Malaysia.

Saya ingin bertanya walaupun tidak ada di dalam Dewan ini khususnya kepada DAP, apakah tanpa hak-hak istimewa orang Melayu dan tanpa DEB, masyarakat Cina di Malaysia akan berada dalam selamat seperti sekarang ini? Apakah kemanusiaan orang Melayu akan menjadi begitu kental untuk menjamin kesejahteraan hidup orang lain jika mereka terbiar tanpa layanan kemanusiaan dari kerajaan? Apakah yang berlaku di negara tetangga kita tidak akan berlaku di negara ini kalau kemanusiaan kita tidak lebih tinggi daripada mereka? Dasar-dasar ini ialah dasar-dasar kemanusiaan yang telah ditunjukkan bukan sahaja oleh orang-orang bukan Melayu tetapi oleh kesedaran bersama oleh orang-orang bukan

Melayu yang mementingkan kemanusiaan dari kepentingan diri masing-masing yang telah membenarkan kita mewujudkan satu dasar yang telah memberikan hak kepada setiap rakyat untuk berkongsi kekayaan negara ini.

Mereka yang masih tidak dapat memahami keadaan ini sewajarnya mempelajari semula sejarah pembangunan bangsa Malaysia, sejarah perkembangan kemanusiaan di Malaysia. Sejarah kemanusiaan kita dibangunkan dan dibesarkan dalam masyarakat majmuk yang sentiasa menghayati hak-hak manusia dan saling menghormati antara satu sama lain. Anak-anak kita mestilah dididik. Ini adalah menjadi tanggungjawab Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Anak-anak kita mestilah dididik dari kecil untuk mengenali golongan dan anasir-anasir yang boleh menghancurkan kemanusiaan di Malaysia. Suatu muzium tentang kekejaman komunis, tentang kekejaman perkauman seharusnya ditunjukkan dan diadakan di Malaysia untuk menjadi pengajaran sejarah kepada kita. Kita harus bangunkan supaya mereka tidak lupa dari mana kita datang.

Mereka perlu difahamkan pada peringkat ini sudah lebih 40 tahun kita merdeka. Kita masih memerlukan akta-akta yang dianggap sebagai draconian law. Akta-akta ini masih perlu kerana masih ada orang yang tidak menghormati hak-hak kaum yang lemah yang mengetepikan hak-hak untuk berfikir secara bebas dan mereka yang menggunakan agama untuk mencegah manusia berfikir dan bertindak secara rasional.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dalam mengesyorkan kepada kerajaan langkah-langkah perlu diambil hendaklah mengemukakan profile keperibadian kemanusiaan Malaysia untuk pendidikan hak-hak asasi manusia Malaysia dan juga pembangunan manusia Malaysia. Ia hendaklah menekankan pentingnya kemanusiaan kepada pembangunan kebudayaan kebangsaan dan kepada semangat dan roh kehidupan kita. Suruhanjaya dalam menjalankan tanggungjawab mereka hendaklah sentiasa sedar tentang kepentingan kebangsaan dalam menegakkan hak-hak asasi manusia di Malaysia.

Saya menganggap bahawa langkah memperkenalkan rang undang-undang ini adalah satu langkah yang besar dan tepat pada masanya ketika Malaysia sedang menghadapi pencerobohan terhadap hak asasi manusia dari luar negara dan tekanan terhadap hak-hak wanita dan hak-hak berfikir bagi rakyat Malaysia.

Akhirnya, saya menegaskan bahawa pengalaman mengajar kita bahawa kesedaran terhadap perhubungan kita dengan masa lalu telah membolehkan kita mencapai fahaman yang lebih mendalam tentang diri kita sekarang dan mengenalkan kita dengan keupayaan serta batasan untuk membentuk masa depan kemanusiaan kita di negara ini.

Saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kamilia.

5.02 ptg.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang juga memberi peluang kepada saya untuk membahaskan satu rang undang-undang yang saya anggap satu rang undang-undang yang begitu penting yang kita perlu maktubkan sebagai satu undang-undang di negara ini. Walaupun pada hemat saya rang undang-undang ini sebenarnya telah pun diwujudkan di dalam Perlembagaan negara kita di bawah Bahagian 2, Perlembagaan Malaysia, seperti mana juga disebut dalam rang undang-undang ini di bawah Tafsiran bahawa maksud hak asasi yang dikatakan sebagai Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia ini adalah merupakan hak asasi manusia seperti mana termaktub dalam Bahagian 2, Perlembagaan Persekutuan. Jadi, suruhanjaya yang hendak diwujudkan adalah sebenarnya untuk mengimplementasikan apakah dia hak asasi manusia seperti mana yang dituntut walaupun pada hemat saya ianya boleh juga pergi ke mahkamah yang telah sedia wujud.

Walau bagaimanapun, oleh kerana ianya merupakan salah satu isu yang banyak diperkatakan dan banyak kumpulan yang mendesak tentang perlunya kewujudan suruhanjaya ini, maka kita juga merasa mungkin wajar jugalah kita

mewujudkan suruhanjaya ini. Saya juga berpendapat bahawa walaupun kita anggap ianya mungkin diperlukan tetapi perlulah kita berhati-hati dalam kita hendak melaksanakan ataupun memberi kuasa kepada suruhanjaya ini, kerana kita tidak perlu sebenarnya tunduk kepada desakan-desakan terutamanya desakan dari luar yang banyak mempengaruhi kumpulan-kumpulan terutamanya kumpulan-kumpulan NGO di negara ini. Kerana sejarah telah membuktikan bahawa walaupun kita telah merdeka sejak tahun 1957 hingga kini kita telah sebenarnya hidup aman damai, penuh harmoni walaupun negara ini merupakan negara yang mempunyai penduduk yang majmuk tetapi kita telah dapat menunjuk kepada dunia bahawa kita telah dapat mengabadikan hak asasi manusia, bukan melaung-laungkan hak asasi manusia tetapi sebenarnya mengamalkan hak-hak asasi manusia itu dengan hidup secara rukun damai, hormat-menghormati antara satu sama lain dan masing-masing menjalankan tugas bagi satu kepentingan untuk mewujudkan satu negara yang aman dan makmur.

Saya teringat saya membaca buku Mahatma Ghandi bertajuk '*The Man*' di mana Mahatma Ghandi kita tahu juga seorang pejuang kemerdekaan dan juga seorang yang begitu prihatin tentang hak asasi manusia. Beliau pernah memberi komen tentang Universal Declaration of Human Rights ini sebenarnya patut dipanggil 'Universal Declaration of Human Duties'. Saya sebenarnya bersetuju dengan pandangan beliau kerana kita sepatutnya tidak hanya memikirkan hak tetapi sebenarnya perlu memikirkan apakah tanggungjawab kita sebagai manusia lebih daripada kita memperkatakan hak-hak kita. Kerana apabila kita telah melaksanakan tanggungjawab kita sebagai seorang manusia, tentu sekalilah hak-hak itu sendirinya akan terjamin. Saya juga merasakan kalau manusia itu lebih bertanggungjawab tidak akan timbul tentang hak-hak yang dituntut kerana hak-hak itu akan wujud jikalau manusia itu tidak melaksanakan tanggungjawab mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa pihak kerajaan perlulah tegas dan perlulah memastikan bahawa dasar pentafsiran hak asasi manusia ini seperti mana yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Dato' Zam tadi kita perlulah mengekalkan takrif dan maksud hak asasi manusia ini dalam konteks peradaban, konteks adat dan budaya dan nilai-nilai yang memang kita amalkan. Juga kita perlu mengambil kira seperti mana tadi Yang Berhormat Menteri juga telah mengatakan bahawa kita perlulah mengambil kira bahawa kita juga tidak dapat lari daripada nilai-nilai agama yang ada di negara ini. Kita tahu juga nilai-nilai agama di negara ini adalah juga negara yang mempunyai pelbagai nilai tetapi terasnya seperti mana yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan iaitu nilai-nilai agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga di sini ingin memberi sedikit perbandingan supaya kita dapat benar-benar menghayati apakah yang diperkatakan di dalam peruntukan Universal Declaration of Human Rights seperti mana yang dimaktubkan di bawah PBB ataupun United Nations yang banyak telah diratifikasikan ataupun diguna pakai di seluruh dunia. Tetapi kita telah menetapkan bahawa hak asasi manusia kita itu seperti dalam peruntukan Bahagian 2, Perlembagaan Persekutuan, kerana saya ingin memberikan perhatian kepada kita semua bahawa dalam Universal Declaration of Human Rights ini ada 30 Artikel dan jikalau dilihat di bawah Perlembagaan kita Bahagian 2, kita ada sembilan Artikel yang memberikan hak-hak asasi mengikut peruntukan Perlembagaan. Tentu ada pihak yang mengatakan bahawa peruntukan hak asasi itu mungkin tidak mencakupi sepenuhnya apa yang diperuntukkan di bawah Universal Declaration of Human Rights. Tetapi pada hemat saya apa yang termaktub di dalam Perlembagaan ini adalah mencukupi dan ianya mencakupi apa yang terdapat di bawah Universal Declaration of Human Rights yang mana diperuntukkan di bawah Charter United Nations. Satu contoh yang saya lihat yang mungkin ada yang mengatakan bahawa terdapat perbezaan ialah saya melihat

kepada Perkara 11. Contohnya Perkara 11 iaitu kebebasan untuk beragama (freedom of religion) yang dibandingkan dengan Artikel 18 dalam Universal Declaration of Human Rights.

Tuan Yang di-Pertua, di sini pada hemat saya kalau kita hendak mengikut apa yang diperuntukkan di bawah Artikel 18, Universal Declaration of Human Rights ini, ianya amat bertentangan dengan apa yang terdapat dalam amalan agama yang dilaksanakan di dalam negara kita, iaitu di sini di bawah Artikel 18, di bawah Universal Declaration of Human Rights ia mengatakan bahawa seorang itu bebas untuk memilih atau menukar agamanya. Jadi, ini adalah bertentangan dengan apa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan kita di mana orang Islam tidak bebas untuk menukar agamanya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita melihat kepada takrif hak asasi manusia ini kadangkala mungkin akan timbul perkara ini akan dibahaskan. Tetapi seperti mana yang kita telah katakan pihak kerajaan perlulah tegas bahawa maksud dan makna hak asasi manusia yang perlu diamalkan dan terpakai dan yang perlu diberi tafsiran oleh suruhanjaya yang akan ditubuhkan nanti yang diberi tugas untuk memastikan dan menguatkuasakan hak asasi manusia itu bahawa apa pun yang mungkin akan ditimbulkan dan diperbandingkan dengan apa yang merupakan deklarasi hak asasi manusia di peringkat antarabangsa itu tidak terpakai kepada negara kita.

Begitu juga satu lagi yang saya dapat lihat di bawah perkara 'freedom of speech' yang dimaksudkan di bawah Perkara 10 dalam Perlembagaan kita dibandingkan dengan Artikel 19 di bawah Universal Declaration of Human Rights. Mengikut apa yang diperuntukkan di bawah Artikel 19 ini, telah mengatakan bahawa, dengan izin, "*Everyone has the right to freedom of opinion and expression, this right includes freedom to hold opinions without interference and to seek, receive and impart information and ideas through any media and regardless of frontiers*".

Tentu sekali, Tuan Yang di-Pertua, dalam kita memberi tafsiran kepada apa yang ada dalam ini kalaulah dijadikan perbandingan dengan apa yang diperuntukkan dalam Perlembagaan kita, maka kita akan dikatakan mempunyai hak asasi manusia yang mempunyai sekatan-sekatan sebab kita tahu kita mempunyai beberapa perundangan yang tidak membenarkan perkara-perkara yang sensitif yang boleh dibangkitkan. Tetapi saya juga berkesempatan membaca juga deklarasi termasuk di bawah International Covenant yang masih belum diratifikasikan oleh negara kita dan saya dapati bahawa International Covenant on Civil and Political Rights di sini walaupun adanya 'freedom of speech' dalam Universal Declaration of Human Rights ini tetapi dalam Covenant ini ia ada juga menyebut bahawa perlunya ada sekatan jika ianya tidak membawa kepada keamanan.

Jadi, inginlah saya mengatakan di sini bahawa walaupun mungkin banyak terutamanya NGO-NGO yang mengatakan bahawa kebebasan untuk bercakap di negara ini mempunyai sekatan-sekatan tertentu tetapi mereka juga perlu melihat balik kepada apa yang diperuntukkan di bawah covenants yang berkaitan dengan Universal Declaration of Human Rights ini bahawa 'freedom of speech' itu bukanlah absolute, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, atau kita katakan mutlak tetapi ianya juga secara 'implied'nya mempunyai makna bahawa ianya juga perlu sekatan sebab apa pun yang dikatakan pelaksanaan hak asasi manusia itu membawa juga kepada keamanan, untuk membawa kepada keharmonian dan apa yang membawa kepada kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang banyak diperkatakan, apa yang banyak dipersoalkan, apa yang banyak dikritik oleh kerajaan, itu sebenarnya adalah tidak berasas kerana Declaration of Human Rights itu sendiri dan covenants, dengan izin, meletakkan bahawa keamanan itu adalah yang terpenting. Justeru itu jikalau kita katakan keamanan itu yang terpenting, tentu sekalilah tafsiran kepada hak asasi itu perlu dihalusi dan tidaklah dilihat dari kaca mata

ataupun daripada kehendak pihak-pihak yang berkenaan kerana mereka memerlukan kebebasan tersebut untuk tujuan-tujuan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin tegaskan di sini bahawa lagi sekali saya mengatakan apa pun tafsiran hak asasi kita itu perlulah dilihat dari dalam konteks hak asasi manusia negara ini dan hak asasi manusia dalam negara ini juga adalah sebenarnya berteras kepada prinsip-prinsip universal yang kalau dilihat daripada masyarakat luar atau peringkat antarabangsa juga menuju kepada satu matlamat.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya, saya ingin pula melihat kepada penubuhan suruhanjaya ini dari segi fungsi dan kuasa suruhanjaya. Tadi, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki telah mempersoalkan tentang sejauh manakah kuasa suruhanjaya ini dan apakah suruhanjaya ini benar-benar dapat menguatkuasakan fungsi yang telah diberikan kepadanya.

Di sini mungkin perlu kita lihat kepada siapakah dia ahli-ahli ataupun anggota suruhanjaya dan tempoh jawatan. Saya lihat di sini, mengikut anggota suruhanjaya tempoh jawatan di bawah Seksyen 5, para 3 ini bahawa mereka ini hendaklah dilantik daripada kalangan tokoh terkenal termasuk mereka yang datang daripada pelbagai latar belakang, agama dan kaum dan mereka ini adalah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Jadi, di sini peruntukan ini pada hemat saya sudah merangkumi kehendak ataupun semangat atau the spirit of the rang undang-undang yang telah diwujudkan di mana yang pentingnya dalam melaksanakan tugas suruhanjaya ini ialah dapat kita sebenarnya mentafsirkan apakah maksud hak asasi berkenaan, jikalau tokoh-tokoh yang dilantik itu adalah mereka yang berlatarbelakangkan agama dan kaum. Ini bermakna bahawa mereka itu perlulah mereka yang sebenarnya mempunyai latar belakang yang memang wajar dan mempunyai kebijaksanaan, tentu sekalilah saya mencadangkan mereka ini merupakan orang

yang the senior group, yang mempunyai kematangan yang tinggi dan mempunyai juga latar belakang sejarah yang tinggi dan pengetahuan yang luas.

Saya rasa ini perlu diambil kira dan jikalau boleh kita mahulah mereka ini yang merupakan telah banyak pengalaman, sebabnya jikalau mereka ini tidak mempunyai latar belakang yang kuat, perkara ini boleh dijadikan satu perkara yang dipolitikkan ataupun juga dijadikan satu perkara yang diperisukan ke peringkat antarabangsa, sebab kita tahu bahawa isu-isu hak asasi ini adalah satu isu yang begitu popular di peringkat antarabangsa. Malah kita dapati bahawa isu hak asasi ini digunakan untuk pelbagai sebab, ada kalanya ianya digunakan untuk memberi perlindungan kepada kumpulan-kumpulan minoriti yang sebenarnya kalau dilihat di negara berkenaan, kumpulan minoriti itu mungkin telah tidak wujud ataupun tinggal beberapa kerat sahaja, ataupun mungkin kadangkala digunakan untuk mengkucar-kacirkan keadaan politik sesebuah negara.

Jadi, jikalau kita tidak mempunyai anggota suruhanjaya yang begitu mantap, yang mempunyai kredibiliti yang tinggi di kalangan masyarakat di negara ini, jadi tentulah ianya akan menjadi persoalan.

Jadi, saya inginlah mencadangkan kepada kerajaan untuk memilih anggota suruhanjaya ini orang-orang yang betul-betul mendapat kepercayaan daripada semua lapisan masyarakat dan jikalau boleh biarlah mereka itu dilihat bukan sahaja dilihat, tetapi dapat melaksanakan tugas mereka dengan penuh kredibiliti dan penuh kebebasan kerana pada saya isu hak asasi ini seperti saya katakan tadi, adalah satu isu yang sensitif tetapi masih lagi dapat kita atasi jikalau kita benar-benar mendapatkan anggota suruhanjaya yang mempunyai kewibawaan yang tinggi.

Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian tentang tempoh jawatan, adakah tempoh jawatan ini selama tempoh dua tahun ini, walaupun layak dilantik semula, tidakkah ianya merupakan satu tempoh yang begitu pendek dan kerana ianya akan merupakan satu tandatanya kepada

masyarakat awam, mengapakah tempoh itu terlalu pendek dan adakah jikalau seseorang itu tidak layak ataupun ianya mungkin tidak mengikut kehendak apa yang perlu dibuat oleh seseorang itu, maka ianya boleh diberhentikan. Mungkin pihak kementerian mempunyai rasional untuk tempoh dua tahun, tetapi mungkin juga kita dari pihak awam, kita melihatkan bahawa tempoh ini adalah juga satu elemen yang penting untuk kita memastikan bahawa kredibiliti suruhanjaya itu dapat dibaca, sama ada ianya ada satu suruhanjaya yang begitu berkomited dan serius dalam melaksanakan tugas mereka. Kalau seseorang itu hanya diberi dua tahun tempoh, mungkin komitmennya tidak tinggi tetapi jikalau ianya diberi tempoh masa yang lebih lama, mungkin komitmennya tinggi dan ianya boleh memberikan satu kredibiliti kepada suruhanjaya kerana pilihan itu perlulah dilihat daripada kredibiliti seseorang itu dan dengan sendirinya akan menentukan kredibiliti suruhanjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melihat kepada fungsi yang membawa kepada kesedaran dan pendidikan dan juga menasihati dan membantu kerajaan dan mengesyorkan kepada kerajaan berkenaan penandatanganan atau pernyataan dalam triti dan suratcara yang menyiasat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi yang tersebut di bawah Seksyen 12.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa fungsi ini adalah satu fungsi yang berat dan ianya memerlukan anggota yang sepenuh masa, tadi saya ingat Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bertanya sama ada sepenuh masa ataupun sambilan, kalau dilihat daripada fungsi suruhanjaya ini, kita memerlukan mereka yang sepenuh masa dan mereka ini bukan sahaja sepenuh masa tetapi juga perlu dibantu oleh pakar-pakar untuk memberi nasihat kepada mereka mengenai perkara-perkara terutamanya yang saya lihat ini ialah mengesyorkan kepada kerajaan berkenaan penandatanganan atau penyertaan dalam triti dan suratcara antarabangsa yang lain dalam bidang hak asasi manusia.

Saya rasa triti dan juga suratcara-suratcara antarabangsa ini perlu diteliti dengan bijaksana dan perlukan mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang hak asasi manusia jika tidak dalam bidang sosial, budaya, adat dan juga agama. Dan juga dalam bahagian (d) – menyiasat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi manusia, ini juga adalah satu perkara yang serius dan banyak memerlukan prinsip-prinsip perundangan.

Jikalau kita lihat daripada fungsi dan kuasa suruhanjaya ini memerlukan, yang pertama, kita tahu kepakaran dan kemahiran dan seperti yang saya katakan tadi kewajaran dan kebijaksanaan, tetapi ianya juga memerlukan satu pasukan yang berwibawa dan mempunyai kemahiran untuk membantu suruhanjaya ini jikalau bukan orang ahli suruhanjaya itu sendiri kerana kalau hanya ahli-ahli suruhanjaya itu, mungkin ianya tidak mempunyai masa yang cukup dan mungkin juga ianya tidak mempunyai kepakaran yang cukup untuk melaksanakan tugas-tugas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat kepada banyak yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi, iaitu satu perkara yang juga saya rasa penting untuk membolehkan suruhanjaya ini dapat melaksanakan tugasnya dengan berkesan iaitu dari segi dana suruhanjaya, sejauh manakah kerajaan bersedia untuk memberi perbelanjaan bagi suruhanjaya untuk memastikan bahawa fungsi-fungsi yang telah diberikan kepada suruhanjaya ini benar-benar dapat dilaksanakan. Adakah kerajaan hendak memberikan dana dari segi hanya untuk menjalankan tugas ataupun mungkin ia juga hendak membuatkan ianya sebagai satu suruhanjaya yang lengkap dengan seksyen atau sektor penyelidikan dan pembangunan atau research untuk suruhanjaya ataupun pihak suruhanjaya ini mungkin merupakan satu lagi suruhanjaya-suruhanjaya yang banyak telah diwujudkan di negara ini yang mungkin banyak telah dapat melaksanakan tugas-tugas tetapi pada hemat saya, suruhanjaya ini adalah merupakan satu suruhanjaya yang berbeza daripada suruhanjaya-suruhanjaya yang

ada, kerana ianya bukan hanya terikat kepada perkembangan dan pembangunan isu-isu di negara tetapi juga ianya perlu melihat kepada perkembangan dan pembangunan isu-isu di peringkat antarabangsa. Jadi, ianya mungkin memerlukan dana yang lebih tinggi untuk dapat melaksanakan tugas-tugas suruhanjaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga lihat Bahagian III – Kuasa Siasatan Suruhanjaya ini juga kehendak atas suruhanjaya menyiasat atas kehendak sendiri atau atas aduan, ini juga merupakan tanggungjawab yang membolehkan tindakan yang boleh diambil terhadap mereka yang membuat pencabulan hak-hak asasi. Ini juga memerlukan expertise yang terbaik untuk dapat membantu suruhanjaya dalam kes-kes yang berkaitan dengan hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat bahawa dalam kita melihat kepada hak-hak asasi manusia ini, perlulah pihak kementerian membuatkan satu program untuk memberi penerangan dan pengetahuan kepada awam tentang apakah dia makna hak asasi manusia ini dalam konteks negara ini, sebab apa yang kita banyak dengar tentang hak asasi ini ialah hak-hak asasi dalam bentuk yang tidak berapa positif untuk negara dan terutamanya terhadap kerajaan.

Ini ialah kerana kurangnya pengetahuan rakyat tentang apakah itu maksud hak asasi dan oleh kerana kurangnya pengetahuan itu, kita dapati ramai yang lebih senang dipengaruhi oleh elemen-elemen yang membawa kepada gambaran yang negatif tentang hak asasi di dalam negara ini. Kalau kita lihat sebenarnya, memang banyaklah ataupun luasnya kesedaran tentang maksud has asasi dalam negara ini, tentu sekalilah saya rasa tidak timbul banyak isu yang mempersoalkan tentang hak-hak asasi manusia di negara ini. Walhal kita lihat bahawa Perlembagaan Malaysia di bawah Bahagian II begitu lengkap memberi perlindungan kepada hak-hak asasi kepada individu di negara ini.

Jadi, kita dapati bahawa ini adalah satu kelemahan pihak kita atau pihak kerajaan ataupun mungkin di sekolah-sekolah, di peringkat pendidikan rendah atau tinggi dan juga di universiti-universiti kurangnya kita memberi penekanan tentang

mengaitkan apa yang diperolehi atau apa yang kita dapat dalam negara ini ataupun apa yang diberikan oleh pihak kerajaan, itu adalah merupakan satu hak yang telah menunaikan tanggungjawab kita kepada hak-hak asasi warganegara di negara ini.

Saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian ataupun mungkin bekerjasama dengan Kementerian Penerangan ataupun Pendidikan untuk kita dapat lebih memberitahu tentang apa itu takrif hak asasi, hak asasi ini sudah jadi satu perkara yang tidak berapa positif, bila disebut hak asasi sahaja, orang akan melihat kepada kerajaan itu tidak merupakan kerajaan yang adil, kerajaan yang tidak melaksanakan hak asasi manusia. Jadi, saya berharaplah tindakan-tindakan yang wajar akan diambil oleh pihak kementerian dan pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan oleh pihak kementerian dan kita amat berharaplah bahawa suruhanjaya ini benar-benar dapat melaksanakan tugas mereka dan juga kita mahukan pihak kementerian juga betul-betul mewujudkan sebuah suruhanjaya yang credible dan mendapat kepercayaan dari rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini ditangguhkan hingga pukul 10.00 pagi, hari Isnin 2 Ogos 1999.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

*Lampiran***AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob,

P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T.,
P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri Penerangan,
Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob,
P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum
(Dilantik)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)

- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato’ Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Tuan Jangu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)

- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi, A.M.P., P.P.N.,
P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Puan Norsimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Tuan Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Abas (Melaka)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Noor (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Chek Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara	:	Encik Abdullah bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman
	:	Haji Mustakin bin Selamat
	:	Shahrom bin Haji Hasan
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman
	:	Ruhana binti Abdullah
	:	Riduan bin Rahmat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah
	:	Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
	:	Hajah Supiah binti Dewak
	:	Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
	:	Mohamed bin Osman
	:	Hajah Norishah binti Mohd. Thani
	:	Shamsina binti Janor
	:	Ramlah binti Mohd. Yusuff
	:	Miskiah binti Hassan
	:	Rosnani binti Ahmad
	:	Noor Effarizan binti Mat Satib
	:	Nurziana binti Ismail
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
	:	Mejar (B) Zakaria bin Salleh
	:	Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PARLIMEN KESEMBILAN**PENGGAL KELIMA****MESYUARAT KEDUA**

Jilid V	Bil. 18	Khamis	29 Julai 1999
----------------	----------------	---------------	----------------------

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999)1999. (Ruangan 30)

Rang Undang-undang Suruhanjaya
Hak Asasi Manusia Malaysia 1999. (Ruangan 112)